

**PERANAN GURU TINGKATAN ENAM DALAM MEMBENTUK PELAJAR TERARAH KENDIRI DAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN ABAD KE-21****Maimunah Nasir (Ph.D)**SMK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah  
*mainasir69@gmail.com***Hashimah Mohd Yunus(Ph.D)**Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia  
*myshima@usm.my*

**Abstract:** This article describes the role of the Form Six Secondary School teachers in producing students with self-directed learning skills. Self-directed learning is a strategy to prepare the students for the working world of the 21st century either after school graduation or university graduation. The roles of the 21st century teachers are to help prepare the students in becoming responsible citizens, ready to face the working world and life challenges while helping students pass the Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) as well as providing tickets for them to pursue higher education. The goal can be achieved if teachers apply a pedagogical approach self directed learning focused on the development and improvement of students' skills. Self-directed learning is a learning strategy that is not new but it is still appropriate to be put into practice in the classroom as the skills acquired through self-directed learning are still relevant to the needs of 21st-century life. Self-directed learning serves as a skill acquisition strategy in which students are able and confident to use the skills learned thus engage themselves in as well as further exploring their independent learning skills in the future.

**Keywords:** *Learning Strategy, Self-directed Learning, 21st Century Skill, Form 6 Students*

**PENGENALAN**

Transformasi kurikulum Tingkatan 6 bermula pada tahun 2012 yang mementingkan pendekatan andragogi. Andragogi adalah seni dan sains pembelajaran dewasa, merujuk kepada sebarang bentuk pembelajaran orang dewasa (Pappas, 2013). Justeru, sewajarnya pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran adalah strategi yang dapat menyediakan pelajar untuk menangani isu, menjana idea, menjawab persoalan dan menyelesaikan masalah selaras dengan kurikulum baharu Tingkatan 6. Kurikulum ini mengutamakan pendekatan andragogi yang menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada modal insan sehingga menjadi satu budaya hidup dalam abad ke-21 yang mencabar. Pendidikan sepanjang hayat telah menjadi satu dasar pendidikan dalam banyak negara untuk membolehkan pelajar terus menggunakan ilmu, contohnya bidang sains yang dipelajari dan kemahiran yang diperolehi untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan kehidupan profesional mereka kelak (Dehmel, 2006; Wang, Song, & Kang, 2006).

Generasi yang ingin dihasilkan dalam abad ke-21 ini ialah generasi yang dapat menghadapi cabaran dalam situasi kehidupan sebenar di samping bertanggungjawab untuk mengekalkan pembangunan di dunia ini dan menjadikannya tempat yang lebih baik. Negara memerlukan rakyat yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, tabah menghadapi cabaran dan cemerlang dalam semua aspek pendidikan. Rakyat yang mempunyai kemahiran abad ke-21 dapat membantu mencergaskan semula ekonomi yang malap, mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan dan dapat memelihara alam sekitar yang semakin musnah. Oleh itu fokus utama pembelajaran untuk menghadapi cabaran abad ke-21 ialah memberi penekanan terhadap semua aspek pembangunan individu dalam menghadapi dunia pekerjaan dan kehidupan.

Tuntutan globalisasi ini memerlukan pelajar belajar untuk menjadi individu yang mempunyai sifat ingin tahu, terkawal, bebas dan aktif dalam pembelajaran mereka. Secara tidak langsung pembelajaran sedemikian membolehkan pelajar menyesuaikan diri dengan situasi yang sentiasa berubah-ubah dalam dunia pekerjaan, kehidupan peribadi dan kehidupan sosial dalam masyarakat berpengetahuan (Chee, Shanti, Tan, & Mun, 2011). Adalah sangat penting bagi pendidik menganalisis dan menilai perkembangan terkini untuk membuat keputusan mengenai kaedah pengajaran yang sesuai supaya pelajar bersedia untuk menghadapi situasi tersebut. Persoalannya ialah adakah guru-guru tingkatan 6 di Malaysia hanya menyediakan pelajar untuk menghadapi peperiksaan bertulis Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) semata-mata atau pada masa yang sama turut menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan dan kerjaya mereka akan datang?

Kemahiran abad ke-21 merupakan penekanan baru ke atas kemahiran dan keupayaan, bukan pada domain khusus isi kandungan mata pelajaran semata-mata (Breslow, 2015). Kebanyakan pekerjaan dalam abad ke-21 ini seolah terhad kepada bidang teknologi maklumat dan komputer, tetapi guru perlu peka tentang pelbagai kemungkinan pekerjaan yang memerlukan kepakaran individu seperti bekerja dengan idea-idea, manusia atau sistem, bukannya objek fizikal semata-mata. Justeru, pendekatan pembelajaran yang dipilih bukan sahaja mementingkan hasil pembelajaran yang bakal diperoleh pelajar tetapi mestilah menitik beratkan perkara yang pelajar perlu tahu dan perkara yang pelajar dapat lakukan.

Menurut Costa dan Kallick (2003), jika kita percaya bahawa kita sedang menyediakan pelajar untuk berhadapan dengan cabaran masa hadapan yang semakin kompleks maka fokus pendidikan mestilah turut berubah. Maka semua tahap pendidikan, dari peringkat sekolah rendah sehingga peringkat universiti, mesti berubah daripada pendidikan berasaskan disiplin tertentu kepada penyediaan pelajar yang berkemahiran abad ke-21 yang bersifat global, berpusatkan teknologi dan maklumat (Soulé & Warrick, 2015). Oleh yang demikian, kedua-dua guru dan pelajar mestilah menjadi pelajar berterusan sepanjang hayat yang sentiasa mempunyai dorongan dalaman untuk melakukan analisis sendiri, rujukan sendiri, penilaian sendiri dan pembetulan sendiri.

#### **RASIONAL MEMBENTUK PELAJAR TINGKATAN ENAM SEBAGAI PELAJAR TERARAH KENDIRI**

Budaya “*spoon feeding*” masih wujud dalam peringkat sekolah menengah termasuklah dalam kalangan pelajar Tingkatan 6. Menyediakan semua maklumat kepada pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah bukanlah satu budaya yang hendak diterap melalui transformasi kurikulum Tingkatan 6. Para pendidik harus peka bahawa ketidakupayaan pelajar untuk melaksanakan pembelajaran arah sendiri (PAK) dengan baik mendorong kepada kemerosotan prestasi akademik seseorang pelajar (Semmar, 2007; Sukseemuang, 2009). Oleh itu, membangunkan kesediaan PAK akan membantu untuk meningkatkan proses seseorang menjadi pelajar yang matang sepanjang hayat.

Knowles (1975) telah memperkenalkan PAK dalam dunia pendidikan dengan mentakrifkan PAK sebagai satu proses bagi individu mengambil inisiatif, dengan atau tanpa bantuan daripada orang lain dalam mengenalpasti keperluan pembelajaran mereka seperti merumuskan matlamat, mengenal pasti sumber, memilih dan melaksanakan strategi pembelajaran yang sesuai, dan menilai hasil pembelajaran. Oleh itu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar tingkatan 6 perlu berubah daripada berpusatkan guru (*spoon feeding*) kepada yang berpusatkan pelajar dengan imbalan pengetahuan, kemahiran, dan sikap. Jelas di sini PAK bukanlah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang baharu tetapi kita perlu meneliti dengan pandangan yang lebih luas kerana PAK masih relevan untuk dipraktikkan sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran pelajar Tingkatan 6. Soulé dan Warrick (2015) menegaskan walaupun kemahiran seperti terarah diri, kreativiti, pemikiran kritis, dan inovasi mungkin agak lapuk untuk abad ke-21, tetapi kemahiran-kemahiran ini masih relevan dengan kehendak pekerjaan dalam zaman sekarang dan masih dianggap sebagai asas untuk berjaya.

Lepasan STPM mesti berupaya untuk berfikir secara kritis dan kreatif menyelesaikan masalah, berkomunikasi dengan berkesan, bekerjasama, mencari dan menilai maklumat dengan cepat dan berkesan dengan menggunakan teknologi walaupun mereka merancang untuk terus bekerja atau memilih kolej vokasional, kolej komuniti, atau universiti selepas tamat persekolahan menengah. Hal ini adalah kerana kehidupan dalam abad ke-21 sangat memerlukan individu yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi seperti pemikiran kritis, kreatif dan boleh menyelesaikan masalah (Kalelioglu & Gulbahar, 2013; Muhlisin, Susilo, & Amin, 2016). Kemahiran yang diperlukan tidak hanya

untuk kejayaan dalam kerjaya tetapi juga untuk kehidupan peribadi yang berkualiti dan mempunyai kesedaran sivik yang tinggi.

Guru-guru Tingkatan 6 perlu memberi tumpuan dalam membantu pelajar meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi seperti menganalisis dan mensintesis maklumat. Menurut Breslow (2015), antara kecekapan dalam dunia pekerjaan abad ke-21 adalah keupayaan untuk menganalisis, mensintesis, menyelesaikan masalah, berfikir secara kritis, bekerjasama, mampu bekerja dengan berkesan dalam satu pasukan, menangani konflik, berinovasi, mahir dalam bidang keusahawanan, dan, sudah tentu mampu berkomunikasi dengan baik.

Dağal dan Bayindir (2016) telah mencadangkan bahawa salah satu matlamat pendidikan bersesuaian dengan era lonjakan pengetahuan yang berlaku sangat pantas sekarang adalah untuk meningkatkan penghasilan individu yang mampu mengakses sendiri keperluan pembelajaran seperti kaedah pembelajaran dan sumber yang diperlukan untuk mencapai keperluan pembelajaran sendiri, menghasilkan pelajar yang sentiasa bermotivasi dan berupaya untuk belajar sendiri tanpa bantuan guru sepenuhnya. Pernyataan yang dikemukakan oleh Dağal dan Bayindir (2016) itu merujuk kepada ciri-ciri PAK kerana secara amnya PAK dikenali sebagai peningkatan dalam kesedaran pelajar dan penerimaan tanggungjawab peribadi untuk pembelajaran mereka sendiri dengan pemerolehan kemahiran untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka. Kesedaran pelajar dan penerimaan tanggungjawab peribadi tersebut termasuklah memahami amalan terbaik individu dalam pembelajaran; khusus tentang teknik pembelajaran atau pendekatan pedagogi yang memaksimumkan pembelajaran. PAK juga telah terbukti dapat memberikan impak yang begitu signifikan kepada kejayaan seseorang pelajar khususnya dalam bidang akademik (Muhamad Suhaimi, Mohd Yusof, & Roslee, 2014).

## PERANAN GURU DALAM MENGHASILKAN PELAJAR TERARAH KENDIRI

Guru yang hendak melaksanakan PAK dalam bilik darjah mestilah memastikan iklim bilik darjah sentiasa positif supaya pelajar dapat menjalani PAK dalam keadaan menyeronokkan. Guru boleh mengekalkan iklim bilik darjah yang positif dengan cara merancang organisasi bahan yang hendak digunakan untuk proses pengajaran dengan teliti dan sentiasa mendorong semua pelajar agar dapat menjalani PAK dengan jayanya. Namun demikian, guru juga tidak sepatutnya terburu-buru memaksa pelajar yang tidak dapat mengikuti PAK pada peringkat awal kerana bukan semua pelajar dapat menerima perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran secara drastik lebih-lebih lagi pelajar yang memasuki Tingkatan 6 sudah biasa menerima maklumat secara pasif daripada guru semasa mereka berada dalam peringkat menengah rendah. Berikut dijelaskan empat peranan guru tingkatan 6 yang boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan PAK semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

### Menggalakkan Pelajar Meneroka

Cara untuk menggalakkan pelajar meneroka sumber maklumat ialah dengan menyediakan senario masalah yang mencabar contohnya senario masalah dalam pembelajaran berasaskan masalah (PBM) atau memberi tugas yang memerlukan pelajar mendapat maklumat sebanyak mungkin. Contohnya, dalam mata pelajaran Biologi guru boleh mengemukakan senario masalah sebenar bagi konsep genetik. Guru mestilah memastikan masalah yang diberi mempunyai maklumat yang boleh membantu pelajar meneroka maklumat-maklumat tambahan dari pelbagai sumber untuk menyelesaikan masalah (Maimunah, 2016).

Pelajar digalakkan meneroka maklumat dari Internet dengan menggunakan enjin carian *Google* dan lain-lain enjin carian, bertanya kepada rakan-rakan atau merujuk sebarang sumber yang boleh menjawab semua persoalan yang dikemukakan. Mungkin pelajar akan menganggap apabila bertanya kepada rakan-rakan cara penyelesaian, maka mereka sebenarnya tidak belajar malah meniru. Oleh itu guru mestilah menjelaskan kepada pelajar bahawa perbincangan dengan rakan-rakan adalah satu aktiviti yang sangat baik kerana dengan cara ini mereka sebenarnya berpeluang mengawal pembelajaran mereka sendiri, mengenal pasti apa yang perlu diketahui, menemui sumber yang sesuai dan seterusnya membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah.

Seperti mana yang telah dicadangkan oleh Quieng, Lim, dan Lucas (2015), kemahiran berkomunikasi, hubungan dan kerjasama akan menjadi komponen penting untuk membina motivasi dalam diri pelajar; seterusnya, apabila pelajar bermotivasi, ini akan menggalakkan mereka untuk berfikir secara kritis dan mengambil tindakan ke arah pencapaian

matlamat. Kemahiran ini akan membantu pelajar menguasai kebolehan pelbagai dimensi yang diperlukan dalam abad ke-21 dan seterusnya.

### **Mengemukakan Soalan**

PAK melibatkan permulaan aktiviti mencabar diri dan membangunkan pengetahuan serta kemahiran peribadi untuk meneruskan cabaran hingga berjaya. Dalam bilik darjah terdapat pelbagai ragam pelajar misalnya yang suka bertanya dan tidak kurang juga yang lebih suka menerima input secara pasif sahaja. Tidak dinafikan bahawa sebahagian besar pelajar mempunyai sikap ingin tahu yang tinggi tentang sesuatu perkara. Apabila pelajar bertanya soalan kepada guru, sebaiknya guru jangan terus memberi jawapan kepada pelajar tersebut tetapi cubalah menyoal semula kepada pelajar supaya mereka terdorong untuk mendapatkan jawapan dengan sendiri.

Lama-kelamaan pelajar merasa biasa dengan PAK dan mendapat jawapan yang mereka cari seperti yang pernah ditegaskan oleh Savin-Baden dan Major (2004) iaitu dalam konteks pembelajaran, PAK membawa maksud tersirat iaitu pembelajaran memberi kuasa kepada pelajar untuk menjadi diri bebas, matang, dan diri mereka yang sebenar. Walaupun guru menggalakkan pelajar untuk menjawab persoalan mereka sendiri tetapi guru perlulah bertindak sebagai pemudah cara agar pelajar menyelidiki jawapan yang mereka peroleh sendiri. Ini adalah kerana kemungkinan lambakan maklumat yang diperolehi daripada laman sesawang dan sumber-sumber lain adalah maklumat palsu yang mengandungi idea yang tidak tepat. Adalah jelas bahawa guru turut memainkan peranan dalam PAK dan bukan hanya membiarkan pelajar membina pengetahuan secara membuta tuli.

### **Menyediakan Sumber Pembelajaran**

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang mahir dalam pengetahuan isi kandungan mata pelajaran, berkebolehan, celik huruf, celik angka, dan celik teknologi (Quieng et al., 2015). Mengakses maklumat di hujung jari merupakan keperluan dalam PAK. Menyediakan pelajar dengan kemudahan Internet, komputer dan lain-lain alat peranti moden adalah cara mudah untuk menggalakkan PAK dalam bilik darjah. Kebanyakan pelajar sekarang sangat cekap dalam penggunaan alat peranti moden seperti telefon pintar yang boleh digunakan untuk mengakses maklumat daripada Internet melalui carian *Google*, *Internet Explorer*, *YouTube* dan lain-lain.

Contohnya semasa pelajar menyelesaikan masalah yang dikemukakan tentang konsep pewarisan darah keluarga yang tidak mematuhi Hukum Mendel, maklumat yang diperlukan tidak terdapat dalam buku Biologi Tingkatan 6. Pelajar digalakkan meneroka semua kemungkinan kewujudan anak berdarah jenis O sedangkan ibu berdarah jenis AB dan ayah berdarah jenis O. Pengetahuan yang diperolehdaripada senario masalah tersebut menjangkaui sukatan pelajaran Biologi Tingkatan 6 dan ia mampu memberi motivasi kepada pelajar untuk meneroka lebih banyak ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan konsep pewarisan dalam manusia (Maimunah, 2016).

Hal ini menjelaskan bahawa melalui PAK, pelajar dapat membina motivasi untuk belajar, bukan perlu pelajar bermotivasi terlebih dahulu barulah PAK dapat dijalankan. Muhamad Suhaimi et al. (2014) menyatakan bahawa seseorangpelajar yang memiliki motivasi intrinsik yang tinggi berupaya untuk melaksanakan pembelajaran arah sendiri (PAK) dengan baik dan berkesan. Walau bagaimanapun, guru mestilah sentiasa berwaspada dan menetapkan peraturan bahawa penggunaan sumber pencarian maklumat di hujung jari mestilah berfokus kepada konsep atau topik yang hendak dipelajari sahaja agar objektif PAK tidak tersasar.

### **Guru Mestilah Sentiasa Menjadi Pelajar Terarah Kendiri**

Dalam usaha untuk menggalakkan PAK dalam kalangan pelajar, adalah penting bagi guru-guru untuk mengenali PAK terlebih dahulu (Tan, Divaharan, Tan, & Mun, 2011). Konsep PAK sudah menjadi biasa kepada ramai guru yang profesional. Guru-guru pelaksana PAK mestilah sentiasa menjadi terarah sendiri dengan mempamerkan ciri-ciri pengurusan sendiri, pemantauan sendiri dan pengubahsuaian sendiri (Costa & Kallick, 2003). Semua ciri pelajar terarah sendiri seperti pengurusan sendiri, pemantauan sendiri, refleksi sendiri dan pengubahsuaian sendiri haruslah diaplikasikan kepada diri guru sendiri seperti mana guru hendak pelajarnya menjalani PAK. Misalnya, guru tidak hanya merancang pengajaran dan aktiviti supaya pelajar dapat belajar dalam buku rancangan pengajaran semata-mata tetapi mestilah menjadi guru terarah sendiri semasa PAK dijalankan dalam bilik darjah.

Semasa aktiviti PAK dijalankan, guru mestilah sentiasa membuat pemantauan ke atas semua pelajar dan kenalpastikan amalan-amalan PAK yang dipamerkan oleh semua pelajar supaya guru lebih peka terhadap indikator-indikator pencapaian pelajar. Selepas tamat sesi PAK, guru sewajarnya membuat refleksi sendiri untuk menilai keberkesanan PAK yang telah dijalankan sama ada objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai atau sebaliknya. Dengan membuat refleksi sendiri, guru juga boleh membuat penambahbaikan terhadap dirinya sendiri sebagai guru terarah sendiri demi pencapaian pelajar yang lebih baik.

Costa dan Kallick (2003) juga menjelaskan bahawa sebagai guru terarah sendiri, setiap guru sewajarnya menganggap PAK yang dijalankan bersama pelajar adalah satu eksperimen yang bukan hanya pelajar yang mempelajari sesuatu; malah diri guru juga turut mempelajarinya. Kesimpulannya, setiap PAK yang dijalankan menyediakan peluang kepada guru untuk meningkatkan kualiti strategi pengajaran, memahami proses pembelajaran setiap pelajar dan sentiasa mempelajari isi kandungan mata pelajaran yang diajar untuk meningkatkan pengetahuan terkini.

### HALANGAN DALAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ARAH KENDIRI

Guru-guru mungkin menghadapi cabaran dalam usaha untuk meningkatkan kebebasan dan autonomi pelajar melalui PAK, kerana tidak semua pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang serupa. Misalnya, mungkin terdapat pelajar yang kekal mempercayai bahawa cara terbaik untuk mereka belajar sesuatu ialah cara berpusatkan guru. Oleh yang demikian, guru mestilah membuat pertimbangan yang sewajarnya terhadap halangan seperti ini apabila hendak melaksanakan PAK dalam bilik darjah.

Menurut Robotham (1995), contoh-contoh halangan dalam pelaksanaan PAK dalam bilik darjah adalah seperti struktur kursus yang sangat ketat, yang tidak fleksibel dan kurang bimbingan guru. Selain itu, kemungkinan terdapat pelajar yang tidak berkeyakinan untuk belajar secara terarah sendiri dan kurang motivasi untuk berjaya dalam pelajaran atau mungkin pelajar pernah gagal dalam melaksanakan PAK yang terdahulu. Justeru, guru tingkatan 6 mestilah peka dengan faktor-faktor yang boleh menghalang keberkesanan PAK supaya guru dapat mengubahsuai strategi PAK menjadi lebih menarik dan mudah diikuti oleh pelajar kerana bukan semua pelajar mempunyai kebolehan yang sama.

### KESIMPULAN

Guru tingkatan 6 mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan pelajar lepasan STPM berjaya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, berjaya dalam kerjaya dan kehidupan di masa akan datang. Guru tingkatan 6 bukan hanya menyampaikan isi kandungan mata pelajaran semata-mata supaya pelajar lulus peperiksaan dengan cemerlang tetapi mempunyai tugas yang lebih mencabar iaitu untuk membentuk individu yang mempunyai daya saing, terarah sendiri, berfikiran aras tinggi dan mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam kehidupan abad ke-21. Untuk membentuk pelajar terarah sendiri dan mempunyai kemahiran abad ke-21, guru tingkatan 6 sewajarnya sentiasa menjadi pelajar terarah sendiri dan pelajar sepanjang hayat serta mempunyai kemahiran abad ke-21 seperti mana guru berkehendakkan pelajarannya menguasai perkara yang sama.

### RUJUKAN

- Breslow, L. (2015). The pedagogy and pleasures of teaching a 21st-Century skill. *European Journal of Education*, 50(4), 420–439. doi:10.1111/ejed.12159
- Chee, T. S., Shanti, D., Tan, L., & Mun, C. H. (2011). *Self directed learning with ICT: Theory, practice and assessment*. Ministry of Education of Singapore.
- Costa A., & Kallick, B. (2003). *Assessment strategies for self-directed learning*. Thousand Oaks, C.A: Corwin Press.
- Dağal, A. B., & Bayindir, D. (2016). The investigation of the level of self-directed learning readiness according to the locus of control and personality traits of preschool teacher candidates. *International Electronic Journal of Elementary Education*, 8(3), 391–402.

- Dehmel, A. (2006). Making a European area of lifelong learning a reality? Some critical reflections on the European Union's lifelong learning policies. *Comparative Education*, 42(1), 49–62. doi:10.1080/03050060500515744
- Kalelioglu, F., & Gulbahar, Y. (2013). The effect of instructional techniques on critical thinking and critical thinking dispositions in online discussion. *Educational Technology & Society*, 17(1), 248-258.
- Knowles, M. S. (1975). *Self-directed learning: A guide for learners and teachers*. New York, NY: Association Press.
- Maimunah Nasir. (2016). *Pembelajaran Berasaskan Masalah dan amalan pembelajaran arah sendiri ke arah perubahan kefahaman murid Tingkatan Enam dalam konsep Genetik*. Tesis Ph.D yang belum diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.
- Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, & Roslee Talip. (2014). Motivasi sebagai 'mediator' antara proses pengajaran dan bimbingan guru dengan pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar: Satu kajian menggunakan Model SEM/AMOS. *Sains Humanika*, 2(4). doi: 10.11113/sh.v2n4.479
- Muhlisin, A., Susilo, H., & Amin, M. (2016). Improving critical thinking skills of college students through RMS model for learning basic concepts in science. *Asia-Pacific Forum on Science Learning and Teaching*, 17(1).
- Pappas, C. (2013). *The Adult Learning Theory - Andragogy*. Diperoleh pada Disember 8, 2016 daripada: <https://elearningindustry.com/the-adult-learning-theory-andragogy-of-malcolm-knowles>
- Quieng, M. C., Lim, P. P., & Lucas, M. R. D. (2015). 21st Century-based soft skills: Spotlight on non-cognitive skills in a cognitive-laden Dentistry program. *European Journal of Contemporary Education*, 11(1), 72–81. doi:10.13187/ejced.2015.11.72
- Robotham, D. (1995). Self-directed learning: The ultimate learning style? *Journal of European Industrial Training*, 19(7), 3-7.
- Savin-Baden, M., & Major, C. H. (2004). *Foundations of problem-based learning*. Berkshire, England: SRHE and Open University Press
- Semmar Yassir. (2007). Adult learners and academic achievement: The roles of self-efficacy, self-regulation, and motivation. *Adult Learners*, 1(1), 1-23.
- Soulé, H., & Warrick, T. (2015). Defining 21st Century readiness for all students : What we know and how to get there. *Psychology of Aesthetics, Creativity, and the Arts*, 9(2), 178–186.
- Sukseemuang, P. 2009. *Self-directedness and academic success of students enrolling in hybrid and traditional courses*. (Ph.D dissertation, Oklahoma University).
- Tan, S. C., Divaharan, S., Tan, L., & Mun, C. H. (2011). *Self-directed learning with ICT: Theory, practice and assessment* (1st ed.). Ministry of Education, Singapore.
- Wang, A., Song, G., & Kang, F. (2006). Promoting a lifelong learning society in China: The attempts by Tsinghua University. *Higher Education Management and Policy*, 18(2), 1-16.

**MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TEMATIK UNTUK MENANGANI MASALAH PEMBELAJARAN MURID-MURID TERCICIR DI SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH****Siti Hendon Sheikh Abdullah (PhD)***ssitihendon@yahoo.com***Faizah Md Ghazali (PhD)***Faizahmdghazali@gmail.com***Khair Johari Mohd Ali***khir2004ali@yahoo.com*

**Abstract:** Pupils of the Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) are made up of children who were left behind formal education due to poverty, do not have any official identification documents or have adaptation problems in normal schools. When the school was founded, most of its pupils lacked the basic skills of reading, writing and counting even though they have reached age 17. Thus a Thematic Learning Module was developed to assist the teachers to teach pupils from these various background. A qualitative research was conducted to assess the use of the module among the school teachers. Data was collected through classroom observations, open ended survey and document analysis. The teachers responded that the thematic teaching method facilitates teaching and learning (T&L) sessions efficiently using the themes suggested. Through themes, they found it easier to deliver content, select activities and T&L resources and to assess the pupils. The teachers stated that pupils are more interested in the lesson, involved, confident, happy and motivated to learn in a “fun learning” concept. The analysis of classroom observation and teaching documents shows that the teachers need to be given further guidance and training to teach and document their lesson plan and assessment. It is hoped that teachers will be able to administer and implement future thematic T&L using themes that they decide by themselves by referring to the Standard Curriculum.

**Keywords:** *Thematic Module, themes, teaching and learning, standard curriculum, SBJK teachers, pupils left behind*

**PENGENALAN**

Perisytiharaan Hak Kanak-Kanak (1959) mengiktirafkan bahawa dalam semua negara di dunia ini, terdapat kanak-kanak yang hidup dalam keadaan yang teramat susah. Kanak-kanak sedemikian berhak untuk mendapat jagaan dan bantuan daripada masyarakat. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab negara-negara tersebut untuk memperbaiki keadaan hidup kanak-kanak ini. Oleh itu di bawah konvensyen Kanak-kanak Perkara 28(a), kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) untuk meneruskan pendidikan wajib (KPM, 1996) khusus untuk kanak-kanak tanpa dokumen dan tercacir tegar yang meliputi 3% -4% kanak-kanak terpinggir yang masih tidak bersekolah di negara ini (KPM, 2013a; KPM, 2013b). Selain menyahut seruan *Education for All* oleh UNESCO untuk memberi pendidikan percuma dan wajib bagi semua penduduk dunia, pendidikan juga dapat mengatasi masalah kemiskinan penduduk, memberi kesaksamaan jantina, mengurangkan kematian kanak-kanak, meningkatkan kesihatan ibu mengandung, mengawal penyakit dan mengekalkan kelestarian alam sekitar (UNESCO, 2010). Dalam hal ini, nasib dan masa depan kanak-kanak ini dapat diubah di samping menjadikan mereka rakyat Malaysia yang sihat dan harmoni melalui pendidikan yang diberi.

Untuk mewartakan berita penubuhan sekolah ini, pihak KPM bersama badan-badan bukan kerajaan (NGO) telah melaksanakan satu program *outreach* di tempat-tempat di mana kanak-kanak inidan keluarga mereka berada, seperti di lorong-lorong dan tempat-tempat pengagihan makanan oleh NGO. Selain itu, terdapat juga penjaga yang

mendaftarkan anak mereka pada hari pendaftaran setelah menerima berita tentang penubuhan sekolah ini. Jumlah pendaftaran murid pada hari pendaftaran adalah seramai 41 orang. Julat umur murid adalah daripada 6 tahun hingga 18 tahun. Menjelang bulan November 2013, bilangan murid yang berdaftar telah bertambah kepada 86 orang dan hingga kini terdapat lebih 100 orang murid tanpa dokumen pengenalan, murid tercicir daripada sekolah bantuan penuh kerajaan, murid yatim piatu atau murid yang mana salah seorang ibu atau bapa menghadapi masalah sosial (KPM, 2013b) mendaftarkan diri di sekolah ini.

Jadual 1

*Enrolmen murid mengikut jantina pada November 2013*

Bilangan murid	Umur													Jumlah
	Pra	Sekolah Rendah					Sekolah menengah							
		7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	
Lelaki	15	5	3	5	2	2	1	4	0	3	3	1	1	45
Perempuan	7	2	6	3	1	5	0	6	4	2	2	3	0	41
<b>Jumlah</b>	22	7	9	8	3	7	1	10	4	5	5	4	1	86

Pada awal penubuhannya, pengagihan kelas adalah mengikut peringkat umur murid di mana murid yang berumur kurang daripada 7 tahun di masukkan ke dalam kumpulan pra sekolah, sementara yang berumur 7-12 tahun dimasukkan ke dalam kumpulan sekolah rendah dan 13-18 tahun ke dalam kumpulan sekolah menengah (Jadual 1). Murid sekolah dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu kumpulan murid sekolah rendah yang tidak boleh membaca, murid sekolah rendah yang boleh membaca, murid sekolah menengah yang tidak boleh membaca dan murid sekolah menengah yang boleh membaca. Kumpulan murid yang langsung tidak boleh membaca dimasukkan ke dalam kelas LINUS supaya dapat menguasai kemahiran asas membaca dan menulis.

Pada waktu penubuhannya, SBJK mempunyai seramai 11 orang guru yang terlatih dalam pelbagai bidang untuk mengajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Guru-guru di sekolah ini telah menerima latihan profesional perguruan di Institut Pendidikan Guru atau di universiti-universiti awam. Namun mereka tidak terlatih untuk mengajar kumpulan murid daripada pelbagai latar belakang pendidikan atau yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan formal langsung walau pun telah berusia belasan tahun. Hal ini menyebabkan guru tidak dapat menggunakan pengetahuan pedagogi, pengetahuan isi kandungan dan strategi-strategi pengajaran untuk menyampaikan isi kandungan sebagaimana yang mereka telah dilatih semasa latihan guru (Muthayan, 1999). Ia juga menyebabkan kelas dijalankan tanpa perancangan yang teratur, proses PdP menjadi hambar dan murid yang kurang latar belakang pendidikan ini akhirnya tidak tahu apa yang ingin di sampaikan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Untuk mengatasi masalah PdP yang melibatkan murid daripada pelbagai latar belakang dan umur, satu pendekatan pengajaran secara tematik telah dilaksanakan (Mumford, 2000; Muthayan, 1999; Webb & Pearson, 2012). Satu Modul Pengajaran Tematik SBJK telah disediakan oleh satu kumpulan pensyarah daripada IPG Kampus Pendidikan Teknik untuk mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Pegisian modul adalah isi kandungan bagi matapelajaran-mata pelajaran tersebut yang digabungkan dalam beberapa sesi pengajaran dalam bentuk tematemayang telah dipersetujui oleh pensyarah dan guru berpandukan kepada isi kandungan kurikulum kebangsaan.

### Pembangunan Modul

Modul Pembelajaran Tematik SBJK disediakan berpandukan Model Rekabentuk Kemp yang terdiri daripada langkah-langkah mengenalpasti masalah dalam PdP di SBJK, mengkaji ciri-ciri dan gaya pembelajaran yang ada pada murid yang perlu diberikan perhatian, mengenalpasti isi kandungan berpandukan kurikulum kebangsaan dan menganalisis komponen tugas yang digunakan, menyatakan objektif pengajaran, menyusun pengajaran dalam setiap unit pengajaran supaya pembelajaran yang logikal dapat berlaku, mereka bentuk strategi pengajaran supaya setiap pelajar dapat menguasai objektif PdP, merancang kaedah penyampaian dan persembahan, membangunkan instrumen pentaksiran untuk menilai objektif dan memilih bahan bantu mengajar untuk menyokong aktiviti PdP (Gustafon & Branch, 2002). Prosedur pembangunan modul ditunjukkan dalam Rajah 1.

Menyatakan masalah dalam PdP SBJK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taklimat pihak pengurusan dan temubual guru</li> <li>• Murid tidak menguasai 3M, tidak berminat, tiada latarbelakang pendidikan</li> </ul>
Menyatakan gaya pembelajaran murid	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Instrumen gaya pembelajaran yang diubah suai</li> <li>• Majoriti murid gaya pembelajaran visual</li> </ul>
Menetapkan format modul SBJK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pencetusan idea</li> <li>• Format tematik untuk pelajar pelbagai gred / pelbagai umur</li> </ul>
Memilih tema	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berpandukan kepada kurikulum perdana</li> <li>• Mengikut kurikulum sekolah rendah</li> </ul>
Menyediakan modul mengikut tema	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema yang dipersetujui dan objektif pembelajaran</li> <li>• Pensyarah BM, BI, Matematik dan Sains memilih strategi pengajaran, rancangan mengajar dan persembahan pengajaran</li> <li>• Menyediakan instrumen pentaksiran</li> </ul>
Memurnikan modul	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diperingkat IPG KPT, Bahagian Sekolah Harian dan Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan, KPM</li> </ul>
Modul di rintis dan digunakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut pembahagian kelas</li> <li>• Pengubahsuaian oleh guru mengikut keperluan</li> <li>• Guru memberi maklum balas tentang modul</li> </ul>

Rajah 1. Penyediaan modul Tematik

Untuk mendapatkan idea awal menyediakan modul, kajian keperluan telah dijalankan dengan mendapatkan maklum balas daripada pihak pengurusan dan guru tentang permasalahan dalam pengajaran kumpulan murid ini. Hasil temubual dan pemerhatian kelas menunjukkan guru menghadapi masalah untuk merancang dan melaksanakan pengajaran kepada kumpulan murid yang tidak menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Murid yang baharu berada dalam sistem merasa kurang yakin diri dan kurang memberi kerjasama semasa aktiviti PdP di jalankan.

Selain itu, kajian awal dijalankan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran murid dengan menggunakan instrumen Gaya Pembelajaran (Norlidah, DeWitt & Saedah, 2013) yang telah diubah suai dan dipermudahkan untuk murid-murid di sekolah ini. Ia bertujuan untuk memastikan modul yang dibina adalah sesuai dan boleh menghasilkan pembelajaran yang optimum untuk murid-murid di sekolah ini. Data yang diperolehi digunakan untuk menentukan ciri-ciri pembelajaran murid, sama ada perlu menerima lebih banyak input pembelajaran secara visual atau verbal, dan menjalani proses pembelajaran secara aktif atau reflektif. Murid visual akan cenderung menerima pelajaran yang disampaikan melalui rajah, gambar, carta, ilustrasi dan sebagainya, sementara murid verbal lebih cenderung kepada pembelajaran apabila disampaikan secara lisan, penulisan atau persamaan matematik (Norlidah, DeWitt & Saedah, 2013). Selain itu, murid yang aktif akan lebih cenderung untuk belajar apabila menjalankan aktiviti *hands on* dan suka bekerja secara berkumpulan sementara murid yang reflektif yang lebih suka memikirkan apa yang diajar dan lebih cenderung bekerja bersendirian. Dapatan kajian awal ini menunjukkan lebih 85% murid di SBJK cenderung kepada gaya pembelajaran visual dan aktif. Ini memberi petunjuk kepada penggubal modul untuk memperbanyakkan paparan visual dalam pelbagai bentuk dan merancang pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik untuk dilaksanakan dalam PdP.

Pemilihan tema ditentukan dalam beberapa sesi sumbang saran daripada pensyarah dan guru-guru SBJK dengan merujuk kepada beberapa tema daripada kurikulum kebangsaan yang boleh dimuatkan ke dalam modul pada peringkat awal ini. Langkah seterusnya adalah membuat pemetaan pengajaran yang dicadangkan dalam modul dengan pengajaran kurikulum kebangsaan untuk memastikan kesetaraan pembelajaran secara tematik dengan kurikulum kebangsaan. Standard atau hasil pembelajaran yang minimum dicadangkan pada peringkat awal ini memandangkan latar belakang murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira).

Bahan PdP secara tematik di dalam modul ini disediakan untuk beberapa topik dan beberapa tema sahaja. Ini bertujuan untuk membantu guru memulakan pengajaran mereka dengan beberapa set tema yang dipetakan kepada beberapa standard kandungan sahaja. Selain itu, ia dapat memberi pendedahan kepada guru memulakan PdP secara tematik

memandangkan guru tidak ada pendedahan untuk mengajar secara tematik sebelum ini. Harapan kami adalah supaya selepas menggunakan modul ini, guru dapat menyediakan sendiri PdP melalui tema-tema yang dipilih bersama murid dan menyediakan pakej pengajaran tematik yang dipetakan kepada Standard Kandungan kurikulum sekolah kebangsaan.

### Pengisian dan Pelaksanaan Modul

Modul Tematik SBJK dibangunkan dengan tujuan untuk memberi panduan kepada guru SBJK supaya dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan kepada murid disamping memandu murid kearah mencapai kemahiran 3M selain menguasai isi kandungan. Di peringkat awal pembinaannya, ia terdiri daripada unit-unit pengajaran Anggota Badan, Deria, Keperluan Hidup, Haiwan, Tumbuh-tumbuhan (Khair Johari, Faizah & Siti Hendon, 2012). Tema yang terdapat dalam setiap unit digunakan oleh guru dalam pakej-pakej pengajaran secara berkumpulan. Rajah 2 menunjukkan satu unit pengajaran untuk tajuk Anggota Badan untuk subjek-subjek Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sains yang dipetik daripada Modul Tematik yang telah disediakan .

TEMA 1 - DIRI KITA		
UNIT	TAJUK	NAMA AKTIVITI
1.1 Anggota Badan	1.1.1 Nombor Bulat Hingga 100	1.1.1.1 Banding dan Beza
	1.1.2 Mendengar Pelbagai Bunyi Manusia	1.1.2.1 Bunyi Hasil Manusia dan Alam
	1.1.3 Parts of Body	1.1.3.1 My Beautiful Body (Listening and Speaking) 1.1.3.2 My Beautiful Body (Reading) 1.1.3.3 My Beautiful Body (Writing)
	1.1.4 Anggota Badan Saya	1.1.4.1 Puzzle Game

Rajah 2. Aktiviti dalam tema mengikut subjek.

Dalam satu unit modul, subjek-subjek Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sains menggunakan tema yang sama iaitu "Diri Kita" untuk mengajar dan mencapai standard pembelajaran yang telah dipilih. Semua kandungan dan topik yang dicadangkan dipetakan kepada mana-mana kurikulum kebangsaan sekolah rendah yang berkaitan untuk mencapai standard pembelajaran yang telah ditetapkan oleh KPM (KPM, 2010; KPM2011a; KPM 2011b; KPM 2012) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

#### Jadual 2

*Pemetaan Pengajaran Modul SBJK dengan Kurikulum Kebangsaan*

**Tema: Diri Kita**

**Tahap: SBJK Sekolah Rendah**

Subjek	Tajuk	Standard Pembelajaran
Matematik	Nombor Bulat Hingga 100	- Mengelas ikut warna, bentuk dan sains - Mengenal kuantiti: Sama banyak, tidak sama banyak
Bahasa Melayu	Menyebut Pelbagai Bunyi	- Menyebut pelbagai bunyi dalam persekitaran dengan teliti dan betul
Bahasa Inggeris	Parts of a Body	- Speak with correct work stress - Listen, say aloud, recite rhymes, tongue twisters - Sing songs: <i>pronunciation, rhythm &amp; intonation</i>
Sains	Memahami Bahagian dan Fungsi Tubuh Manusia	- Mengenal pasti bahagian tubuh manusia iaitu mata, telinga, hidung, lidah, tangan dan kaki

Modul digunakan melalui perkongsian kelas dalam satu pakej pengajaran (Jadual 3), di mana guru perlu berbincang dan merancang pengajaran secara berpasangan/bertiga dan memilih aktiviti yang dicadangkan dalam sesuatu tema. Sebagai contoh, kumpulan guru dalam pakej A1 telah memilih untuk mengintegrasikan mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu dan Sains dalam pengajaran A1. Guru-guru mengikut bidang masing-masing akan menyampaikan isi kandungan menggunakan tema yang sama secara bergilir-gilir. Sekiranya pengajaran tidak dapat disempurnakan dalam jangka masa pengajaran pakej A1, ia akan diteruskan ke pakej B1, mungkin dengan penambahan aktiviti, iaitu Bahasa Inggeris. Justeru perancangan yang sangat rapi dari kalangan guru diperlukan, di mana selain merancang pengajaran bagi setiap subjek, mereka juga perlu bekerjasama untuk menganggarkan masa yang diperlukan bagi pengajaran pakej tersebut agar proses PdP berjalan lancar.

Jadual 3  
*Pakej Pengajaran dan Pembelajaran SBJK*

Masa	9.00pg -10.30 pg		11.00pg – 1.00 tgh
Hari			
Isnin	Pakej A1	R	Pakej B1
Selasa	Pakej A2	E	Pakej B2
Rabu	Pakej A3	H	Pakej B3
Khamis	Pakej A4	A	Pakej B4
Jumaat	Pakej A5	T	Pakej B5

Pengajaran tematik tidak perlu terikat kepada jadual waktu seperti di sekolah harian biasa kerana guru mengajar dan meneruskan pengajaran mengikut kebolehan murid untuk menerima pelajaran dan menjalankan aktiviti. Ia memberi masa untuk murid untuk mencerna dan menguasai isi kandungan yang diajar tanpa kekangan masa.

### Kaedah Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tematik di kalangan guru-guru SBJK dalam melaksanakan tugas-tugas pengajaran mereka. Ia melibatkan 11 orang guru dan seorang pentadbir di sekolah ini. Modul diedarkan kepada guru dalam bentuk *softcopy* supaya guru boleh mencetak bahagian yang ingin diajarnya. Penggunaan modul melibatkan semua 11 guru yang diletakkan secara berpasangan/bertiga untuk melaksanakan pengajaran mengikut saranan yang diberi di dalam modul. Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian, “Bagaimana guru melaksanakan PdP menggunakan modul pengajaran tematik SBJK?” dan “Apakah persepsi guru terhadap penggunaan Modul Tematik SBJK dalam PdP mereka?”

Data dikumpul secara kualitatif melalui pemerhatian kelas, soal selidik respons terbuka dan analisis dokumen PdP guru yang terlibat. Untuk mengetahui persepsi guru terhadap penggunaan modul, satu soalan selidik yang mengandungi 10 item respons terbuka berkaitan penggunaan modul, pemilihan tema yang sesuai, respons murid terhadap penggunaan modul, bahan bantu mengajar yang digunakan, perancangan dan pentaksiran telah diedarkan. Analisis dokumen dijalankan dengan menganalisis fail guru untuk mengkaji perancangan, pentaksiran dan penggunaan bahan bantu mengajar dalam PdP. Instrumen soal selidik respons terbuka telah di semak oleh dua orang tenaga pengajar berpengalaman daripada Institut Pengajian Guru Malaysia dan diuji kepada beberapa guru sekolah untuk mengesahkannya.

Peserta kajian dipilih melalui kaedah persampelan kesediaan (*convenience sampling*) iaitu terdiri daripada 11 orang guru dalam perkhidmatan di SBJK dan empat kumpulan murid yang terdiri daripada kumpulan rendah (tidak boleh membaca), rendah (boleh membaca), menengah (tidak boleh membaca) dan menengah (boleh membaca). Melalui kaedah pemerhatian kelas, pengajaran guru secara berpasangan atau bertiga dapat direkodkan. Ia bertujuan untuk menentukansama ada pengajaran secara tematik telah dijalankan dengan berkesan dan memenuhi keperluan-keperluan murid. Selain itu, pasukan penyelidik juga menjalankan intervensi terhadap pengajaran kumpulan guru apabila memerhatikan ada ruang untuk penambahbaikan dalam pengajaran apabila melaksanakan pengajaran tematik secara berkumpulan.

## Dapatan Kajian

Data pemerhatian direkod dalam bentuk video dan gambar semasa penyelidik melawat sesi pengajaran di kelas kumpulan rendah dan kumpulan menengah. Data pemerhatian telah ditranskripsi, dikod dan dikategorikan dari pengajaran guru dan pembelajaran murid (Jadual 4).

Dapatan pemerhatian menunjukkan guru-guru telah menggunakan bahagian-bahagian daripada tema-tema di dalam modul untuk menjalankan pengajaran mereka. Sebagai contoh, satu kumpulan guru telah membuat persediaan untuk mengajar tajuk Sains 'Keperluan Asas Manusia' kepada sekumpulan murid sekolah menengah menggunakan tema Menu Saya dalam modul yang disediakan. Tema ini telah dipetakan kepada Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Sains Tahun 2 (KPM, 2011) di bawah Standard Kandungan 'Manusia mempunyai keperluan asas untuk hidup'. Tema 'Menu Kita' melibatkan aktiviti *hands on* di mana murid menjalankan aktiviti membuat sandwich. Aktiviti diperhatikan amat menyeronokkan bagi kumpulan murid sekolah menengah ini. Namun pengajaran yang dijalankan terhad hanya kepada matapelajaran sains sahaja seperti yang dinyatakan dalam catatan penyelidik.

Terdapat tiga guru di dalam kelas. Setiap seorang mempunyai kepakaran yang berbeza, tetapi hanya subjek sains sahaja yang diberi penekanan. Saya meminta dua guru lain untuk cuba mengintegrasikan subjek lain ke dalam tema Menu Kita ini. Selepas berbincang dengan guru, guru memasukkan elemen matematik ke dalam pengajaran tersebut dengan meminta murid mengira bilangan telur, roti, tomato dan timun yang diperlukan untuk membuat sandwich. Untuk membantu murid menambah baik kemahiran menulis, murid diberi tugas untuk menulis resepi membuat sandwich secara berkumpulan, saling bantu membantu dan melontarkan idea untuk menyiapkan tugas...

Jadual 4

### Analisis Pemerhatian Kelas

Pengajaran Guru	
Penggunaan Modul	- Menggunakan modul dengan pengubahsuaian
Pemilihan Tema	- Tema digunakan secara terencil. Gabungan dengan subjek lain terhad
Perlaksanaan Aktiviti	- Mengikut cadangan modul - Kurang kreatif - Sesi soal jawab berkesan
Pembelajaran Murid	
Penglibatan	- Bekerja secara berkumpulan - Berkomunikasi dengan guru dan rakan-rakan
Perlakuan	- Bekerjasama menyiapkan tugas - Aktif - Gembira
Pembelajaran	- Berlaku secara 'tidak sengaja' - Merangsang fikiran murid melalui sesi soal jawab

Pemerhatian yang dilakukan menunjukkan guru kurang kreatif dan tidak boleh menggunakan tema untuk dikembangkan kepada subjek lain. Guru-guru tidak pernah dilatih untuk mengajar secara tematik ini menghadapi kesukaran untuk melaksanakan pengajaran kepada murid pelbagai gred dan umur di dalam satu kelas. Pengajaran yang dijalankan seperti dicadangkan dalam modul membolehkan guru lebih memahami dan bersedia menjalankan pengajaran-pengajaran seterusnya secara tematik, dan dengan itu boleh mengembangkan tema-tema yang dipilih untuk subjek-subjek yang lain (Davies & Brown, 2011; MOE Samoa, 2008; Muthayan, 1999). Intervensi penyelidik semasa guru menggunakan modul telah memberi idea kepada guru bagaimana untuk menjalankan pengajaran secara tematik dengan berkesan dalam pengajaran-pengajaran mereka yang seterusnya. Dapatan pemerhatian menunjukkan guru dapat melaksanakan sesi soal jawab dengan berkesan dan mempunyai kebolehan untuk merangsang fikiran murid serta mencungkil respon daripada murid melalui sesi-sesi soal jawab.

Dari aspek pembelajaran murid, diperhatikan bahawa murid menjalankan pembelajaran secara aktif semasa aktiviti membuat sandwich ini. Jelas kelihatan murid bekerjasama dan berkomunikasi sesama sendiri dan guru untuk menyiapkan tugas yang diberi. Selain itu, pembelajaran kelihatan menyeronokkan dan setiap murid terlibat dalam aktiviti yang dijalankan. Murid juga kerap bertanyakan soalan sesama sendiri dan kepada guru dan memberi maklumbalas yang baik kepada soalan-soalan yang dikemukakan guru.

Soal selidik respons terbuka dijalankan dengan tujuan mendapatkan persepsi dan pandangan guru terhadap penggunaan modul (Jadual 5). Ia juga bertujuan untuk menambah baik modul agar lebih menepati keadaan dan latar belakang murid yang ada di SBJK.

Jadual 5

*Kategori Soal Selidik Respons Terbuka*

Item	Kategori	Respons Guru
1	Tema	Mengikut cadangan modul
	Aktiviti	Gabung jalin mata pelajaran contoh: BM, Muzik, PI, Sains
	Perancangan	Mengikut tajuk yang disediakan Dibincangkan bersama kumpulan pengajar (2-3 guru)
	Penilaian	Pemerhatian, lembaran kerja, soal jawab (murid bertanya soalan)
2	Penyampaian isi kandungan	Murid mudah jalankan aktiviti Mudah bagi murid yang menguasai 3M
	PdP menyeronokkan	Murid seronok dengan aktiviti, perlu di kawal
	Kawalan kelas	Lebih terkawal, murid menjalankan aktiviti
	Murid pelbagai gred dan umur	Murid ada yang belum menguasai 3M
3	Penglibatan	Semua murid terlibat dalam PdP
	Sikap	Berminat, berkeyakinan diri, aktif dan gembira
	Bantu kefahaman konsep	Murid mudah ingat Murid faham secara tidak langsung Penyoalan dan sumbang saran
4	Kesesuaian bahan	bahan yang dicadangkan sesuai bahan ditambah atau di ubahsuai dengan keadaan
	Bahan untuk aktiviti	menggunakan bahan terpakai bahan-bahan dari Internet perlu banyak lembaran kerja perlu kreatif
5	Tema	Sesuai jika murid menguasai kemahiran 3M Lebih banyak tema dan unit pengajaran
	Murid	Murid perlu menguasai 3M dahulu supaya PdP berjalan lancar
	Latihan	Lebih banyak lembaran kerja yang bersesuaian dengan pelajar yang pelbagai

Berdasarkan analisis soal selidik, guru telah menggunakan modul untuk proses PdP dengan merujuk modul dalam menjalankan PdP secara pasangan. Guru membuat perancangan menggunakan tajuk-tajuk tema yang disarankan di dalam modul serta menggunakan lembaran kerja yang disertakan. Selain itu, guru juga bersetuju modul membantu mereka menggabung jalinkan beberapa mata pelajaran dalam satu tema yang dicadangkan.

Guru memberi respons bahawa pengajaran berjalan dengan lebih lancar dan mereka mudah mengawal murid kerana semua murid terlibat dengan aktiviti yang diberi. Namun proses pembelajaran adalah lebih mudah bagi murid yang mempunyai kemahiran 3M. Guru menyatakan proses PdP masih tidak boleh dipermudahkan kerana kebanyakan murid tidak mempunyai kemahiran 3M. Oleh itu mereka perlu memberikan perhatian yang berbeza terhadap kumpulan murid yang pelbagai kebolehan ini untuk memastikan pembelajaran tetap berlaku.

Dari aspek penglibatan murid, penggunaan modul melibatkan semua murid dalam proses PdP. Dengan berkonsepkan *fun learning*, pengisian modul merangkumi pelbagai aktiviti yang menyeronokkan dan dapat memupuk minat murid untuk belajar seperti nyanyian, muzik, bercerita dan memasak. Selain itu, pembelajaran yang dijalankan secara santai meningkatkan keyakinan murid di mana murid lebih yakin diri untuk bertanya soalan dan memberi pendapat apabila diminta. Guru memberi respons bahawa proses pembelajaran seperti ini memudahkan murid untuk memahami apa yang dipelajari secara tidak sengaja dan sekali gus membantu menguatkan ingatan mereka. Guru juga merasakan murid lebih gembira dan tertunggu-tunggu akan kehadiran mereka untuk mengajar kelas-kelas seterusnya.

Walaupun modul banyak membantu mereka dalam proses PdP, guru mencadangkan lebih banyak lagi tema, lembaran kerja dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan murid yang pelbagai latar belakang dimuatkan di dalam modul. Masalah utama guru dalam penggunaan modul adalah majoriti murid tidak menguasai kemahiran 3M dan ini menyukarkan mereka untuk meneruskan proses PdP walaupun secara tematik. Namun, pemilihan tema yang menarik amat memudahkan guru untuk mengajar. Guru juga mencadangkan agar objektif pembelajaran untuk satu tema digabungjalinkan untuk semua subjek yang diajar.

Analisis dapatan soal selidik menunjukkan guru telah melaksanakan pengajaran berpandukan kepada modul yang dibekalkan dan melaksanakan pengajaran yang berkonsepkan *fun learning*. Namun guru masih menghadapi masalah dengan murid yang tidak menguasai kemahiran 3M yang melambatkan pelaksanaan aktiviti PdP menggunakan modul ini. Selain itu, didapati guru kurang kreatif untuk menggabungkan jalinkan tema yang diberi dengan subjek-subjek lain dan mengajar mengikut cadangan yang diberi di dalam modul semata-mata. Guru juga kurang berinisiatif untuk menyediakan aktiviti-aktiviti susulan dan lembaran kerja bagi mengajar murid yang pelbagai latar belakang pendidikan sebaliknya mengharapkan semuanya dimuatkan ke dalam modul.

Jadual 6

*Dapatan Analisis Dokumen*

Dokumen	Dapatan
Fail PdP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak lengkap</li> <li>• Perancangan tahunan, mingguan dan harian tidak lengkap dan tidak mencatatkan rancangan pengajaran guru</li> <li>• Tidak ada Sukatan Pelajaran atau Dokumen Standard kurikulum kebangsaan bagi subjek-subjek yang diajar</li> </ul>
Perancangan Harian & Perancangan Mingguan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada perancangan yang teratur</li> <li>• Dibuat secara berkumpulan 2-3 guru</li> </ul>
Pentaksiran Murid	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada rekod apa-apa bentuk pentaksiran</li> <li>• Penyoalan dan lembaran kerja semasa PdP tidak direkodkan untuk menilai murid</li> </ul>

Untuk mengkaji persediaan dan amalan guru dalam perancangan dan penilaian murid, beberapa dokumen telah dianalisis (Jadual 6). Antara dokumen tersebut adalah fail PdP guru, perancangan tahunan, mingguan dan harian, dan dokumen penilaian dan pentaksiran. Dapatan kajian menunjukkan pada peringkat awal ini, guru-guru tidak mempunyai sistem penyimpanan dokumen yang teratur di mana Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan Pelajaran, Dokumen Standard untuk kurikulum aliran kebangsaan yang setara dengan pengajaran SBJK tidak disimpan di dalam

fail guru. Selain itu, pengajaran berpasangan tidak dirancang dan direkod secara sistematik dan setiap guru menulis rancangan mengikut cara penulisan masing-masing.

Dari segi pentaksiran murid, tidak ada rekod tentang penilaian atau pentaksiran yang difailkan atau dicatatkan dengan sistematik. Walaupun guru menyatakan mereka telah memberi lembaran kerja dan bersoal jawab dengan murid, namun mereka tidak menyedari ia merupakan satu kaedah menilai murid melalui aktiviti-aktiviti yang mereka dijalankan. Hal ini menyebabkan rekod prestasi dan penilaian murid tidak direkodkan.

### Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan Modul Pembelajaran Tematik telah dapat membantu guru untuk melaksanakan tugas pengajaran dengan lebih baik. Pengajaran yang dijalankan secara bertema memudahkan kumpulan guru yang terlibat dalam satu kelas untuk menggabungkan tajuk-tajuk daripada beberapa mata pelajaran ke dalam satu pakej pembelajaran. Selain itu, murid yang datang daripada latar belakang pendidikan yang pelbagai merasa kurang tertekan dengan kehendak kurikulum yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran secara berasingan daripada setiap matapelajaran yang mereka pelajari.

Modul dibangunkan sebagai satu panduan kepada guru untuk mengajar pelbagai mata pelajaran secara tematik. Namun guru harus bijak mengintegrasikan subjek-subjek lain ke dalam pengajaran mereka secara berkumpulan. Untuk mengatasi masalah pelajar yang pelbagai latar belakang pendidikan, guru perlu mengambil inisiatif dan menyediakan bahan-bahan pengajaran seperti bahan bantu mengajar dan lembaran kerja yang bersesuaian dengan kehendak murid-murid dan tajuk yang akan diajar (Abrusco & DeRosa, 2010). Perancangan yang rapi harus dilakukan supaya proses PdP berjalan lancar. Oleh itu, untuk memastikan keberkesanan pengajaran, kumpulan guru yang terlibat dalam satu pakej pengajaran perlu berbincang dan berkolaboratif untuk membuat perancangan pengajaran mingguan dan harian dan seterusnya menjalankan pengajaran seperti yang dirancang (Davies & Brown, 2011; Muthayan, 1999). Namun dapatan kajian menunjukkan guru masih kurang pengetahuan pedagogi dan keyakinan diri untuk merancang pengajaran mengikut tema yang mereka pilih. Mereka juga tidak ada format tertentu untuk merancang pengajaran secara tematik. Oleh itu bimbingan berterusan perlu diberi kepada guru supaya mereka dapat merancang dan melaksanakan pengajaran secara tematik bagi murid-murid pelbagai peringkat dan umur.

Selain proses perancangan dan pengajaran, penilaian dan pentaksiran amat penting untuk seorang guru mengukur sejauh mana keberkesanan pengajarannya dan pencapaian murid (Black, Lee, Marshall & Wiliam, 2003). Guru boleh mentaksir perkembangan murid secara formatif dan pencapaian murid secara summatif. Dalam kes SBJK, pada peringkat awal di mana murid tidak menguasai kemahiran 3M, maka pentaksiran terhadap perkembangan murid harus ditekankan. Pelbagai kaedah boleh digunakan untuk mentaksir murid seperti kaedah pentaksiran prestasi, pameran, portfolio, buku nota, rubrik pentaksiran, rekod anekdot, projek, pentaksiran sendiri, peta konsep dan sebagainya. Oleh kerana guru yang dikaji lebih memikirkan kaedah pentaksiran sumatif yang kurang sesuai untuk kumpulan murid ini, mereka kurang menjalankan pentaksiran formatif untuk mengukur perkembangan murid. Walaupun guru memberi respon dalam soal selidik bahawa pembelajaran telah berlaku secara tidak sengaja, namun tidak ada bukti konkrit yang menunjukkan ia berlaku kerana tiada kaedah penilaian dan pentaksiran dijalankan. Oleh itu, guru perlu diberi pendedahan tentang pelbagai teknik pentaksiran yang boleh digunakan untuk murid SBJK dan cara untuk merekod dan memfailkan perkembangan murid tersebut.

Dari segi pelaksanaan modul, pemerhatian terhadap pengajaran guru menunjukkan guru masih kurang mahir melaksanakan pengajaran secara tematik dan bersepadu. Pengajaran dijalankan mengikut modul tetapi secara berasingan mengikut subjek masing-masing. Kebergantungan guru kepada modul menyebabkan guru kurang kreatif dalam menggabungkan tajuk-tajuk dalam subjek berbeza dalam atau pakej pengajaran. Hal ini berlaku kerana perancangan awal untuk mengajar pakej secara tematik tidak dijalankan dengan terperinci. Namun dengan bantuan penyelidik, guru lebih menyedari bagaimana untuk menyelitkan subjek-subjek lain di bawah tema yang sama dengan subjek utama yang diajar semasa pekej pengajaran tersebut. Selain itu, guru juga perlu proaktif dalam merancang aktiviti-aktiviti sampingan selain aktiviti-aktiviti yang disarankan di dalam modul dan menyediakan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap dan kebolehan murid.

Daripada aspek murid pulakaedah pembelajaran yang disarankan modul amat disenangi murid kerana pembangunan modul mengambil kira gaya pembelajaran murid (Norlidah, DeWitt & Saedah, 2013). Panel penyedia modul telah

mengambil kira gaya pembelajaran murid di sekolah ini di mana aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dalam modul adalah untuk memenuhi keperluan murid dengan gaya pembelajaran aktif dan visual. Pembelajaran aktif secara *hands-on* telah dimuatkan dalam tema-tema yang dipilih. Selain itu, modul juga banyak menyelitkan unsur-unsur visual seperti rajah, gambar, carta, video dan sebagainya. Hal ini bersesuaian dengan konsep pembelajaran *fun learning* yang dicadangkan oleh KPM semasa penubuhan SBJK. Semua murid diperhatikan terlibat aktif dan berminat dengan aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan. Selain itu proses PdP banyak melibatkan interaksi sosial antara guru dan murid, serta murid dan murid untuk meningkatkan proses pembelajaran (Vygotsky, 1978). Murid juga banyak berbincang dan bertanya soalan kepada rakan-rakan dan guru, dan juga memberikan respon baik kepada soalan-soalan yang dikemukakan guru. Selain itu, murid kelihatan gembira dan memberi tumpuan penuh apabila menjalankan aktiviti-aktiviti yang diberi, walaupun aktiviti melibatkan tugas menulis seperti menulis resepi atau mengarang lagu.

Secara umumnya, modul ini telah dapat membantu guru untuk mengajar kumpulan murid yang pelbagai gred dan umur yang tidak mempunyai latarbelakang pendidikan yang baik. Dengan menggunakan modul, guru lebih fokus kepada apa yang perlu diajar dan mengajar mengikut standard-standard yang ditetapkan bagi kurikulum kebangsaan. Walaupun pengisian isi kandungan adalah amat sedikit dibandingkan dengan kurikulum kebangsaan, namun ia membantu murid agar dapat menguasai konsep-konsep asas yang diperlukan dalam pembelajaran mereka selain menguasai kemahiran 3M. Satu aspek yang juga perlu ditekankan latihan kerana guru kurang berpengalaman untuk merancang dan mengajar secara tematik, kurang kemahiran untuk membuat pentaksiran formatif dan kurang motivasi untuk menyediakan pengajaran tematik yang dipetakan dengan kurikulum perdana sekolah rendah dan menengah. Guru perlu menjalani satu sesi latihan khas untuk mengasah bakat mereka untuk mengajar secara tematik kepada murid pelbagai umur, merancang pengajaran dan mentaksir murid.

### Kesimpulan

Matlamat pendidikan SBJK adalah untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh melalui kemahiran asas vokasional, mengamalkan jati diri untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian sebagai pembelajaran sepanjang hayat mereka. Matlamat tersebut boleh dicapai dengan menggunakan kurikulum perdana yang dimodifikasikan (KPM, 2013b). Adalah diharap dengan tertubuhnya sekolah-sekolah seperti ini dapat membantu mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan penduduk Malaysia dan memberi peluang untuk laluan kerjaya bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir agar dapat meneruskan kehidupan mereka mengikut laluan kerjaya yang lebih baik.

Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tematik dapat memudahkan murid yang terpicir dan bermasalah pembelajaran untuk belajar kerana isi kandungan dalam Standard Kandungan disusun mengikut tema-tema yang amat berkait rapat dengan kehidupan murid. Ia memudahkan proses pembelajaran kerana murid lebih bermotivasi untuk belajar apabila mereka menjalankan aktiviti-aktiviti tematik yang dirancang dengan teliti dan berkaitan dengan kehidupan seharian mereka. Murid yang diajar secara tematik sepatutnya tidak merasa tertekan seperti dalam sistem persekolahan biasa yang terlalu berfokuskan peperiksaan. Sebaliknya pentaksiran yang dijalankan adalah secara berterusan dan dijalankan secara tidak langsung semasa proses PdP berlaku. Proses PdP seperti ini menggalakkan murid untuk sentiasa ingin datang di sekolah untuk belajar dibandingkan dengan berada di jalanan. Guru-guru di SBJK memainkan peranan yang sangat penting untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan memotivasikan murid untuk meneruskan pembelajaran mereka. Dalam hal ini pihak KPM perlu mengadakan latihan-latihan khas untuk memastikan guru dapat merancang PdP, menyediakan bahan bantu mengajar dan menyediakan instrumen pentaksiran yang sesuai dengan tahap dan kebolehan murid.

Implikasinya, modul bukan sahaja digunakan di sekolah yang terpilih seperti SBJK, namun boleh digunakan juga di sekolah-sekolah alternatif lain seperti sekolah orang asli, sekolah integrasi, sekolah kurang murid atau sekolah yang mana persekitaran pembelajarannya kurang sesuai menggunakan kurikulum kebangsaan. Pengajaran dijalankan menggunakan tema-tema yang berkait rapat dengan kehidupan murid ini sesuai dijalankan di sekolah kebangsaan pada Tahap 1 supaya murid dapat membuat hubungan kait antara konsep-konsep yang dipelajari dalam mata pelajaran- mata pelajaran yang berbeza.

**Rujukan**

- Abruscato, J. & DeRosa, D.A. (2010). *Teaching children Science: A Discovery approach* (7<sup>th</sup> ed.). Boston, MA: Pearson.
- Black, P., Harrison, C., Lee, C., Marshall, B. & Wiliam, D. (2003). *Assessment for learning: Putting it into practice*. Boston, MA: McGraw-Hill.
- Clayton, C., Hagan, J., Ho, P. S. & Hudis, P.M. (2010). *Designing Multidisciplinary Integrated Curriculum Units*. Berkeley, CA: ConnectEd. Retrieved from [http://www.connectedcalifornia.org/downloads/LL\\_Designing\\_Curriculum\\_Units\\_2010\\_v5\\_web.pdf](http://www.connectedcalifornia.org/downloads/LL_Designing_Curriculum_Units_2010_v5_web.pdf)
- Davies, M.N., & Shankar-Brown, R. (2011). A programmatic approach to teaming thematic approach. *North Carolina Middle School Association Journal*, 26(1), hlm1-17.
- Gustafson, K.L., & Branch, R. M. (2002). *Survey of Instructional design models*. New York: ERIC Clearinghouse.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM. (1996). Akta Pendidikan, 1996, Akta 29A(2).
- Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM. (2010). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Matematik Tahun 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM. (2011a). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Dunia Sains dan Teknologi Tahun 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM. (2011b). *Standard Sekolah Rendah (KSSR) Dunia Sains dan Teknologi Tahun 2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM. (2011c). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Inggeris Sekolah Kebangsaan Tahun 1 dan 2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM. (2012b). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahap 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM. (2013a). *Garis Panduan Perlaksanaan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)*. Putrajaya: BPPDP KPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM. (2013b). *Prospektus Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih*. Putrajaya, Putrajaya: KPM.
- Khair Johari Mohd Ali, Faizah Ghazali & Siti Hendon, S. A. (2013). *Modul Pengajaran Tematik, Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih*, Bahagian Pendidikan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ministry of Education, Sports and Culture Samoa. (2008). *Case study: Effective Multigrade Teaching in Samoa 2008*. Malifa: Ministry of Education Samoa.
- Mumford, D. (2000). *Planning a theme based unit*. Retrieved from <https://www.pacificedgepublishing.com/pdf/PlanThem.pdf>
- Muthayan, S. (1999). *A Case of Multigrade Teaching in Canada*. (Unpublished master's thesis, Rhodes University, Canada).

- Norlidah Alias, DeWitt, D., & Saedah Siraj. (2013). *Development of Science pedagogical module based on learning styles and technology*. Kuala Lumpur: Pearson.
- Webb, P. I. & Pearson, P. J. (2012). Creative unit and lesson planning through a thematic/integrated approach to Teaching Games for understanding (TGfU). *New Zealand Physical Educator*, 45(3), hlm 17-22
- Wikneswara a/l Kaliaperumal. (2005). *Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: SUHAKAM.
- UNESCO (2010). *Education counts: Towards the Millennium Development Goals*. Paris: UNESCO.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

## MUZIUM SEBAGAI INSTRUMEN PEMBELAJARAN SEJARAH LUAR BILIK DARJAH

**S. Azman Ligun, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Isa Hamzah**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor  
azman.ligun@gmail.com

**Noor Wahida Hasan**

Unit Pendidikan dan Khidmat Seranta  
Muzium Negara, Kuala Lumpur

**Abstract:** This research aims to tackle the role of museums as an educational instrument in supporting the educational concept from History classes. The objective of this research is to explore the students' experience after participating in educational activities in the gallery of the National Museum of Kuala Lumpur. This research is a qualitative research involving fifteen secondary students from three different schools. The data were collected by focus group interviews carried out structurally. The interview data collected were transferred in the form of transcript and every interview transcript was completed and given index code. Code allocation for the transcripts was done manually to create a theme that links. The research finding shows that the activities in the museum helps students to better understand the concepts that they learn in History lessons. The educational activities helps in teaching History as the museum's gallery is arranged based on themes and chronology. For example, the theme arrangement for secondary history study consists of using evidence of history that used to exist, learning through experiencing, guidance from the museum staff and it becomes a source of new knowledge. The gallery is arranged in terms of chronology, following the themes and guide services to revise on history. This research suggests that every visit to the museum is for specific content even if the activities are handled by the teachers or participating in educational activities prepared by the museum staff. Visits with no purpose or any activities should be avoided so that museum visits would be more meaningful and of educational value.

**Keywords:** *Thematic Module, themes, teaching and learning, standard curriculum, SBJK teachers, pupils left behind*

### PENGENALAN

Salah satu matlamat pendidikan adalah untuk membina situasi pembelajaran dalam masyarakat dan muzium mempunyai peranan yang besar untuk menjayakan matlamat ini. Sejak persidangan Peranan Pendidikan Estetik Dalam Pendidikan Umum pada tahun 1974, *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) memutuskan untuk menganalisis peranan yang boleh dan perlu dilakukan oleh muzium untuk berperanan sebagai instrumen pembelajaran di luar sekolah dan aktiviti-aktiviti mereka menjadi pelengkap kepada program-program sekolah (Olofsson, 1979). Hudson dalam artikelnya *The New Museum Jargon* menegaskan bahawa muzium tidak lagi boleh dianggap sebagai gudang atau ejen pemeliharaan warisan budaya negara semata-mata tetapi sebaliknya menjadi '*powerful instruments of education*' dalam erti kata yang luas (Hudson, 1976).

Selaras dengan saranan UNESCO untuk mengamalkan *Four Pillars of Education* iaitu *learning to know, learning to do, learning to live* dan *learning to be*, Kementerian Pendidikan Malaysia (ketika itu Kementerian Pelajaran Malaysia) telah memperkenalkan program Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) sejak tahun 2000 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006) bertujuan untuk mengimbangi jadual persekolahan yang padat agar pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan lebih berbentuk kontekstual. Pengalaman kontekstual mengukuhkan kefahaman terhadap konsep

yang dipelajari dalam bilik darjah, mengembangkan kemahiran mengumpul, memproses, dan menganalisis data serta maklumat. Objektif yang ditekankan dalam PLBD ini ialah (i) mengukuhkan kefahaman pelajar terhadap konsep yang dipelajari dalam kelas, (ii) memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, bermakna dan menyeronokkan, (iii) mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan, (iv) meningkatkan minat pelajar untuk belajar, dan (v) mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu dalam satu masa.

Berdasarkan kepada lima objektif PBLD, domain pembelajaran utama dibahagikan kepada kefahaman, sikap, dan kemahiran. PBLD mengukuhkan kefahaman terhadap konsep yang dipelajari dalam bilik darjah melalui pengalaman kontekstual. Pembelajaran secara amali terhadap sumber di lapangan mengembangkan kemahiran mengumpul, memproses, dan menganalisis data serta maklumat. Pelajar memperoleh keseronokan apabila diberikan peranan dan dapat mengambil bahagian secara aktif dalam satu aktiviti pembelajaran. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2004 Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah pihak kementerian menggalakkan sekolah menganjurkan program lawatan sambil belajar dan kerja lapangan sebagai sebahagian dari aktiviti pembelajaran luar bilik darjah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004).

Muzium memikul peranan yang besar dalam mendidik masyarakat dan apabila ditanya tujuan melawat ke muzium rata-rata orang ramai menjawab *to learn* (untuk belajar) (Harvey, 2014; Kelly, 2007; Przesmitzki & Grenier, 2008; Wang & Yoon, 2013; Seligmann, 2014; Silverman & Bartley, 2013). Dalam persekitaran pembelajaran bukan formal muzium berada dalam kedudukan tersendiri sebagai instrumen pembelajaran berasaskan pengalaman (Kelly, 2007; Przesmitzki & Grenier, 2008). Namun, menurut Falk dan Dierking (2011) dapatan penyelidikan terdahulu menunjukkan terlalu sedikit atau mungkin langsung tiada bukti tentang pembelajaran di muzium. Ini menunjukkan ramai ahli profesional muzium masih ragu-ragu terhadap pembelajaran di muzium.

Kajian terhadap pelawat dalam kalangan pelajar sekolah didapati sukar difahami dan kebanyakan kajian tidak menghuraikan konsep pembelajaran dengan jelas. Pembelajaran merupakan istilah yang paling kerap digunakan tetapi kekeliruan timbul disebabkan pembelajaran ditakrifkan dengan pelbagai cara serta didasari oleh andaian-andaian dari teori tradisional. Kekeliruan tersebut boleh dikaitkan dengan kecenderungan menyifatkan 'pembelajaran', 'pendidikan' dan 'sekolah' sebagai sinonim. Manifestasi kekeliruan yang membawa kepada kajian ini ialah salah tanggapan bahawa pembelajaran hanya merupakan tindakan memperoleh fakta dan maklumat bukannya penyatuan dan pertumbuhan idea dari maklumat sedia ada.

Walaupun Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang penting namun keluhan daripada guru-guru Sejarah bahawa Sejarah kurang menarik minat dan kesungguhan para pelajar di sekolah menengah masih belum reda (Ahamad, 2012; Zaiton, 2009). Kajian terdahulu mengaitkan kegawatan minat pelajar terhadap Sejarah dengan beberapa faktor, antaranya kualiti pengajaran guru (Annamalai, 2003; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003a; Mohamad Sultan, 2000), sumber pengajaran bergantung semata-mata kepada buku teks (Annamalai, 2003; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003a, 2004; Mohamad Sultan, 2000; Rashdi, 2000), amalan pedagogi yang bersifat tradisional dan kurang melibatkan pelajar dalam amalan pengajaran (Anuar, 2001), bersifat indoktrinasi, sehalu dan tidak mewujudkan peluang interaksi antara guru dan pelajar (Abdul Razaq & Andi Suwirta, 2007), dan gaya pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru (Zaiton, 2009). Rumusan kepada pendapat-pendapat tersebut, guru adalah faktor utama malah menurut Haris (1993), kebanyakan guru tidak menguasai kaedah-kaedah yang disyorkan dalam pengajaran Sejarah seperti simulasi, main peranan, kaedah penggunaan sumber pertama dan sumber kedua. Akibatnya, guru akan kembali kepada pengajaran berbentuk kuliah iaitu guru sebagai penyampai cerita dan pelajar sebagai pendengar.

Situasi sebaliknya berlaku di Eropah dan Amerika Syarikat. Pembelajaran di muzium yang menekankan amalan pedagogi tulen dan lebih kritis kini berada di barisan hadapan dalam pendidikan Sejarah (Marcus, Stoddard, & Woodward, 2012). Muzium telah dijadikan sebagai formula untuk meningkatkan kemahiran pelajar sekaligus menjadikan pembelajaran Sejarah lebih bermakna. Muzium merangsang inkuiri untuk menyoal siasat interpretasi sejarah pelajar dengan melihat secara kritikal bagaimana muzium membina, mentafsir dan mempersembahkan masa lalu kepada masyarakat hari ini (Marcus et al., 2012). Malah, sumber dan pengalaman yang diperoleh di muzium melengkapkan kurikulum sekolah (Lenoir & Lafort, dalam Marcus et al., 2012) dan menjadikan pembelajaran Sejarah lebih jelas, menarik, dan relevan.

Isu tidak minat Sejarah bukan dibincangkan sehari dua. Sejarah akan menjadi cabang ilmu yang menyeronokkan sekiranya kaedah yang 'kena pada tempatnya' digunakan dalam pembelajaran Sejarah dan bukan sekadar mementingkan pengiktirafan individu semata-mata. Pembelajaran di muzium yang menjadi rutin tahunan guru-guru Sejarah di negara-negara Barat telah terbukti berkesan. Soalnya sekarang, adakah pembelajaran di muzium berupaya berfungsi untuk mengukuhkan pemahaman pelajar terhadap pembelajaran konsep yang diperolehi dari bilik darjah Sejarah? Jawapannya mungkin ya, mungkin tidak. Jika keadaan begini wujud, kita berada dalam situasi was-was untuk menggunakan muzium sepenuhnya sebagai instrumen sokongan pembelajaran. Amalan kaedah ini berjaya di Barat, namun perbezaan sistem pendidikan, latar belakang pelajar, khidmat sokongan, dan mentaliti masyarakat mengekang kita untuk menjadikan mereka sebagai tanda aras keberkesannya dalam konteks Malaysia.

Skop kajian terdahulu tentang pembelajaran di muzium dalam konteks Malaysia (Ab Samad Kechot & Zuraidah Hassan, 2012; Mohd Azmi & Siti Fateema, 2012; Zuraidah Hassan & Yusmilayati Yunos, 2010) berkisar mengenai peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal, konsep pembelajaran di muzium, dan penawaran aktiviti. Namun, kajian yang memberi perhatian kepada peranan muzium sebagai instrumen menyokong pembelajaran konsep dari bilik darjah sangat sukar diperolehi, lebih-lebih lagi yang memberikan fokus kepada amalannya dalam pendidikan Sejarah. Walhal, Sejarah merupakan mata pelajaran yang paling hampir dan memperoleh banyak manfaat hasil kerjasama dengan muzium. Oleh itu, kajian dalam skop perbincangan peranannya dalam konteks pendidikan Sejarah di Malaysia perlu dilakukan setidak-tidaknya untuk merintis kajian akan datang dalam skala yang lebih besar.

## TINJAUAN LITERATUR

Mengapa menggunakan muzium dalam pendidikan Sejarah? Menurut Marcus et al. (2012), pendidikan muzium yang menekankan amalan pedagogi tulen sejarah dan lebih kritis kini berada di barisan hadapan dalam pendidikan Sejarah, sama sekali berbeza dari amalan pengajaran dan pembelajaran tradisional dalam kelas Sejarah. Marcus et al. (2012) menyenaraikan empat sebab asas muzium harus menjadi kaedah pilihan dalam pendidikan Sejarah iaitu: (i) muzium memberikan pengalaman pembelajaran unik yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemikiran sejarah pelajar, (ii) menjadi laman pembelajaran sejarah sepanjang hayat, (iii) memberi kebebasan kepada pelajar untuk melontarkan interpretasi masing-masing tanpa diadili, dan (iv) berfungsi sebagai lapangan sejarah terbuka yang mempengaruhi dan dipengaruhi oleh masyarakat. Pada akhir lawatan, pengunjung akan memperolehi kepuasan intelektual dan menjadi warganegara yang lebih berpengetahuan dan menghayati nilai-nilai kenegaraan (Marcus et al., 2012).

Muzium merupakan sumber sokongan pengajaran yang besar khusus untuk guru-guru Sejarah. Sepanjang tiga dekad yang lalu sudah terdapat anjakan dalam pendidikan Sejarah untuk membantu pelajar membangunkan kemahiran penyelidikan sejarah dan keupayaan melibatkan diri dengan pelbagai jenis bukti sejarah (Marcus et al., 2012). Pendidikan muzium membolehkan pelajar melibatkan diri secara langsung dengan artifak, suasana muzium, pengkisahan sejarah termasuk juga di tapak-tapak bersejarah (Nespor, 2000), mendalami kefahaman terhadap kandungan sesuatu bahan sejarah, membangunkan pemikiran sejarah dan kemahiran literasi dan menimba pengalaman pembelajaran yang tidak terdapat dalam bilik darjah seperti melihat, menyentuh, merasa, dan mengalami masa lalu (Marcus et al., 2012). Guru Sejarah dan ahli sejarah menekankan kepentingan membangunkan pemahaman sejarah termasuk keupayaan pelajar (i) menganalisis, mensintesis, dan menilai bukti sejarah (Wineburg, 2001), (ii) meningkatkan empati sejarah terutamanya mengenali perspektif orang lain (Barton & Levstik, 2004), (iii) meneliti dan melakukan siasatan terhadap kisah sejarah (Barton & Levstik, 2004), (iv) mengetahui, mengamalkan, dan meningkatkan kemahiran berfikir sejarah lain seperti bertanya soalan dan memahami sebab dan akibat (Seixas, 1996), (v) menghubungkan masa lalu dan hari ini (Seixas, 1996), dan (vi) mengambil bahagian dalam dialog mengenai isu-isu kontroversi (Hess, 2009). Oleh itu, pembelajaran di muzium telah memecahkan kitaran buku teks, kuliah, dan pembelajaran berorientasikan arahan yang bertumpu kepada hafalan fakta dan bukannya mewujudkan akses kepada pemahaman lebih mendalam terhadap sejarah.

Pelajar, guru dan orang awam menganggap muzium boleh dipercayai, berwibawa, sahih (Marcus et al., 2012), tulen dan mudah difahami (Falk & Dierking, 2000). Malah, muzium dilihat sebagai sumber maklumat sejarah yang lebih dipercayai berbanding profesor-profesor sejarah, guru-guru sekolah tinggi dan buku-buku bukan fiksi (Rosenzweig, 2000), bahkan guru-guru Sejarah turut mengakui muzium sebagai institusi yang memegang amanah membentangkan masa lalu (Marcus, Grenier, & Levine, 2009). Kepercayaan terhadap muzium turut meliputi sumber atas talian (*online source*) mereka. Kajian oleh Institut Muzium dan Perpustakaan Perkhidmatan (Griffiths & King,

2008) mendapati muzium dan perpustakaan merupakan sumber maklumat atas talian paling dipercayai dalam kalangan orang dewasa tanpa mengira umur, tahap pendidikan, etnik, dan lebih dipercayai berbanding maklumat dalam talian daripada kerajaan, laman-laman web komersial, dan laman web peribadi.

Muzium merangsang inkuiri untuk menyoal siasat interpretasi sejarah dengan melihat secara kritikal bagaimana muzium membina, mentafsir dan mempersembahkan masa lalu kepada masyarakat hari ini (Marcus et al., 2012). Namun begitu, potensi dan sumbangan muzium dalam pendidikan Sejarah pelajar bergantung kepada amalan guru dan kakitangan muzium. Kelly (2007) mendapati pengalaman pembelajaran di muzium boleh ditingkatkan dengan memberikan perhatian kepada kehendak pelajar dan kepelbagaian peranan mereka sewaktu lawatan, konteks sosial sewaktu lawatan, objek dan peralatan yang digunakan, dan pendekatan interaktif yang diterapkan. Sumber dan pengalaman yang diperoleh di muzium melengkapkan kurikulum sekolah (Lenoir & Laforest, dalam Marcus et al., 2012) dan menjadikan pembelajaran Sejarah lebih jelas, menarik, dan relevan. Oleh itu, pelajar memperoleh inspirasi untuk cuba berfikir secara kritikal mengenai sumber utama sejarah atau interpretasi sejarah apabila mereka berhadapan dengan kedua-dua ini dalam muzium.

Pada awal tahun 2000 muzium di Jepun sibuk untuk membawa teknologi baru bertujuan memperkayakan pengalaman pengunjung yang bukan sekadar belajar melalui bahan pameran tetapi juga penglibatan mereka dengan kaedah menarik berbantuan teknologi terkini (Yumi, 2007). Tahun 2000 merupakan transisi perubahan objektif muzium dari menyediakan sistem teknologi maklumat dalam organisasi di muzium kepada memberi penekanan kepada penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan kakitangan dan pengunjung muzium (Roberts, 2010). Apabila menyentuh tentang program *edutainment* dan pembelajaran melalui pengalaman, *The Samsung Digital Discovery Centre* di British Museum London merupakan salah satu contoh relevan. Pusat ini dibuka pada Mac 2009 dan menyediakan sembilan sesi yang berbeza khusus untuk kanak-kanak berumur lima hingga sembilan belas tahun. Pusat ini menyediakan bengkel yang berfokus kepada penggunaan teknologi digital sebagai alat sokongan untuk meneroka koleksi muzium di British Museum. Salah satu daripada aktivitinya ialah *Sutton Hoo Headline*. Kapal Sutton Hoo yang diekskavasi semula pada tahun 1939 membawa kepada penemuan luar biasa peralatan zaman Anglo-Saxon yang tidak pernah ditemui sebelum ini dan ia dipamerkan di galeri *Early Mediaeval* British Museum. Melalui bengkel sehari ini, kanak-kanak akan bekerja dalam satu kumpulan kecil untuk menyediakan satu video laporan berita tentang objek-objek yang ditemui di tapak ekskavasi kapal Sutton Hoo. Sebagai permulaan, mereka terlebih dahulu akan melakukan lawatan ke galeri *Early Mediaeval* untuk mengumpul maklumat menggunakan telefon pintar Samsung. Kemudian, pada sebelah tengah hari mereka mengakses semula maklumat yang telah disimpan menggunakan laman web untuk menyediakan laporan berita. Menggunakan *green screen* dan gambar yang telah mereka ambil di tapak ekskavasi pemberita akan muncul 'di lokasi' untuk menyampaikan laporan. Dalam tugas ini, kanak-kanak menyelidik, merancang, menulis skrip dan laporan berita mereka sendiri. Video yang telah siap akan dimuat naik dalam *Vimeo.com* (Sutton Hoo Headline) dan boleh diakses semula dalam bilik darjah untuk aktiviti susulan. Jelas bahawa pelbagai kemahiran disatukan dalam proses pembelajaran di muzium yang hanya melibatkan masa kurang dari dua belas jam.

## METODOLOGI

### Penentuan Subjek Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kes jenis penerokaan (*exploratory case study*) yang menggunakan kaedah kajian kualitatif. Kajian ini melibatkan tiga buah sekolah dalam negeri Selangor. Pelajar dari tiga buah sekolah menengah ini melawat ke Muzium Negara secara berasingan iaitu pada hari dan waktu yang berbeza untuk menyertai aktiviti *Treasure Hunt* di galeri Muzium Negara. Kumpulan pelawat ini disertai lima belas hingga dua puluh orang pelajar bagi setiap sekolah namun hanya lima orang pelajar dipilih untuk dijadikan subjek kajian. Keseluruhan subjek kajian adalah seramai lima belas orang dengan latar belakang yang homogenus. Subjek kajian ini ditemu bual secara berkelompok (*focus group*) iaitu mengikut kumpulan lawatan masing-masing. Kesemua pelajar yang dijadikan sebagai subjek kajian mempunyai ciri-ciri asas yang sama iaitu pelajar sekolah menengah kerajaan, berumur enam belas tahun, pelajar aliran Sains Tulen dan mengambil mata pelajaran pendidikan Sejarah di sekolah sebagai mata pelajaran teras.

### Tatacara Pengumpulan Data

Temu bual dilakukan sebaik subjek kajian selesai menyertai aktiviti *Treasure Hunt* dalam galeri Muzium Negara dan tiada sesi temu bual sebelum aktiviti dilakukan. Temu bual bertujuan untuk mendapatkan sebanyak dan sedalam mungkin pengalaman subjek menyertai aktiviti dalam galeri Muzium Negara. Hasil temu bual akan mengukuhkan maklumat yang didapati dari kaedah pemerhatian. Temu bual secara separa berstruktur yang dijalankan bersama subjek kajian memberikan pengkaji pengesahan dan penjelasan tentang apa yang difikirkan berlaku untuk mencapai kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu peristiwa yang dialami oleh subjek kajian. Selain itu, temu bual juga membantu pengkaji memahami situasi berdasarkan pandangan subjek kajian. Pengkaji menggunakan dua perakam audio untuk merekodkan setiap sesi temu bual agar rakaman audio lebih jelas dan menjadi rekod pendua sekiranya salah satu dari rekod sesi temu bual bermasalah. Setiap sesi temu bual mengambil masa kira-kira satu jam lima belas minit. Pengkaji menentukan soalan temu bual terlebih dahulu dan dikembangkan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh subjek kajian. Kata tanya 'mengapa' dan 'bagaimana' kerap digunakan agar subjek kajian memberikan justifikasi kepada setiap jawapan temu bual yang diberikan.

### Tatacara Analisis Data

Rekod temu bual dipindahkan ke dalam bentuk transkrip dan setiap transkrip temu bual yang telah dilengkapkan akan diberikan kod indeks secara manual. Proses penetapan kod indeks transkrip temu bual dilakukan dengan melabel satu kod khusus kepada setiap subjek kajian. Penetapan kod bagi setiap transkrip penting untuk memudahkan proses menentukan tema yang berkaitan.

### DAPATAN KAJIAN

#### Galeri Bertema dan Susunan Mengikut Kronologi Peristiwa

Susunan galeri Muzium Negara secara kronologi dan mengikut tema sukatan pelajaran Sejarah sekolah menengah memberi kesan positif kepada subjek kajian kerana membantu mereka untuk mengingat dan memahami topik-topik lepas yang telah dipelajari.

*"Banyaklah membantu. Sebab hampir semua silibus pernah belajar. Galeri A kan Zaman Pra Sejarah. Paleolitik, Neolitik. Kat Malaysia tak ada Mesolitik...macam tu lah. Ada bukti-bukti dia, dia punya penerangan semua, tembikar yang dijumpai dengan motif dia. Lepas tu, dekat Galeri C kan penjajahan Era Kolonial...ada komunis. Banyak lah belajar peristiwa-peristiwa penting...pasal Darurat yang happened kat negara ni. Lepas tu, oh...ya, ya. Kira macam tu lah. Kat muzium lagi terperinci fakta yang diberikan, kan."* (K1S2)

*"Macam baru-baru ni cikgu ajar, saya tak fokus sangat. Bila nak exam tu baru baca balik. Tapi kalau luar bilik darjah macam tadi di Muzium Negara, dia ada bagi Galeri A, B, C, D. Lepas tu dia dah ikut urutan. Itu baru jelas, ikut urutan daripada zaman pra sejarah sampai hari ini."* (K2S2)

*"Saya ni malas nak membaca. Sangat membantu sebab ada bukti yang kita nampak. Dia pengukuhan untuk benda yang saya dah belajar dalam kelas, lah. Muzium Negara ni ikut kronologi, jadi kita lebih faham sebab tersusun."* (K2S3)

*"Muzium Negara bercerita secara berperingkat mengikut galeri. Daripada zaman pra sejarah sampailah Malaysia kini. Muzium lain walaupun pameran dia banyak tapi Muzium Negara lebih menarik. Lebih tersusun."* (K3S3)

#### Penggunaan Bukti Sejarah Yang Maujud

Pameran bukti sejarah yang sebenar dan sumber yang maujud di galeri Muzium Negara membolehkan subjek kajian menyentuh sendiri tekstur bukti sejarah tersebut. Bahan maujud membolehkan mereka mendapat paparan nyata bahan sejarah yang selama ini hanya dilihat melalui gambar.

*“Memang membantu saya memahami pelajaran di sekolah. Pertama, sebab kita nampak benda yang real live. Kita boleh feel benda tu. Kita boleh tengok depan mata kita. Kalau dalam buku teks tu kita just tengok gambar saja. Kalau pergi muzium negara ni kita boleh tengok benda yang asli atau pun mungkin replika.” (K3S1)*

*“Macam aktiviti explore di Muzium Negara, saya dapat pegang benda tu. Macam tugas cari replika duit tu kan. Dapat rasa bentuk dia, tekstur dia. Berbanding hanya tengok gambar dalam buku.” (K3S4)*

*“Bila kita tengok terus satu-satu benda, lebih kita ingat. Benda yang maujud. Sebab bila guna buku teks, kita cuma baca tulisan. Tulisan ni payah kita nak ingat. Kata lah dalam peperiksaan nanti dan sebelum tu kita ada pergi muzium, kita teringat ... ohh... gambar keris ni, ohh... Jepun naik basikal. Muzium buat kita lebih mudah untuk ingat.” (K3S5)*

### **Pembelajaran Melalui Pengalaman**

Subjek kajian tidak menyangka Sejarah sebenarnya sangat menyeronokkan sehinggalah subjek melawat ke Muzium Negara dan melakukan aktiviti amali dalam galeri muzium.

*“Sebelum ni saya tak sedar pun Sejarah ni memang seronok sebenarnya selepas mengikuti aktiviti di Muzium Negara. Semua kena pergi muzium, kalau boleh satu sekolah saya perlu belajar Sejarah di muzium. Sangat seronok. Orang akan lebih tertarik dengan Sejarah ...semua orang perlu merasai pengalaman belajar Sejarah di muzium.” (K1S2)*

*“Saya more to visual. Suasana di muzium saya boleh rasa kita dibawa ke situasi tu, macam boleh bayangkan. Saya nak pembelajaran secara hands on, pengalaman sendiri.”(K2S3)*

*“Setting muzium saja dah merangsang minat saya untuk minat Sejarah. Suasana juga lebih selesa. Kalau dalam kelas, panas. Kalau belajar Sejarah tengah hari lagi, memang tidur. Fokus belajar terganggu. Environment pembelajaran sebenarnya sangat membantu.”(K3S2)*

Aktiviti *Treasure Hunt* Muzium Negara terbahagi kepada Tugas 1 (Menjawab Soalan) dan Tugas Khas (Tugas Amali). Kedua-dua tugas ini memerlukan subjek kajian bekerja dalam kumpulan dan perlu meneroka setiap galeri di Muzium Negara untuk menyelesaikan tugas. Tetapi, subjek kajian lebih berminat dengan tugas amali.

*“Saya lagi suka buat sesuatu berbanding dengan menjawab soalan. Sebab buat sesuatu tu, macam dia suruh buat apa tu...tembikar. Tembikar Zaman Neolitik. Saya lagi suka buat yang macam tu sebab kita tengok lepas tu kita tiru.” (K1S1)*

*“Saya paling minat buat tembikar tu. Sebelum ni ada pengalaman buat tembikar dalam kelas, tapi main buat je. Bila pergi muzium...ohh... begini rupa tembikar dia. Jadi kita ikut corak dia.” (K3S2)*

*“Aktiviti yang saya rasa paling nak ulang buat tanjak tu lah. Masa yang diberi tak cukup, so saya buat tanjak yang paling ringkas. Sebab kat situ ada tunjuk banyak contoh tanjak, dalam sepuluh. So, saya ambil yang paling ringkas. Tapi kalau ada masa, saya rasa nak cuba buat yang cantik sikit, lagi lawa.”(K1S4)*

### **Sumber Pengetahuan Baru**

Galeri Muzium Negara juga menjadi sumber memperoleh pengetahuan baru kerana bukan semua peristiwa dan bahan bersejarah dimuatkan dalam buku teks Sejarah.

*“Saya baru tahu yang congkak tu ada macam-macam. Ingatkan congkak tu selama ni cuma ada bentuk sampan tu je kan. Lepas tu, rupanya congkak ada kepala garuda lah, kepala burung, naga.*

*Saya baru tahu. Lagi satu, apa ni hah...tarian kuda kepang. Dia macam bahaya, dia macam dirasuk. Sampai orang tu makan rumput, makan lalang, makan kaca.” (K1S1)*

*“Macam sekarang syiling bulat je kan. So, kat muzium ada yang bentuk ayam, ada bentuk buaya, ada bentuk gajah...macam-macam bentuk lah. Oh, orang dulu macam ni rupanya. Sebab sekarang pakai duit kertas je kan. Itu satu ilmu baru lah.” (K1S4)*

*“Bagi saya yang menarik di Galeri A. Saya dapat tahu kaedah saintifik yang digunakan oleh orang pra sejarah, ada macam-macam cara. Dalam buku teks mana ada bagi tahu pasal benda tu.” (K2S5)*

*“Pembelajaran Sejarah di muzium ni sangat perlu. Sangat membantu saya untuk lebih mengingati pembelajaran yang didapati dari bilik darjah dan dalam masa yang sama belajar perkara yang tak ada dalam buku teks. Pemikiran tentang sejarah itu lebih luas.” (K3S3)*

### **Galeri Sebagai Medium Ulang kaji**

Tugasan 1 memerlukan subjek kajian bergerak ke setiap galeri Muzium Negara untuk mendapatkan jawapan. Pergerakan subjek kajian membaca setiap label bahan pameran di Muzium Negara secara tidak langsung telah membantu subjek melakukan ulang kaji.

*“Bagi saya yang best tadi yang mencari lah..mencari jawapan ke, cari barang ke, cari contoh barang nak buat ke. Semua best lah sebab bagi saya the more you search, the more you jalan-jalan dalam muzium tu. The more you jalan-jalan, the more you see. The more you see, then the more you learn. So, memanglah kita cari cepat..nak menang kan. Ada satu tu, cari barang pun lambat..tapi sambil jalan-jalan dalam muzium tu kita nampak benda lain. So, belajar lah.” (K1S5)*

*“Jawab soalan tu bukan kita duduk saja sebenarnya. Bila kita nak cari jawapan soalan tu, kita kena pusing satu galeri. So, bila kita jumpa benda yang kita rasa jawapan, kita baca label dia. Pengetahuan akan lebih bertambah.” (K3S5)*

*“Dalam setahun sesi persekolahan tu, selepas selesai silibus atau mungkin sebelum peperiksaan akhir kita perlu buat satu lawatan ke muzium. Tapi sebelum lawatan tu, ada diaturkan aktiviti atau tugas sebelum lawatan, semasa lawatan dan tugas selepas lawatan. Bila kita dibekalkan tugas begini, kita akan lebih faham. Kita ada tujuan pergi muzium. Kita dah belajar dalam bilik darjah kemudian belajar pula lagi di muzium. Bila digabungkan, kita akan lebih faham.” (K1S4)*

*“Jadikan pembelajaran di muzium untuk refresh hasil pembelajaran lepas. Pembelajaran dalam bilik darjah juga perlu, habiskan silibus dulu untuk dapatkan pengetahuan. Sebelum peperiksaan adalah masa paling sesuai untuk adakan pembelajaran di muzium. Di muzium perbincangan dengan rakan membantu kita untuk lebih faham. Lawatan ke muzium ni juga salah satu cara untuk buat ulang kaji.” (K3S5)*

## **PERBINCANGAN**

### **Galeri Bertema dan Susunan Mengikut Kronologi Peristiwa**

Sejarah kerap dikaitkan sebagai mata pelajaran bacaan dan hafalan tanpa memerlukan sebarang kemahiran lain yang mencabar minda pelajar. Cakupan buku teks Sejarah yang terlalu luas dan melibatkan ratusan fakta sangat mematkan pelajar jika mengandaikan dua kemahiran tersebut memadai untuk pembelajaran Sejarah. Kaedah ini sama sekali menyukarkan pelajar untuk memahami sejarah yang dipelajari secara konseptual. Tetapi, susunan galeri Muzium Negara mengikut kronologi memberi kesan positif terhadap subjek kajian kerana memudahkan mereka memahami topik yang telah dipelajari secara konseptual dalam bilik darjah Sejarah.

Galeri A adalah galeri khusus Zaman Pra Sejarah dan subjek kajian telah mempelajari zaman pra sejarah dalam Sejarah tingkatan satu dan tingkatan empat. Galeri B merupakan galeri untuk Kerajaan-Kerajaan Awal dan subjek

kajian telah mempelajari topik sejarah berkaitan kerajaan-kerajaan awal sewaktu tingkatan satu. Galeri C pula merupakan galeri untuk Era Kolonial dan topik ini telah dipelajari sewaktu tingkatan dua dan tingkatan empat. Manakala Galeri D merupakan galeri Malaysia Kini yang mempamerkan sejarah Malaysia dari era pascapendudukan Jepun hingga Malaysia masa kini telah dipelajari dalam tingkatan tiga. Aktiviti *Treasure Hunt* di Muzium Negara boleh berperanan sebagai satu aktiviti ulang kaji kerana peserta perlu membuat penerokaan di setiap galeri untuk menyelesaikan tugas sekaligus membantu mengingat semula topik yang pernah dipelajari. Pameran dalam galeri Muzium Negara yang disusun mengikut susunan tema sukatan pelajaran Sejarah sekolah menengah membuat pelajar seperti sedang membaca topik demi topik kandungan dalam buku teks Sejarah. Berbanding selama ini hanya mengamalkan kaedah menghafal ratusan fakta sejarah, mengikuti aktiviti *Treasure Hunt* di Muzium Negara memudahkan mereka memahami sesuatu peristiwa disokong galeri pameran yang telah dibahagikan berdasarkan tema. Oleh itu, pembelajaran di muzium telah memecahkan kitaran buku teks, kuliah, dan pembelajaran berorientasikan arahan yang bertumpu kepada hafalan fakta, dan bukannya mewujudkan akses kepada pemahaman lebih mendalam terhadap sejarah.

### **Penggunaan Bukti Sejarah Yang Maujud**

Sejarah akan menjadi mata pelajaran lesu jika diajar tanpa bahan maujud sebagai bahan bantu belajar. Membimbing pelajar menggunakan Kemahiran Pemikiran Sejarah perlu disokong dengan bahan yang sesuai untuk menjana inkuiri dan kreativiti mereka. Seperti pendapat Marcus et al. (2012), penggunaan bahan maujud mendalamkan kefahaman terhadap kandungan sesuatu bahan sejarah, membangunkan pemikiran sejarah dan kemahiran literasi dan menimba pengalaman pembelajaran yang tidak terdapat dalam bilik darjah seperti melihat, menyentuh, merasa, dan mengalami masa lalu. Bahan bantu seperti gambar dan tayangan multimedia boleh digunakan bagi topik-topik Sejarah yang bahan maujudnya sukar diperolehi dan tapak tinggalannya jauh dari Malaysia seperti peristiwa Perang Dunia Pertama dan Kedua. Namun bagi peristiwa sejarah dalam negara, bukti-bukti sejarah yang terdapat di muzium dan tapak-tapak bersejarah seharusnya sudah dimanfaatkan untuk tujuan pembelajaran.

Subjek kajian menyifatkan aktiviti di Muzium Negara memudahkan pemahaman mereka terhadap topik Sejarah kerana adanya bukti sejarah yang sebenar atau pun setidak-tidaknya replika dan diorama. Selaras dengan pendapat Nespor (2000), pembelajaran di muzium membolehkan pelajar melibatkan diri secara langsung dengan artifak dan suasana muzium. Bukti sejarah yang maujud di Muzium Negara membolehkan subjek kajian menyentuh sendiri tekstur bukti sejarah tersebut. Pembelajaran Sejarah menggunakan bahan sejarah sebenar membantu pelajar untuk mengingat semula sesuatu fakta sejarah tanpa perlu menghafal. Sebagai contoh, diorama Perjanjian Pangkor di Galeri C Muzium Negara (Era Kolonial) membantu subjek kajian memahami dengan mudah dan memperoleh gambaran peristiwa Perjanjian Pangkor di atas kapal *H.M.S Pluto* berbanding membaca berulang kali dalam buku teks. Walaupun terdapat maklumat baru yang diperolehi namun tidak sesukar seperti memahami hanya melalui pembacaan buku teks dan melihat gambar.

### **Pembelajaran Melalui Pengalaman**

Dapatan kajian turut menggambarkan bahawa subjek dalam ketiga-tiga kumpulan jarang melakukan tugas berbentuk amali sama ada dalam bilik darjah Sejarah atau pun luar bilik darjah khususnya di muzium. Oleh itu, tidak mengejutkan apabila dua belas daripada subjek kajian memilih mata pelajaran sains dan pengiraan sebagai mata pelajaran diminati kerana mata pelajaran sains mendedahkan mereka kepada kerja-kerja amali di makmal sains. Seperti kelaziman tugas secara amali, aktiviti di Muzium Negara juga memerlukan subjek kajian mencari jalan untuk menyelesaikan tugas yang diberi dengan kaedah sendiri. Proses ini dijayakan melalui kerja berpasukan dan perlu menggunakan pengetahuan konsep-konsep sejarah yang telah dipelajari dalam bilik darjah. Oleh itu, pelajar memperoleh inspirasi untuk cuba berfikir secara kritikal mengenai sumber utama sejarah atau interpretasi sejarah apabilaberhadapan dengan kedua-dua ini dalam muzium. Pengalaman bekerja secara langsung dengan sumber bukan sekadar menguatkan pemahaman pelajar terhadap pembelajaran konsep dari bilik darjah malah menjadi sebahagian dari kaedah untuk meningkatkan pelbagai kemahiran. Pembelajaran melalui pengalaman di Muzium Negara menumpukan kepada penglibatan para peserta dan bahan bantu agar pengalaman pelajar nanti memberi kesan positif kepada hasil pembelajaran. Seperti pendapat Kelly (2007), pengalaman pembelajaran di muzium boleh ditingkatkan dengan melalui memenuhi kehendak pelajar dan kepelbagaian peranan mereka sewaktu lawatan, konteks sosial sewaktu lawatan, objek dan peralatan yang digunakan, dan pendekatan interaktif yang diterapkan.

### Sumber Pengetahuan Baru

Skop kurikulum pendidikan Sejarah di Malaysia terlalu luas meliputi Zaman Pra Sejarah, Sejarah Malaysia, Sejarah Asia Tenggara, Sejarah Islam dan Sejarah Dunia. Di sebabkan terlalu banyak fakta yang perlu diingat, pelajar mula selektif dengan memilih topik-topik tertentu sahaja untuk dipelajari sama ada topik yang mereka gemari, peristiwa sejarah yang hampir dengan mereka atau pun hanya topik yang disoal dalam peperiksaan. Oleh itu, tidak dinafikan apabila seseorang pelajar melawat ke muzium pasti akan ada pengetahuan baru yang mereka peroleh kerana tidak semua bahan bersejarah di muzium dimuatkan dalam buku teks Sejarah. Sebaliknya juga, tidak semua bahan sejarah yang dipamerkan di muzium ditulis dalam buku teks Sejarah.

Paparan gambar dalam buku teks sahaja tidak banyak membantu pelajar untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang sesuatu peristiwa dan bahan bersejarah kerana bukan semua peristiwa dimuatkan dalam buku teks Sejarah. Malah subjek kajian mendapati perkara yang tidak dimasukkan dalam sukatan pelajaran Sejarah itu kadang-kadang lebih menarik untuk dipelajari. Bahan sejarah yang berada di luar skop buku teks Sejarah ini memerlukan motivasi daripada guru untuk mencari bahan sokongan pembelajaran dari sumber alternatif lain. Mendapat maklumat sejarah dari sumber alternatif memperluaskan pemikiran pelajar terhadap sesuatu perkara.

### Galeri Sebagai Medium Ulangkaji

Aktiviti di muzium bukan sekadar berfungsi membantu pelajar untuk memahami topik dari pembelajaran dalam bilik darjah malah seharusnya dimanfaatkan sebagai sebahagian daripada medium ulang kaji Sejarah. Pembelajaran di muzium pula tidak hanya bergantung kepada aktiviti yang disediakan oleh pihak muzium tetapi guru Sejarah sendiri perlu menyediakan tugas sebelum dan selepas lawatan ke muzium untuk keberkesanan pembelajaran. Lawatan secara *walk in* atau *free choice learning* (kedua-duanya berkonsepkan lawatan bebas) kurang memberi kesan seandainya objektif lawatan untuk tujuan akademik.

Meskipun terdapat sesetengah lawatan dilakukan secara santai untuk memenuhi takwim kelab dan persatuan, namun pihak sekolah perlu memikirkan kesan pasca lawatan kepada peserta. Galeri Muzium Negara yang telah disusun mengikut tema memudahkan tugas guru untuk memilih topik yang sesuai diajar menggunakan bahan pameran di muzium. Seperti pendapat Marcus et al. (2012), muzium merupakan sumber sokongan pengajaran yang besar khusus untuk guru-guru Sejarah dan sudah terdapat anjakan dalam pendidikan Sejarah untuk membantu pelajar membangunkan kemahiran penyelidikan sejarah dan keupayaan melibatkan diri dengan pelbagai jenis bukti sejarah. Bagi sekolah yang menganjurkan lawatan untuk memenuhi waktu senggang sekolah, pihak Muzium Negara sendiri telah menyediakan aktiviti khusus dalam Galeri Muzium Negara dan Ruang Penerokaan (*Discovery Room*). Subjek kajian berpendapat aktiviti *Treasure Hunt* di Muzium Negara bukan sekadar bermanfaat untuk ulang kaji topik yang telah dipelajari malah sangat membantu untuk mempersiapkan mereka untuk topik yang bakal dipelajari dalam tingkatan yang seterusnya.

### Bimbingan Oleh Kakitangan Muzium

Bimbingan dari Unit Pendidikan Muzium Negara sebenarnya telah bermula sebaik pihak sekolah membuat permohonan untuk menyertai aktiviti pendidikan di Muzium Negara. Kakitangan Muzium Negara akan mencadangkan kepada guru jenis aktiviti yang bersesuaian dengan objektif lawatan mereka. Pelaksanaan aktiviti *Treasure Hunt* dalam galeri Muzium Negara mendapat bimbingan dan pemantauan seorang kakitangan muzium. Tempoh lima belas minit yang pertama, kakitangan muzium berada di Galeri A Muzium Negara. Tugas dalam Galeri A mengambil masa kira-kira dua puluh lima hingga tiga puluh minit untuk diselesaikan kerana subjek kajian masih dalam proses menyesuaikan diri dengan persekitaran dalam galeri Muzium Negara.

Kakitangan muzium berperanan memberikan penerangan kepada kehendak tugas yang kurang difahami selain memantau subjek kajian menyelesaikan tugas. Selain menyelesaikan tugas dalam tempoh masa yang diberi, tugas perlu dilakukan dengan teliti. Kakitangan muzium tidak memberikan jawapan; sebaliknya mereka membimbing subjek kajian bagaimana untuk mendapatkan jawapan yang betul melalui bahan pameran dalam galeri. Selain bimbingan menggunakan galeri Muzium Negara untuk mendapatkan maklumat dan memberi penerangan tambahan, subjek kajian perlu menjelaskan setiap hasil tugas mereka. Berlaku proses soal jawab antara subjek kajian dan kakitangan muzium apabila subjek kajian menghantar hasil tugas kepada kakitangan muzium di kaunter

informasi. Kakitangan muzium memberi galakan kepada subjek kajian untuk melaksanakan tugas dengan cara memberikan pujian. Kata-kata pujian seperti 'bagus, tahniah, *good job guys* dan *excellent*' digunakan oleh kakitangan muzium sebagai penghargaan sebaik subjek kajian berjaya menghantar tugas yang disiapkan dengan betul, kemas dan menepati masa yang ditetapkan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, pembelajaran di muzium merupakan instrumen pembelajaran luar bilik darjah yang boleh membantu menyokong pemahaman sejarah pelajar terhadap konsep yang dipelajari dalam bilik darjah Sejarah. Namun, aktiviti hendaklah dirancang dengan teliti agar galeri muzium dapat digunakan sepenuhnya sebagai instrumen pembelajaran luar bilik darjah. Perancangan teliti meliputi perbincangan antara guru Sejarah dengan pihak muzium, bimbingan oleh kakitangan muzium kepada guru Sejarah dan tinjauan awal oleh guru Sejarah untuk melihat kesesuaian bahan pameran dengan hasil akhir pengajaran guru. Jika guru Sejarah ingin memberi penekanan kepada topik-topik tertentu dalam sukatan pelajaran, guru dicadangkan untuk mengadakan aktiviti pra lawatan dalam bilik darjah terlebih dahulu, disusuli dengan pelaksanaan aktiviti secara amali dalam galeri muzium dan membuat pengukuhan melalui aktiviti pasca lawatan. Bagi lawatan bebas guru Sejarah disarankan agar menyertai aktiviti pendidikan yang telah disediakan oleh pihak muzium agar pelajar benar-benar boleh merasai manfaat muzium khususnya untuk tujuan ulang kaji. Lawatan bebas tanpa aktiviti dibimbangi akan meninggalkan stigma dalam diri pelajar, menjadikan muzium membosankan dan lawatan sekali seumur hidup sudah memadai.

## RUJUKAN

- Ab Samad Kechot, Zuraidah Hassan, & Yusmilayati Yunos. (2010). Proses pendidikan muzium: Satu kajian awal. *Jurnal Melayu*, 5, hh. 285-293.
- Abdul Razaq Ahmad, & Andi Suwirta. (2007). *Sejarah dan pendidikan sejarah: perspektif Malaysia dan Indonesia*. Bandung, Indonesia: Historia Press.
- Ahamad Rahim. (2012). *Penilaian pelaksanaan Kurikulum Sejarah Menengah Rendah Tingkatan 2*. (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi)
- Anuar Ahmad. (2001). Warganegara patriotik, masyarakat sivil dan Pendidikan Sejarah di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik*. PPK dan Persatuan Sejarah Malaysia: 8-20 Oktober.
- Annamalai, A.S. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah menengah: Satu kajian kes*. Kertas Kolokium Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Sejarah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 11-12 September.
- Barton, K.C., & Levstik, L.S. (2004). *Teaching history for the common good*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Black, G. (2012). *Transforming museums in the twenty-first century*. New York, NY: Routledge. Buku Panduan Program Ruang Penerokaan Muzium Negara. Jabatan Muzium Malaysia.
- Fairley, J.A. (1977). *History teaching through museum*. London, UK: Longman.
- Falk, J.H., & Dierking, L.D. (2000). *Learning from museums: Visitor experiences and the making of meaning*. Washington, DC: Whalesback Books.
- Falk, J.H., & Dierking, L.D. (2011). *The museum experience*. Walnut Creek, CA: Left Coast Press.
- Garis Panduan Pembelajaran Luar Bilik Darjah Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. (2006). Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Griffiths, J., & King, D. (2008). *Interconnections: A national study of users and potential users of online information*. Washington, DC: Institute for Museum and Library Services.

Haris Md. Jadi.(1993). *Persepsi mata pelajaran Sejarah dalam menangani cabaran Wawasan2020*.Pembentangan dalam Seminar Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Rendah KBSM, 11-13 Mei.

Harvey, A. (2014, July). Creating learning experiences through interactive devices. *Journal of Museum Education*, 39(2), pp. 207-215.

Hess, D.(2009).*Controversy in the classroom: The democratic power of discussion*. New York, NY; Routledge.

Hudson, K.(1976, March). Learning stations, customized worksheets and exhibits effectiveness: The new museum jargon.*Museum Journal*,75(4),pp. 165-166.

Kelly, L.(2007). *Visitors and learners: Adult museum visitors' learning identities*.Pembentangan dalam ICOM-CECA Conference 2007, Vienna, Austria.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Laporan pemantauan keberkesanan pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Sejarah di Sarawak dan Sabah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003b).*Laporan kajian tentang isu kurang minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah di Sekolah Berprestasi Rendah SPM 2002*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2004 Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PBLD), 31 Disember 2004.

Marcus, A. S., Grenier, R., & Levine, T.(2009).*How secondary history teachers use and think about museums: Current practices and untapped promise for promoting historical understanding*. Paper presented at the Annual Conference of the College and Faculty Assembly, National Council for the Social Studies, Atlanta, GA.

Marcus, A.S, Stoddard, J.D.,& Woodward, W.W.(2012). *Teaching history with museums*. New York, NY: Routledge. Mohd Azmi Mohd Yusof,& Siti Fateema Sherzeella Mohd Yusof.(2012).*Muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal dalam pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah*. Jabatan Muzium Malaysia.

Mohammad Sultan Faudjar.(2000). *Kualiti pengajaran Sejarah di sebuah sekolah menengah daerah Sabak Bernam*. (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Nespor, J.(2000). School field trips and the curriculum of public spaces. *Journal of Curriculum Studies*,32(1), 25-43. Olofsson, U.K.(1979). *Museum and children*. Paris, France: UNESCO.

Przesmitzki, D.D.,& Grenier, R. S.(2008, Spring). Nonformal and informal adult learning in museums. *Journal of Museum Education*, 33(1),pp.9-22.

Parry, R.(Ed.).(2010). *Museums in a digital age*. New York, NY: Routledge.

Rashdi Ramlan.(2000). Ucapan utama 1. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah: Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik, 08-12 Oktober, Kuala Lumpur.

Roberts, A. (2010). The changing role of information professionals in museums. Dlm.R. Parry(Ed.),*Museums in a digital age* (hh. 22-27). New York, NY: Routledge.

Rosenzweig, R. (2000). How Americans use and think about the past. Dlm. P. Sterns, P. Seixas& S. S. Wineburg (Sid. Ed.),*Knowing, teaching and learning history* (hh. 262-283). New York, NY: New York University Press.

Seixas, P.(1996). Conceptualizing the growth of historical understanding. Dlm. D. Ollson &N.Torrence (Sid. Ed.) *Handbook of education and human development* (hh. 765-784). Cambridge, MA; Blackwell.

- Seligmann, T.(2014, Mac). Learning museum: A meeting place for pre-service teachers and museum. *Journal of Museum Education*, 39(1), 42-53.
- Silverman, F.,& Bartley, B.(2013, July ). Who is educating whom? two-way learning in museum/university partnership. *Journal of Museum Education*, 38(2), pp. 154-163.
- Wang, J.,& Yoon.(2013, October). Scaffolding visitors' learning through labels. *Journal of Museum Education*,38(3),pp. 320-332.
- Wineburg, S.S.(2001). *Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past*. Philadelphia, PA: Temple University Press.
- Yumi Awano.(2007). Brief pictorial description of new mobile technologies used in cultural institution in japan. *Journal of Museum Education*, 32(1),pp. 17-26.
- Zaiton Ismail. (2009). *Pendekatan Integrasi Internet dalam Pengajaran Sejarah: Kajian Kes di Putrajaya*. (Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Zuraidah Hassan. (2012). *Muzium Negara: Kajian mengenai peranannya dalam pendidikan warisan*.(Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia).

**PROSES PELAKSANAAN PENGURUSAN KOKURIKULUM YANG DIAMALKAN OLEH KUMPULAN PENGURUSAN KOKURIKULUM (KPP KOKU) DI SEKOLAH MENEGAH HARIAN, LEMBAH KLANG**

**Noor Azzam Syah bin Mohamed (PhD)**  
**Teoh Hong Kean**  
Universiti Malaya  
syah6007@gmail.com, teohhk@iab.edu.my

**Noor Azzura binti Mohamed**  
Universiti Teknologi MARA  
azzura005@bdrmelaka.uitm.edu.my

**Noor Hassline binti Mohamed**  
Universiti Terbuka Malaysia  
hassline@oum.edu.my

**Abstract:** *This case study is designed to explore the process of implementation of co-curricular management at secondary schools among 10 teachers who are involved as a group of co-curricular management in two states Kuala Lumpur and Selangor. This study was implemented based on management theories Stoner, Freedmen and Gilbert (1995) and also Gulick's principle of management (1954) with minor alterations to fit the study needs. This qualitative study utilized the constant comparison method for data analysis. Data were obtained from three techniques which are in-depth interview, observation and document analysis. Participant selection was based on purposive sampling methods, in order to facilitate an in-depth understanding of the phenomenon in question. The analysis and data collection process was conducted simultaneously and continuously until data saturation was achieved. The results of the research show that all participants have given their opinions about the implementation and also the process of co-curricular management at the secondary school. Generally, this study shows that co-curricular management used four aspects to manage co-curricular activities at school in order to maintain the excellence of co-curricular programs. The five aspects are: planning, organizing, leadership, control and community involvement.*

**Keywords:** *planning, organizing, leadership, control and community involvement.*

**PENGENALAN**

KEGIATAN pendidikan di sekolah terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu kurikulum dan kokurikulum (Laporan Razak, 1956). Dalam peraturan ini, program kokurikulum dan sukan disebut sebagai kegiatan kumpulan meliputi aktiviti-aktiviti seperti kelab mata pelajaran/gabungan, kegiatan kesusasteraan, olahraga dan permainan serta latihan pemuda. Jadi, program kokurikulum dan sukan adalah saling melengkapi antara kurikulum dan kokurikulum serta bertujuan memperkembangkan tahap kognitif, afektif dan psikomotor murid bagi mencapai matlamat pendidikan yang terancang dan sempurna (Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), 1991).

Kegiatan kokurikulum bererti apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah mengikut definisi dalam Warta Kerajaan bertarikh 31hb. Disember 1997, Jld.41, No.26, Tambahan No.94. Perundangan A.P.U (A) 531, Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan (Kurikulum Kebangsaan). Jadi kokurikulum bukanlah satu konsep yang terpisah daripada kurikulum, tetapi kokurikulum lahir daripada kurikulum dan membawa makna dimensi pendidikan yang terletak di luar daripada ruang lingkup pendidikan di bilik darjah (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003).

Sehubungan dengan itu, terdapat surat pekeliling bagi menegaskan peranan guru dalam aktiviti kokurikulum. Penyertaan semua guru adalah dikehendaki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah (subperkara 5.2 SPI, 1985). Implikasinya, guru-guru di sekolah hendaklah diberi tugas dan tanggungjawab yang spesifik dan terperinci dalam bidang kokurikulum di sekolah secara bertulis seperti mana yang dilakukan dalam bidang kurikulum. Keengganan guru melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi adalah satu kesalahan daripada segi keperluan perkhidmatan atau kepatuhan dan kebertanggungjawaban penjawat awam ataupun moral dan wibawa keguruan yang boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut "Perintah-perintah Am Pegawai Awam {kelakuan dan Tata tertib (Bab D)}".

Kepimpinan pengurus dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum perlu diberi perhatian yang sama seperti kepimpinan kurikulum agar program dan aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan berkualiti dan dapat memberi manfaat kepada para pelajar (Ab. Alim, 2004; Tam, 2010). Tanggungjawab yang paling penting bagi pengurus adalah berupaya memberikan motivasi kepada semua guru agar dapat menjalankan tugas sebagai penggerak, pembimbing dan penyelia bagi aktiviti kokurikulum dan memperluaskan usaha-usaha mereka (Kenneth; Edward; Arthur; Betty; 1996). Perkara ini menepati kehendak Surat Pekeliling Ikhtisas Bil, 1/85 yang menekankan bahawa pengurus memainkan peranan utama dalam pengendalian dan pelaksanaan gerko dengan mengamalkan dan menghayati konsep kepimpinan melalui taladan. Pengetua dan guru-guru disarankan untuk menambah pengetahuan serta melengkapkan diri dengan kemahiran yang membolehkan mereka menjalankan tugas dalam pelaksanaan gerko dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, penyertaan guru adalah diperlukan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah seperti yang dinyatakan dalam subperkara 5.2 dalam SPI bil. 1/1985:

*"...Disamping itu, guru-guru yang mengendalikan kegiatan kokurikulum hendaklah diberi pengiktirafan yang sewajarnya supaya mereka lebih giat lagi terutamanya dari segi penyeliaan kegiatan-kegiatan tersebut."* (subperkara 5.3 SPI bil. 1/1985)

Justeru, pengurus kokurikulum di sekolah perlu mengetahui dan mengenal pasti proses pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah mereka supaya aktiviti dan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

## PENYATAAN MASALAH

Gerak kerja kokurikulum mempunyai peranan dalam pembentukan perkembangan rohani, emosi dan jasmani murid. Kajian yang dibuat oleh Brown-Liburd dan Porco (2011) memaklumkan aktiviti kokurikulum mempunyai kesan positif kepada pembangunan etika bakal akauntan kerana aktiviti-aktiviti yang disediakan dapat melengkapkan diri mereka untuk memasuki industri dengan berintegriti, bermoral, dan beretika profesional. Oleh yang demikian, kokurikulum di sekolah seharusnya dapat dititikberatkan oleh pihak pengurusan sekolah-sekolah kerana pengurusan yang baik akan menyumbang kepada sahsiah diri murid yang tinggi dari aspek kepimpinan dan jati diri (Wong, 2007). Terdapat beberapa kajian dan laporan menunjukkan bahawa pelaksanaan kokurikulum di sekolah masih berhadapan dengan pelbagai masalah dan kekangan (BPPDP, 2008; Mahoney et al., 2005). Antara masalah yang timbul dalam pengurusan kokurikulum di sekolah adalah dari aspek perancangan. Perancangan merupakan perkara yang penting dalam mengurus kokurikulum di sekolah. Sekiranya pengurus kokurikulum tidak dapat menjalankan peranan ini dengan baik beberapa masalah akan timbul dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah (Wee, 1997). Sebagai contoh, perancangan masa yang diperuntukkan tidak mencukupi telah menghadkan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum yang berkaitan dengan khidmat masyarakat, kepimpinan dan perkhemahan (Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010, KPM). Kajian oleh Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad (2012) mendapati kebolehan merancang dan mengelolakan aktiviti dan kebolehan penyediaan perancangan jangka pendek atau jangka panjang bagi aktiviti kokurikulum adalah pada tahap yang sederhana di sekolah dan perlu tumpuan penuh. Selain itu, perbandingan telah dibuat bagi dua kategori aktiviti kurikulum yang berstruktur (diselia oleh seorang dewasa) dan tidak berstruktur (tidak diawasi oleh orang dewasa) yang diutarakan oleh McHale et al. (2001) telah melaporkan terdapat hubungan positif antara penyertaan aktiviti berstruktur (iaitu, sukan) dengan gred sekolah, manakala penyertaan aktiviti tidak berstruktur adalah berkaitan negatif dengan gred murid di sekolah. Ini menunjukkan bahawa aktiviti yang diselia lebih memberi impak yang baik kepada prestasi murid daripada aktiviti yang tidak diselia.

Selain itu, kebanyakan sekolah masih berhadapan dengan masalah asas, iaitu ketidakmampuan menyediakan peralatan yang mencukupi dan tiada kemudahan seperti padang untuk permainan, dewan sukan dan gelanggang permainan.

Kenyataan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh BPPDP (2008) yang mendapati masalah yang paling ketara dalam mengurus kokurikulum adalah dari segi kemudahan fizikal, kewangan dan peralatan bagi sesuatu pasukan badan beruniform. Implikasi daripada masalah yang timbul ini akan menjejaskan kejayaan sesuatu program dan aktiviti kokurikulum di sekolah.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Kumpulan Pelaksana Pengurusan (KPP) Kokurikulum di sekolah menengah yang telah mendapat pengiktirafan sebagai sekolah kecemerlangan kokurikulum. Kebiasaannya sekolah yang mendapat anugerah kecemerlangan kokurikulum tidak mempunyai masalah dalam melaksanakan kokurikulum. Selain itu, kajian ini membolehkan penyelidik mempelajari cara atau amalan pengurusan yang dilaksanakan oleh mereka di sekolah dan dapat dikongsikan amalan tersebut dengan sekolah-sekolah yang lain.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian adalah meneroka kefahaman pengurus kokurikulum sekolah menengah terhadap pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:


1. Meneroka proses pelaksanaan pengurusan kokurikulum yang diamalkan oleh pengurus kokurikulum di sekolah menengah dalam aspek perancangan.
2. Mengkaji proses pelaksanaan pengurusan kokurikulum yang diamalkan oleh pengurus kokurikulum di sekolah menengah dalam aspek pengelolaan.
3. Menganalisis proses pelaksanaan pengurusan kokurikulum yang diamalkan oleh pengurus kokurikulum di sekolah menengah dalam aspek kepimpinan.
4. Meneroka proses pelaksanaan pengurusan kokurikulum yang diamalkan oleh pengurus kokurikulum di sekolah menengah dalam aspek pengawalan.
5. Meneroka proses pelaksanaan pengurusan kokurikulum yang diamalkan oleh pengurus kokurikulum di sekolah dalam aspek hubungan dengan komuniti luar.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Dalam sorotan kajian ini, perbincangan model pengurusan iaitu, Model Proses Pengurusan Stoner, Freeman, dan Gulick (1995) yang boleh menjadi asas dan panduan kajian ini. Selain itu terdapat panduan pengurusan kokurikulum yang telah dikeluarkan oleh KPM yang menjadi rujukan penyelidik untuk menjalankan kajian ini.

### Model Pengurusan

Model Pengurusan yang digunakan sebagai panduan dalam kajian ini adalah Model Proses Pengurusan Stoner et al. (1995). Stoner (1989) merumuskan lima aspek pengurusan oleh Fayol dan tujuh fungsi pengurusan oleh Gulick kepada empat proses pengurusan utama iaitu :- a) merancang; b) mengelola; c) memimpin; dan d) mengawal seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1. Model Proses Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert (1995).

Sumber: Stoner, J.A., Freeman, R.E., & Gilbert, D.R. (1995). *Management* (6th ed.). Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Menurut Stoner et al. (1995) proses pengurusan adalah cara sistematik untuk mengendalikan aktiviti. Pengurusan dinyatakan sebagai satu proses kerana ia melibatkan aktiviti yang saling berhubung supaya dapat mencapai matlamat yang diinginkan (Rajah 1). Pengurusan didefinisikan menurut Stoner et al. sebagai proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal kerja ahli-ahli organisasi dan penggunaan sumber organisasi yang ada untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dari segi amalan, proses pengurusan tidak berlaku secara berasingan atau mempunyai hubungan yang longgar tetapi saling berhubung. Anak panah dalam rajah menunjukkan berlaku pada dua-dua arah di mana proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal adalah saling berhubung dan berlaku serentak.

### Konsep Kokurikulum

Menurut German (1995) telah menukar gantikan istilah 'kokurikulum' dengan 'ekstra kurikulum'. Tegas beliau, dalam kalangan murid maktab, aktiviti ini sama pentingnya dengan kurikulum. Menurut Tuan Ismail Tuan Soh (1999), perkataan kokurikulum tidak terdapat dalam Kamus Dewan. Begitu juga *co-curriculum* tidak terdapat dalam kamus bahasa Inggeris. Cuma *prefix* 'co' dikatakan membawa maksud 'bersama', iaitu 'sesuatu yang wujud bersama kurikulum'. Takrif ini bertepatan dengan pengertian yang dikeluarkan oleh KPM dalam (Peraturan 2 dalam Peraturan-peraturan Pendidikan, Kurikulum Kebangsaan, 1997).

### Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Menengah

Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah (1993) yang dikeluarkan oleh Jemaah Nazir Persekutuan (JNP) telah menggariskan langkah pengurusan kokurikulum bagi sekolah menengah iaitu pengurusan kokurikulum perlulah mengandungi aspek perancangan, pengelolaan, kepimpinan, pengawalan dan juga hubungan sekolah dengan masyarakat.

Dalam aspek perancangan kokurikulum perkara yang digariskan dan perlu diberi perhatian adalah seperti berikut: a) menyatakan matlamat dan objektif kokurikulum; b) mengenal pasti input utama yang disediakan diperingkat sekolah seperti kemudahan, tenaga jurulatih, potensi murid, teknologi dan kewangan; c) menentukan komponen dan menubuhkan unit kokurikulum yang sesuai dengan situasi sekolah; d) menentukan kandungan program dan aktiviti kokurikulum; e) menyediakan jadual sesi kokurikulum yang berasaskan kepada satu sistem yang praktikal, rasional dan ekonomi.

Dalam aspek pengelolaan pula kokurikulum perlulah ditadbir dan diuruskan oleh sebuah organisasi yang kuat dan mantap dan mempunyai jawatankuasa kokurikulum yang dianggotai oleh guru yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai sikap yang sesuai. Selain itu, bidang dan spesifikasi tugas jawatankuasa berkenaan perlu ditentukan dengan jelas. Carta organisasi jawatankuasa perlu disediakan bagi memudahkan semua ahli memahami saluran komunikasi dan peringkat tanggungjawab masing-masing.

Dalam aspek kepimpinan kokurikulum, pengurus kokurikulum sekolah perlulah memimpin dan berusaha secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi guru penasihat unit supaya melaksanakan tugas dengan betul dan berkesan. Kepimpinan juga merupakan fungsi kualiti peribadi, ciri-ciri positif amalan pengurus kokurikulum yang dianggap berkepimpinan dalam pengurusan kokurikulum boleh dikenalpasti dan dirujuk sebagai contoh teladan.

Dalam aspek pengawalan terdapat perkara seperti berikut telah digariskan iaitu: a) Penyeliaan; b) Penilaian; c) Penyimpanan Rekod; dan d) Keselamatan. Dalam penyeliaan, peranan pengurus kokurikulum adalah membimbing dan perlu mahir dalam menggunakan pelbagai teknik pemerhatian untuk membantu membuat keputusan yang berkesan semasa penyeliaan. Semua aktiviti dan program kokurikulum murid perlu dinilai. Fokus penilaian ialah prestasi kokurikulum murid dan juga penilaian bagi kandungan program kokurikulum yang dijalankan. Selain itu, penilaian juga perlu dirujuk dengan pihak luar melalui laporan daripada Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Jemaah Nazir Sekolah dan pengkaji bebas. Penyimpanan rekod dan data perlu dilaksanakan oleh semua peringkat tanggungjawab dalam organisasi kokurikulum sekolah. Jenis rekod yang disimpan ialah rekod kehadiran murid, prestasi murid, hasil projek, penggunaan kemudahan, alat dan bahan, aktiviti yang dijalankan serta minit mesyuarat yang telah dijalankan. Bagi keselamatan pula melibatkan keselamatan murid, keselamatan guru, rekod

dan dokumen serta kemudahan kelengkapan alat dan bahan. Pelaporan kes yang melibatkan keselamatan wajar dilaksanakan mengikut sistem dan tatacara yang boleh dipertanggungjawabkan.

Dalam aspek hubungan sekolah dengan masyarakat, pengurus kokurikulum perlu memberi perhatian dalam usaha mendidik murid dalam kokurikulum berkaitan perhubungan sekolah dengan masyarakat amat penting. Jenis sumbangan perkhidmatan yang boleh diterokai oleh pihak masyarakat adalah seperti berikut: a) derma kewangan, peralatan dan kemudahan; b) tenaga kepakaran melalui tunjuk cara, ceramah, latihan kemahiran dan sandaran kerja sambilan; c) projek anak angkat; dan d) projek-projek gunasama. Penerimaan serta sokongan masyarakat adalah perlu supaya kegiatan kokurikulum berjaya dilaksanakan. Daya usaha perlu diambil oleh pihak sekolah bagi memaklumkan masyarakat tentang program, peristiwa serta usaha kemajuan yang hendak dicapai oleh sekolah dalam kokurikulum. Ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan membina kesediaan masyarakat supaya memberi sokongan kepada program kokurikulum. Sumber input daripada masyarakat dalam pelbagai bentuk hendaklah dikenalpasti, diselaraskan dan dinilai potensinya dari semasa ke semasa.

### **Kajian-Kajian Lepas**

Dalam kajian pengurusan kokurikulum ini telah menggunakan Model Proses Pengurusan Stoner et al. (1995) dan merujuk kepada Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah (1993) yang mengandungi aspek perancang, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan sebagai asas kajian. Ini di sokong oleh beberapa pengkaji (Abdul Halim, 2005; Omardin, 2002; Yusnizam, 2008) yang menyatakan bahawa pelaksanaan kokurikulum meliputi pengurusan yang terkandung proses-proses perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan. Menurut Siti Hajar (2000) empat aspek pengurusan kokurikulum iaitu, perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan mempunyai hubungan dalam pencapaian kokurikulum murid di sekolah. Begitu juga dengan James dan Charles (2005) yang menjelaskan bahawa pengurusan program lepas sekolah adalah satu proses yang merangkumi perancangan, menyusun, memimpin dan mengawal sumber program dan menyelia kerja kakitangan untuk mencapai objektif program yang dinyatakan. Pencapaian sesuatu objektif program adalah bergantung kepada sejauh mana program digubal, dianjurkan dan diselaraskan dari segi sumber manusia, kewangan, dan bahan sumber yang ada (James & Charles, 2005).

Oleh itu, kajian ini ingin meneroka apakah dan bagaimanakah amalan pengurus kokurikulum sekolah menjalankan pengurusan kokurikulum di sekolah mereka bagi mencapai kecemerlangan kokurikulum di sekolah mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan teknik temu bual, teknik pemerhatian dan semakan dokumen. Kajian ini merupakan kajian kes untuk kaedah kualitatif kerana kajian ini bersifat penerokaan secara mendalam menyelidik terhadap proses yang diamalkan semasa melaksanakan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah harian.

### **Peserta Kajian**

Sasaran kajian adalah guru-guru yang memegang jawatan pengurus kokurikulum di sekolah iaitu mereka yang terdiri daripada guru penolong kanan kokurikulum, setiausaha kokurikulum, penyelarar badan beruniform, penyelarar kelab dan persatuan, penyelarar sukan dan permainan di dua sekolah menengah harian di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Responden dipilih secara persempelan bertujuan. Kumpulan peserta kajian ini di namakan sebagai Kumpulan Pelaksana Pengurusan Kokurikulum (KPP Koku). Peserta kajian yang dipilih adalah seramai 10 orang. Menurut Merriam (2009) tiada satu peraturan dalam menentukan bilangan peserta kajian untuk kajian kualitatif.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan protokol temu bual untuk memandu pengkaji menjalankan temu bual berdasarkan objektif kajian. Kaedah temu bual adalah kaedah utama dalam pengumpulan data kualitatif (Cresswell 2012). Semasa temubual

dijalankan, penyelidik telah mengemukakan soalan berdasarkan protokol temu bual dan soalan-soalan secara terbuka kepada peserta kajian untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan menyeluruh (Anderson, 1998). Selain itu, penyelidik menggunakan protokol pemerhatian untuk melihat sendiri amalan yang dilaksanakan di sekolah secara berterusan. Semakan dokumen juga dilaksanakan untuk mendapatkan data yang bertepatan dan seterusnya dapat ditriangulasikan dengan data temu bual. Pemerhatian dijalankan dengan memerhati dan membuat catatan di dalam protokol pemerhatian terhadap hari kokurikulum di sekolah setiap minggu, perjalanan aktiviti setiap gerak kerja kokurikulum seperti badan uniform, kelab persatuan dan sukan/permainan, mesyuarat kokurikulum, majlis-majlis kokurikulum, pertandingan kokurikulum yang disertai sekolah, hari sukan sekolah dan hari kokurikulum sekolah. Dokumen yang dilihat adalah minit mesyuarat kokurikulum, buku perancangan sekolah awal tahun, fail-fail kokurikulum dan laporan-laporan yang berkaitan kokurikulum.

### **Ujian Rintis**

Kajian rintis telah dilaksanakan untuk memastikan kesesuaian dan ketepatan protokol kajian yang dibina berdasarkan kerangka konseptual kajian (Yin, 1994). Menurut Yin (1994), kajian rintis amat penting dalam reka bentuk pengumpulan data seara kualitatif yang mana ia boleh menjadi prototaip bagi kajian sebenar. Melalui kajian rintis ini, penyelidik dapat berlatih dan menimba pengalaman mengenai prosedur kajian dan membiasakan diri dengan soalan-soalan yang hendak diajukan kepada peserta kajian.

### **Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian**

Kajian ini memilih satu daripada tatacara kesahan oleh Yin (1994) iaitu ujian kesahan kontruk dengan menggunakan triangulasi ketiga-tiga teknik penyelidikan kualitatif iaitu temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen. Bagi kebolehpercayaan kajian ini memilih dua ujian kebolehpercayaan ke atas peserta kajian iaitu pertama menggunakan penyelidik terlatih yang membuat pemerhatian dan laporan secara sistematik iaitu pensyarah penyelia, kedua menggunakan alat pencatat sebagai bukti seperti borang temu bual, perakam audio digital untuk mencatat hasil temubual atau pemerhatian.

### **Pengumpulan Data**

Penyelidik mengumpulkan data melalui tiga teknik iaitu pemerhatian langsung, temubual mendalam dan analisis dokumen. Penyelidik mengambil kira pandangan Bryman (2001) bahawa penyelidik harus menentukan teknik yang bersesuaian dengan isu, sampel dan situasi yang hendak dikaji. Oleh itu, penyelidik kajian ini mengambil pendekatan kepelbagaian kaedah pengumpulan data untuk memperkukuhkan kesahan dalaman data melalui proses triangulasi. Proses triangulasi ini menjamin ketepatan dapatan kajian dan meyakinkan tentang sesuatu konsep yang dikaji (Bryman, 2001; Cresswell, 2012; Merriam, 2009; Yin, 1994).

### **Analisis Data**

Dalam kajian yang berbentuk kualitatif tiada cara yang paling baik atau paling betul dalam menganalisis data kualitatif. Proses menganalisis data kajian ini dilakukan serentak dengan proses pengumpulan data (Cresswell, 2012). Menurut Merriam (2009) penyelidik kajian perlu memahami matlamat kajian kes yang dijalankan semasa melakukan proses analisis data. Walau bagaimanapun dalam kajian ini penyelidik telah menganalisis seperti yang berikut berdasarkan Merriam (2009): a) mentranskripsi data daripada hasil temu bual yang dijalankan bersama responden; b) memahami data yang telah ditranskripsi secara berulang; c) mengkod adalah proses mengenal pasti dan menentukan kategori data; d) pembentukan kategori dan seterusnya; e) membuat indeks dan pembersihan data.

### **KEPUTUSAN KAJIAN**

Dalam proses pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah terdapat empat perkara diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan iaitu membuat perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan. Semua konstruk ini telah diamalkan semasa menjalankan proses pengurusan kokurikulum di sekolah menengah yang dikaji.

### Perancangan dalam Kokurikulum

Perancangan kokurikulum yang diamalkan terdiri daripada tiga perancangan dalam yang dilaksanakan iaitu perancangan strategik, perancangan tahunan dan perancangan sumber.

#### a) Perancangan Strategik

Peserta kajian menyatakan dalam perancangan kokurikulum perancangan strategik perlu dibuat untuk menganalisa SWOT (kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman) daripada aspek kokurikulum di sekolah dan juga menetapkan hala tuju bagi unit kokurikulum seperti yang dijelaskan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: *Perancangan Strategik*

Peserta Kajian	Temubual	Dokumen	Analisis
S1/G1	“buat SWOT analisis”.	Semakan dokumen mendapati perancangan strategik yang dibuat juga berdasarkan analisis SWOT yang dibuat di S1.	Di S1 ada membuat analisis SWOT iaitu melihat kepada kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam menguruskan kokurikulum di sekolah.
	TB/S1/G1/RAN/Ps	DO/S1	
S2/G6	“kita perlu rancang aaa contohnya perkhemahan, setiap unit perlu membuat perkhemahan masing-masing sebab masing-masing mempunyai hala tuju untuk unit kokurikulum masing-masing”.	Semakan dokumen mendapati bahawa semua aktiviti dan program dirancang mengikut ketetapan dan matlamat seperti visi dan misi yang sekolah inginkan iaitu meningkatkan penyertaan murid dalam kokurikulum di S2.	Di S2 juga mempunyai hala tuju bagi setiap unit kokurikulum di sekolah. Mereka mempunyai visi dan misi mereka dalam kokurikulum di sekolah.
	TB/S2/G6/RAN/Ps	DO/S2	

#### b) Perancangan Tahunan

Perancangan tahunan dirancang mengikut perancangan strategik yang dibuat dengan merangka aktiviti dan program sepanjang tahun mengikut kelab persatuan, kelab sukan/permainan dan badan beruniform. Perancangan tahunan ini dirancang diakhir setiap tahun seperti yang dijelaskan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: *Perancangan Tahunan*

Peserta Kajian	Temubual	Dokumen	Analisis
S1/G1	“seterusnya kita buat perancangan taktikal, ikut kelab persatuan lah, kelab sukan permainan, badan beruniform lain, taktikal tu maknanya aktiviti yang dia nak jalankan lah, aktiviti sepanjang tahun”.	Dokumen yang telah dirujuk menunjukkan bahawa semua aktiviti dan program yang dirancang dengan baik dengan mempunyai tarikh-tarikh yang ditetapkan untuk menjalankan latihan.	Di S1, perancangan tahunan dibuat mengikut kelab persatuan, badan beruniform dan kelab sukan dan permainan.
	TB/S1/G1/RAN/Pt	DO/S1	
S2/G7	“contohnya tahun 2013, macam mana saya urus, mula daripada aaa bulan 11 dan 12 2012, kita orang sudah merancang untuk program tahunan”.	Minit Mesyuarat telah dirujuk dan menunjukkan semua aktiviti dan program kokurikulum telah dirancang di sekolah sebelum sesi baru persekolahan dibuka.	Di S2, perancangan tahunan telah dirancang di akhir tahun dan dibuat oleh ketua unit kokurikulum masing-masing dan dihantar ke unit kokurikulum
	TB/S2/G7/RAN/Pt	DO/S2	

### c) Perancangan Sumber

Selain itu, perancangan sumber kokurikulum dibuat bagi merancang dari segi kemudahan dan membeli alatan untuk menjalankan program/aktiviti kokurikulum di sekolah seperti yang dijelaskan dalam Jadual 3 seperti berikut:

Jadual 3 :Perancangan Sumber

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G1	“lepas tu kita tengok prasarana kita apa yang perlu, apa yang boleh dibuat mengikut prasarana kita”.	Pemerhatian penyelidik melihat bahawa sekolah S1 mempunyai padang, mempunyai dua gelanggang yang bersimen dan satu padang bertar yang mana gelanggang dan padang tersebut dijadikan tempat berkawad bagi menjalankan aktiviti kokurikulum.	Di S1, melihat perancangan sumber perlu dibuat dengan melihat kepada kemudahan yang ada di sekolah seperti prasarana yang ada untuk menjalankan aktiviti kokurikulum.
	TB/S1/G1/RAN/Sum	PM/S1	
S2/G9	“jadi sumber kewangan kita akan uruskan untuk pembelian alatan untuk penyediaan kemudahan-kemudahan sukan...”.	Pemerhatian di S2 mendapati semua kemudahan diperlukan untuk menjalankan aktiviti disediakan oleh pihak sekolah. Semua kemudahan tersebut disimpan di dalam stor.	Di S2, perancangan sumber adalah dengan melihat juga sumber kewangan yang ada bagi membeli kemudahan seperti alatan sukan.
	TB/S2/G9/RAN/Sum	PM/S2	

Dalam membuat perancangan kokurikulum di sekolah terdapat tiga perkara yang perlu dipastikan iaitu: a) membuat perancangan strategik untuk jangka panjang; b) membuat perancangan tahunan bagi tiap-tiap tahun dengan mengikut perancangan strategik yang ditetapkan; dan c) membuat perancangan sumber iaitu, perancangan dari segi prasarana yang ada dan sumber kewangan untuk menjalankan sesuatu program kokurikulum di sekolah.

### Pengelolaan dalam Kokurikulum

Semasa mengelolakan kokurikulum sekolah, pihak pengurusan sekolah perlu membuat pemilihan guru bagi menguruskan setiap bidang kokurikulum yang ada di sekolah, dan seterusnya melantik ahli jawatankuasa dalam kalangan guru dan membuat pengagihan tugas yang sepatutnya dan akhirnya memberikan penerangan terhadap tugas yang diberikan.

#### a) Pemilihan Guru

Dalam pengelolaan apa yang dilaksanakan menurut peserta kajian adalah membuat pemilihan guru untuk memegang sesuatu unit kokurikulum dan menjadi ahli jawatankuasa dalam melaksanakan aktiviti mahupun program kokurikulum. Pemilihan yang dibuat ini juga mestilah memilih guru mengikut subjek dan bidang guru tersebut seperti yang dicatatkan dalam Jadual 4 seperti berikut:

Jadual 4 :Pemilihan Guru

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G1	“Pemilihan guru tu, kita pilih cikgu-cikgu yang memang dekat universiti tu, kolej dulu memang ada ilmu tentang bidang dia”.	Berdasarkan pemerhatian guru-guru yang dipilih untuk menjalankan kawad kaki KRS memang mempunyai pengetahuan di dalam bidang tersebut. Selain itu guru sains dan matematik diletakkan sebagai guru penasihat kelab sains dan matematik.	Di S1, pemilihan guru dibuat oleh guru penolong kanan kokurikulum dengan meneliti latar belakang dan ilmu pengetahuan guru-guru berkaitan bidang kokurikulum.
	TB/S1/G1/LOLA/ Pilih	PM/S1	

S2/G8	“...Kita ambil guru yang memegang persatuan adalah guru yang memegang jawatan sebagai panitia sebagai contoh bahasa Malaysia, ketua panitia bahasa Malaysia”.	Pemerhatian mendapati guru yang memegang persatuan dan kelab adalah daripada guru-guru yang mengajar mata pendidikan yang sama seperti kelab Bahasa Malaysia mempunyai guru-guru yang mengajar bahasa Malaysia.	Di S2, guru yang menjadi ketua panitia akan memegang tugas ketua guru penasihat untuk persatuan.
	TB/S2/G8/LOLA/Pilih	PM/S2	

### b) Penubuhan Jawatankuasa

Seterusnya melantik jawatankuasa dan mengagihkan tugas kokurikulum di sekolah untuk program kokurikulum, semua guru akan dilibatkan dan juga ia akan melihat kepada potensi guru untuk menjalankan tugas tersebut seperti yang dicatatkan dalam Jadual 5 seperti berikut:

Jadual 5 :*Penubuhan Jawatankuasa*

Peserta Kajian	Temu bual	Dokumen	Analisis
S1/G1	“..kita kena ada jawatankuasa maknanya jawatankuasa bukan hanya induk tu yang pengetua la, PK koko, SU sukan, SU Koko semua, tapi kemudian kita kena ada jawatan kuasa untuk permainan, untuk badan beruniform, untuk kelab persatuan kena ada ok”.	Daripada semakan dokumen yang dibuat, terdapat senarai jawatan kuasa yang telah dilantik bagi menjalankan program hari kokurikulum sekolah di S1.	Di S1, jawatankuasa selain daripada pentadbiran di sekolah ditubuhkan seperti jawatankuasa untuk kelab dan persatuan, badan beruniform dan kelab sukan dan permainan.
	TB/S1/G1/LOLA/Jaw	DO/S1	
S2/G6	“Ketua panitia, kita agihkan tugasnya untuk memegang persatuan jadi guru-guru lain akan ambil..ambil terutamanya yang kelab-kelab ni”.	Semakan dokumen bagi senarai tugas guru menunjukkan guru yang memegang persatuan bahasa merupakan guru-guru yang terdiri daripada guru bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.	Di S2, jawatankuasa kelab dan persatuan menggunakan guru yang sama bagi setiap tahun. Guru biasa akan menjadi penasihat untuk kelab dan guru panitia akan menjadi ketua untuk sesebuah persatuan.
	TB/S2/G6/LOLA/Jaw	DO/S2	

### c) Memberi Penerangan

Selepas selesai memilih, melantik dan juga mengagihkan tugas kepada guru-guru, perkara yang seterusnya adalah memberikan penerangan berkaitan tugas-tugas yang diberikan kepada guru-guru terlibat seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6:

Jadual 6 :*Memberi Penerangan Tugas*

Peserta Kajian	Temubual	Dokumen	Analisis
S1/G3	“kita orang beritahu dah apa yang dia nak ni semua dia dah bagi dah, peraturan dia, nak macam ni, kalau kewangan nak macam mana, semua dah dia beritahu”.	Dalam minit mesyuarat kokurikulum telah mencatatkan penerangan berkaitan carta alir proses kerja supaya melaksanakan sesuatu program dengan betul.	Penerangan telah diberikan kepada guru-guru semasa mesyuarat kokurikulum di awal tahun berkaitan dengan peraturan, kewangan.
	TB/S1/G3/LOLA/Pen	DO/S1	

Pengelolaan dalam kokurikulum adalah dengan membuat pemilihan guru yang ada di sekolah mengikut bidang yang telah diceburi semasa mereka menjalankan latihan perguruan sama ada di Institut pendidikan Guru IPG atau di universiti. Seterusnya pihak pengurusan menubuhkan jawatankuasa bagi persatuan/kelab yang ditubuhkan di sekolah dan memberikan penerangan setiap tugas yang diberikan. Penerangan tersebut dapat memberikan kefahaman kepada guru-guru untuk menjalankan tugas masing-masing.

### Kepimpinan dalam Pengurusan kokurikulum

Peserta kajian yang terlibat menyatakan dalam temu bual bahawa pemimpin yang menguruskan kokurikulum boleh menjadi pakar rujuk dalam bidang kokurikulum di sekolah, boleh memberikan motivasi dan sokongan dalam bidang kokurikulum, menunjukkan teladan yang baik, seorang yang kreatif dan juga dapat berkomunikasi dua hala.

#### a) Pakar Rujuk

Pakar yang boleh dirujuk dalam kokurikulum dapat membimbing dan membantu guru-guru lain untuk menggerakkan program dalam kokurikulum seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7 seperti berikut:

Jadual 7 : *Pakar Rujuk Untuk Kokurikulum*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G1	“diuruskan setiap aktiviti tu kita adalah dia punya own leader kan yang boleh dirujuk, contohnya KRS kita ada leader dia, pandu puteri kita ada leader dia so yang tu untuk memastikan aktiviti yang dijalankan dengan sebaiknya lah. ikut peraturan, tak bercanggah dengan KPM, dengan JPWP...”.	Pemerhatian mendapati guru penolong kanan kokurikulum di S1 telah menjadi rujukan guru-guru penasihat kokurikulum dalam aspek-aspek pengurusan kokurikulum. Begitu juga guru penasihat yang dilantik merupakan guru yang cemerlang dari sudut kokurikulumnya.	Ketua yang boleh dirujuk dapat memberikan pandangan dalam penambahbaikan sesuatu program kokurikulum yang dijalankan dan boleh dibawa berbincang berkaitan dengan masalah yang dihadapi.
	TB/S1/G1/PIM/Pakar	PM/S1	

#### b) Motivasi

Seterusnya pemimpin kokurikulum itu juga dapat memberikan motivasi dan sokongan kepada guru-guru mahupun pelajar supaya mereka lebih bersemangat dan boleh mencapai kejayaan dalam sesuatu pertandingan yang diceburi dan juga memberikan semula hadiah yang dimenangi di perhimpunan sekolah seperti yang dicatatkan dalam Jadual 8:

Jadual 8 : *Motivasi*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G4	“Biasanya cikgu-cikgu yang buat kerja dengan, orang kata sampai bawa budak sampai peringkat negeri aaa kebangsaan...dia orang akan terima satu penghargaan daripada pihak pentadbir itu sendiri...macam mana anugerah perkhidmatan cemerlang, anugerah semasa hari guru biasanya so itu sebenarnya dapat memotivasikan kita untuk terus bekerja dengan lebih cemerlang”.	Pemerhatian mendapati guru yang berjaya menangkat nama sekolah dalam kawad kaki sekolah telah diberikan hadiah penghargaan daripada pihak pentadbir pada hari kokurikulum yang dianjurkan. Hadiah yang dimenangi oleh murid diberi semula kepada mereka semasa perhimpunan sekolah.	Guru-guru juga akan dapat penghargaan daripada pihak pentadbir sekolah atas kejayaan mereka membimbing sesuatu pasukan. Bukan sahaja guru tetapi pelajar juga diberi penghargaan untuk naik ke pentas menerima hadiah yang dimenangi.
	TB/S1/G4/PIM/Mot	PM/S1	

#### c) Kepimpinan melalui Teladan

Pemimpin kokurikulum juga perlu menjadi contoh atau teladan yang baik semasa menguruskan kokurikulum. Ini menyebabkan guru akan melibatkan diri mereka dalam program-program yang dianjurkan seperti yang dicatatkan dalam Jadual 9 seperti berikut:

Jadual 9 :*Kerja Melalui Teladan*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G1	“Kalau kita ditugaskan untuk jadi AJK, untuk jadi apa-apa lah pancaragam ke, kawad kaki ke apa semua, saya sendiri akan turun jadi AJK, macam hari tu merdeka tu saya sendiri turun jadi AJK untuk hari merdeka, <i>so by example</i> lah. saya rasa kalau kita nak guru kita terlibat, kita juga kena terlibat. Kalau kita duduk je kat pejabat, lepas tu kita nak suruh dia buat memang tak jadi”.	Pemerhatian di S1 mendapati Pengetua telah turun padang untuk memberikan sokongan, begitu juga GPK kokurikulum yang turut membantu perjalanan aktiviti kawad kaki yang dijalankan.  PM/S1	Di S1, pemimpin kokurikulum sentiasa turun padang untuk bersama-sama membantu guru-guru semasa program kokurikulum. Selain itu ketua juga mestilah
	TB/S1/G1/PIM/Tel		

**d) Kreatif**

Dapatan kajian ini menunjukkan peserta kajian berpendapat bahawa seorang pemimpin yang melaksanakan pengurusan kokurikulum ini perlu kreatif dalam mencipta program supaya pelajar dapat melibatkan diri dalam program kokurikulum yang dianjurkan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 10:

Jadual 10 :*Kreatif*

Peserta Kajian	Temubual	Dokumen	Analisis
S2/G6	“Cikgu-cikgu mungkin tak nampak tapi kita yang...yang berada di unit ko ni nampak. Kita dorongan cikgu tu kita beri penerangan dan kita dalam rangka untuk laksanakan program yang sama di peringkat antarabangsa dengan menjemput negara luar pula datang...supaya murid kita pula dapat markah antarabangsa. Kita <i>create</i> program”.	Semakan dokumen mendapati di S2 telah mencipta beberapa program seperti kembara lestari dan telah dijadikan sebagai program daerah. Beberapa program panitia bahasa Melayu juga telah digabungkan dengan persatuan bahasa Melayu seperti pertandingan pantun.	Pemimpin kokurikulum perlu kreatif dari segi mencipta program-program baru dalam kokurikulum sekolah. Program yang dicipta boleh merangkumi beberapa aktiviti di dalamnya.
	TB/S2/G6/PIM/kreatif	DO/S2	

**e) Komunikasi berkesan**

Semasa melaksanakan pengurusan kokurikulum perlu adanya komunikasi yang berkesan dan baik antara pemimpin dan guru-guru. Dengan ini guru dapat bersuara dan dapat memberi pandangan mereka berkaitan program kokurikulum yang dianjurkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 11 seperti berikut:

Jadual 11 :*Komunikasi Berkesan*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G5	“perhubungan komunikasi yang baik antara ketua dengan guru-guru ini sebenarnya menjadi satu faktor aaa kenapa kita boleh berjaya dari segi pencapaian kita, bila kita ada hubungan yang baik kita ada komitmen aaa kita kan lebih apa ni aaa kita boleh dapat segala maklumat aaa perubahan dan perkembangan yang ini lah untuk pencapaian”.	Pemerhatian mendapati di S1 perhubungan antara penyelaras dan guru-guru kokurikulum adalah rapat. Semasa menganjurkan hari kokurikulum di akhir tahun penyelidik mendapati mereka sentiasa bekerjasama untuk menjayakan program tersebut. Ini termasuklah program makan malam ‘Golden night’ yang mana semua guru terlibat secara aktif sebelum program dan juga semasa program tersebut dijalankan.	Dalam kepimpinan kokurikulum di S1 perlu ada perhubungan komunikasi yang baik dan merupakan faktor kejayaan dalam kokurikulum di sekolah. Dengan ada komunikasi dua hala perbincangan berkaitan dengan program yang akan dijalankan dapat dilaksanakan.
	TB/S1/G5/PIM/Kom/P20L118	PM/S1	

Dalam aspek kepimpinan yang dimaksudkan itu adalah mereka ada pemimpin yang boleh menjadi tempat rujukan untuk menjalankan sesuatu program kokurikulum. Selain itu mereka menyentuh berkaitan dengan pemimpin yang diperlukan untuk menguruskan kokurikulum adalah pemimpin yang boleh memberikan motivasi dan sokongan, yang dapat menunjukkan kerja melalui tauladan, seorang yang kreatif dan dapat berkomunikasi secara berkesan dengan guru-guru lain.

### Pengawalan dalam Pengurusan Kokurikulum

Pengawalan dalam pengurusan kokurikulum melihat kepada pemantauan, menjaga keselamatan, membuat penilaian dan menjaga stok inventori.

#### a) Pemantauan

Aspek pemantauan dibuat ke atas guru-guru unit kokurikulum bagi memastikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dilaksanakan terhadap pelajar dan unit mereka seperti yang dinyatakan berikut:

Jadual 12 :*Pemantauan dalam Kokurikulum*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S2/G7	“pemantauan bukan hanya kepada murid sahaja, pemantauan juga akan dibuat kepada guru-guru unit beruniform, sama ada dia menjalankan tanggungjawab dia terhadap murid, terhadap unit dia sendiri”.	Pemerhatian yang dijalankan di S2 pada hari kokurikulum yang diadakan pada hari Sabtu pagi setiap minggu mendapati penyelaras hadir dan memantau segala aktiviti yang dijalankan bagi setiap unit kokurikulum di sekolah, penyelidik juga sempat mengikuti setiausaha kokurikulum untuk memantau unit-unit yang ada di sekolah, mereka telah menyediakan satu borang pemantauan.	Di S2, pemantauan difokuskan kepada guru dan juga murid. Selain itu terdapat instrument pemantauan aktiviti kokurikulum yang mengandungi kehadiran murid, guru yang hadir dan aktiviti yang dijalankan.
	TB/S2/G7/WAL/Pantau	PM/S2	

#### b) Keselamatan

Sebelum menjalankan sesuatu aktiviti atau program kokurikulum, guru yang bertugas perlu berada bersama-sama murid supaya keselamatan mereka terjamin dan juga pihak sekolah mesti memastikan mendapat surat kebenaran daripada ibu bapa murid seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.13 seperti berikut berikut:

Jadual 13 :*Kawalan Keselamatan*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G2	“lepas tu kita kena <i>make sure</i> cikgu ada, itu paling penting, cikgu tak ada itu ada masalah, kalau budak tu aaa apa ni takut la kalau ada orang lain masuk sekolah ni apa-apa jadi karang kan, orang culik ke apa kan, apa yang penting cikgu la kena ada aaa kalau cikgu ada dia boleh pantau”.	Pemerhatian di S1 mendapati semua aktiviti dan program yang dijalankan sentiasa diawasi oleh guru-guru penasihat masing-masing. Murid juga memberikan cadangan kepada guru-guru untuk menjalankan aktiviti yang hanya mengikut kemampuan mereka dan tidak terlalu bahaya.	Guru juga perlu dipastikan ada bersama murid dan sentiasa diingatkan tentang keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti kokurikulum serta mengurangkan aktiviti yang berisiko untuk murid.
	TB/S1/G2/WAL/Kes/P26L166	PM/S1 <u>Dokumen</u>	
S2/G6	“serahkan satu dokumen kebenaran ibu bapa, surat kebenaran ibu bapa dan juga akuan kesihatan murid itu dari segi aspek keselamatan lah”.	Dalam fail di S2 mendapati terdapat surat kebenaran ibu bapa murid yang mengikuti aktiviti di luar sekolah.	Murid perlu mengemukakan surat kebenaran ibu bapa mereka sebelum menyertai sesuatu program kokurikulum di luar sekolah.
	TB/S2/G6/WAL/Kes/P24L251	DO/S2	

### c) Penilaian

Penilaian dalam kokurikulum adalah menilai dari sudut pencapaian murid yang dikumpul daripada empat aspek berikut kehadiran, penglibatan, jawatan murid dan pencapaian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 14 seperti berikut:

Jadual 14 :*Penilaian Kokurikulum Murid*

Peserta Kajian	Temubual	Dokumen	Analisis
S2/G6	“penilaian kokurikulum yang memang diberi oleh kementerian...markah kehadiran 50 peratus, markah penglibatan 20 yang itu adalah memang aspek penilaian kokurikulum peringkat nasional lah tu.. yang itu yang kita perlukan guru-guru memastikan aktiviti dia cukup sebab bilangan penyertaan kalau kehadiran memberi 50 peratus markah...kalau kehadiran penuh dia dah dapat 50 peratus, yang itu yang 10 percent yang diambil untuk IPTA tu”.	Semakan terhadap buku kokurikulum murid di sekolah S2 juga mendapati terdapat markah yang diperuntukkan untuk murid yang dikumpul melalui kehadiran, jawatan yang disandang dan juga peringkat pertandingan yang telah dicapai.	Penilaian murid yang tersurat adalah kepada empat aspek berikut kehadiran, penglibatan, jawatan murid dan pencapaian. Kehadiran adalah meliputi bilangan perjumpaan yang ditetapkan dalam setahun.
	TB/S2/G6/WAL/Nilai/P42L401	PM/S2	

### d) Kemudahan/stok inventori

Kemudahan kokurikulum yang disediakan hendaklah dikawal oleh pihak sekolah iaitu pihak pengurusan kokurikulum dengan cara menjaga kemudahan padang sekolah, alatan kokurikulum seperti yang dijelaskan dalam Jadual 15 seperti berikut:

Jadual 15: *Penjagaan Kemudahan/ Stok Inventori*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G1	“Pengurusan tu sangat penting, so ada orang yang menjaga padang, ada orang jaga semua tu, prasarana sangat penting so pengurusan dia. Stor sukan di mana peralatan murid nak pinjam untuk apa-apa aktiviti ok penting. macam saya kata lah kita perlu kepada prasarana yang kalau kita tak ada banyak pun, apa yang kita ada mesti diuruskan dengan baik lah”.	Pemerhatian di S1 mendapati kemudahan untuk menjalankan aktiviti kokurikulum memang telah disediakan seperti padang berkawad, gelanggang, bilik sukan. Semua ini telah dijaga dengan baik oleh seorang staff di sekolah.	Di S1, terdapat penjaga bagi setiap kemudahan untuk kokurikulum di sekolah seperti padang, padang kawad dan gelanggang bola keranjang. Selain itu terdapat stor sukan yang menyimpan peralatan untuk menjalankan aktiviti sukan dan permainan.
	TB/S1/G1/WAL/Kem/P14L56	PM/S1 <b>Dokumen</b>	
S2/G10	“di unit ko kita ada stok dan unit-unit lain juga ada stok, terutamanya unit yang melibatkan uniform kan, biasanya kita rujuk kepada ada seorang cikgu kanan, memang bahagian stok, barang-barang baru kita kena beri dia surat beranak...kena <i>tagging</i> kan”.	Daripada semakan dokumen di S2 mendapati terdapat satu buku log untuk mencatatkan keluar masuk alatan yang digunakan dan dijaga oleh seorang guru yang telah ditetapkan.	Di S2, terdapat seorang guru yang menjaga barang-barang baru yang perlu di <i>tagging</i> .
	TB/S2/G10/WAL/Kem/P26L219	DO/S2	

Bagi proses pengawalan dalam kokurikulum melibatkan aktiviti pemantauan terhadap guru, pelajar dan juga segala aktiviti dan program kokurikulum. Selain itu juga pihak pengurusan kokurikulum sekolah perlu menjaga keselamatan dalam menguruskan aktiviti dan program kokurikulum sekolah mahupun di dalam ataupun di luar sekolah. Proses pengawalan ini juga termasuklah dari segi membuat penilaian terhadap pencapaian pelajar dan juga menjaga segala kemudahan dan stok inventori berkaitan kokurikulum.

### Hubungan sekolah dengan masyarakat luar

Hubungan luar dalam pengurusan kokurikulum di sekolah dapat dilihat melalui penglibatan ibu bapa, masyarakat dan agensi luar serta bekas murid. Mereka dapat membantu dari pelbagai aspek seperti kewangan, ilmu pengetahuan dan kemahiran.

#### a) Penglibatan Ibu Bapa

Bagi hubungan luar ini melibatkan penglibatan ibu bapa seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 16 seperti berikut:

Jadual 16: *Penglibatan Ibu Bapa*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
G1	“PIBG memainkan peranan yang penting sebab PIBG dia sentiasa tunjuk yang dia beri sokongan moral”.	Pemerhatian semasa pertandingan yang diadakan di kem tentera Sungai Besi mendapati terdapat beberapa orang wakil ibu bapa daripada PIBG di S1 telah datang untuk memberikan sokongan moral dan juga memberikan bantuan dari segi kewangan untuk membelikan makanan dan minuman untuk murid semasa pertandingan berlangsung.	Di S1, PIBG memainkan peranan penting dan sentiasa memberikan sokongan kepada pihak sekolah untuk menjalankan program dan aktiviti kokurikulum. Ibu bapa di S1 akan turun padang membantu guru-guru untuk melatih murid yang menyertai pertandingan luar.
	TB/S1/G1/HUB/Ibubapa/P38L210		
G5	“satu orang kata aaa budaya lah kat sekolah ini, penglibatan parents sangat baik ok, apabila kita tahu sekolah kita ini nak menyertai pertandingan ramai parent turun bersama-sama bukan hanya membantu guru yang membimbing dia pun sama jadi pembimbing bersama-sama”.		
	TB/S1/G5/HUB/Ibubapa/P64L443	PM/S1	

#### ii. Masyarakat dan Agensi Luar

Selain ibu bapa, masyarakat setempat juga dilibatkan dalam kokurikulum disekolah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 17 seperti berikut:

Jadual 17: *Masyarakat dan Agensi Luar*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Dokumen	Analisis
G1	“Kadet polis ada menembak, jadi ada IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) akan buat kursus menembak untuk budak so budak akan pergi dekat bentong untuk latihan menembak”.		Semakan fail telah mendapati terdapat surat panggilan menyertai kursus menembak yang akan diadakan di Bentong.	S1 dan S2 mendapat bantuan daripada agensi luar bagi membantu mereka untuk menjalankan latihan. Antara masyarakat luar yang terlibat adalah staf sekolah, pusat kokurikulum, polis.
	TB/S1/G1/HUB/Masy/P46L259		DO/S1	
G10	“kita ada unit uniform, kita juga boleh buat jalinan dan jaringan dengan orang luar seperti bomba, kita gunakan bomba ni untuk aktiviti sekolah kita. Ada PKBM, kita gunakan askar ni untuk aktiviti sekolah kita”.	Pemerhatian mendapati terdapat beberapa agensi luar seperti bomba telah datang ke sekolah untuk melatih kadet bomba sekolah berkawad.		
	TB/S2/G10/HUB/Masy/P14L137	PM/S2		

### iii. Bekas Murid

Seterusnya penglibatan bekas murid sekolah di S1 dan S2 juga dinyatakan seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 18 seperti yang berikut:


Jadual 18: *Bekas Murid*

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
G1	“Lepas tu untuk kawad sokongan kita adalah daripada ex-students kita, ex-students kita datang balik untuk train berilah token sikit-sikit. Itu pun PIBG bagi token”.  TB/S1/G1/HUB/bekpel P44L240	Pemerhatian mendapati terdapat beberapa orang bekas murid sekolah S1 datang untuk melatih murid-murid untuk berkawad selain daripada guru penasihat. Selain itu, bekas murid S1 juga menjadi jurulatih dalam bola baling di sekolah.	Di S1 dan S2 situasinya adalah sama iaitu bekas murid menawarkan diri untuk menjadi jurulatih bagi melatih murid-murid di sekolah. Ini termasuklah untuk kelab dan persatuan, badan beruniform dan juga sukan dan permainan. Mereka akan diberikan sijil dan sumbangan kewangan oleh pihak sekolah.
G4	“saya akan invite ex-student yang pernah main sebelum ini sebagai wakil sekolah untuk bagi aaa dia orang lebih aaa tunjuk skill permainan”.  TB/S1/G4/HUB/bekpel P22L141	PM/S1	
G9	“ex-student sekolah ini juga, dia menawarkan diri sebagai jurulatih yang mana mereka nak ajar kawad kepada murid-murid kat sekolah ni”.  TB/S2/G9/HUB/bekpel P32L137	Pemerhatian mendapati terdapat beberapa orang bekas murid di S2 yang hadir untuk membantu melatih kawad kaki .  PM/S2	

Rumusannya, dapatan kajian di S1 dan S2 menunjukkan situasinya adalah sama iaitu bekas murid menawarkan diri untuk menjadi jurulatih bagi melatih murid di sekolah. Ini termasuklah untuk kelab dan persatuan, badan beruniform dan juga sukan dan permainan. Mereka akan diberikan sijil dan sumbangan kewangan oleh pihak sekolah bagi menghargai sumbangan mereka dalam kokurikulum sekolah.

### PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis data kualitatif mendapati proses pengurusan kokurikulum di sekolah menengah melibatkan empat aspek pengurusan iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan, dan pengawalan. Dapatan ini selari dengan teori Stoner (1995) dan Gulick 1954 dan Jemaah Nazir Sekolah (1993). Walau bagaimanapun proses pelaksanaan kokurikulum di sekolah terdapat sedikit perbezaan. Berikut Rajah 2 merupakan penerangan bagi proses-proses dalam menguruskan kokurikulum di sekolah menengah harian yang terlibat dengan kajian ini:



Rajah 2. Proses pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah harian.

### Perancangan Kokurikulum di sekolah

Proses merancang kokurikulum sekolah melibatkan proses membuat perancangan strategik kokurikulum, perancangan tahunan kokurikulum dan perancangan sumber kokurikulum di sekolah. Berikut merupakan penerangan bagi proses perancangan yang dilaksanakan semasa melaksanakan pengurusan kokurikulum di sekolah:

#### a) Perancangan Strategik

Perancangan strategik yang dibuat di SMK harian menurut KPP Kokurikulum mempunyai tempoh masa yang tertentu dan ianya mesti merujuk kepada misi dan visi kokurikulum yang ditetapkan oleh KPM. Dapatan ini adalah selari dengan Ab. Rahim et al. (2012) yang mana di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) membuat perancangan strategik kokurikulum adalah wajib, berfokus dan perlu mencapai matlamat berprestasi tinggi. Selain itu, perancangan strategik ini merangkumi analisis SWOT dan perancangannya juga mestilah mengambil kira jalinanhubungan dengan komuniti luar sekolah iaitu ibu bapa pelajar dan masyarakat setempat.

#### b) Perancangan Tahunan

Perancangan tahunan dibuat selepas perancangan strategik. Ia dirancang setiap tahun dengan menyusun aktiviti dan program sepanjang tahun menurut KPP Kokurikulum di SMK harian. Ini adalah selari dengan KPM (2009) di dalam buku panduan pengurusan kokurikulum di sekolah yang menyatakan perancangan tahunan iaitu perancangan jangka pendek perlu dilakukan. SMK harian juga menetapkan bahawa setiap unit kokurikulum membuat perancangan tahunan mereka sendiri. Selain itu, merujuk perancangan tahunan yang lepas bagi memperbaiki perancangan tahunan yang berikutyadan perancangan tambahan akan dibuat sekiranya ada unit-unit kokurikulum yang tidak aktif bagi membolehkan mereka ini dapat menganjurkan program dan semua pelajar boleh terlibat. Perancangan tahunan yang dibuat itu perlu menjurus kepada kecemerlangan dengan menyusun strategi seperti latihan guru, latihan pelajar yang intensif. Perancangan tahunan adalah termasuk mengadakan jadual dan carta pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah sepanjang tahun. Dapatan kajian ini adalah selari dengan SKPM (2010) yang menyatakan bahawa setiap badan beruniform, kelab/persatuan dan sukan/permainan perlu membuat perancangan tahunan bagi menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah. Begitu juga KPM (2009) dalam perancangan tahunan, takwim dan jadual aktiviti perlu ditentukan.

Selain itu, perancangan tahunan juga adalah termasuklah membuat penetapan mesyuarat kokurikulum pada awal tahun yang mana surat-surat dan bahan-bahan seperti surat pelantikan, surat permohonan membuka kelab beserta surat kelulusan yang berkaitan perlu disediakan terlebih dahulu. Mesyuarat itu juga akan berbincang berkenaan dengan perlembagaan, objektif, matlamat dan juga program-program yang akan dilaksanakan. Seterusnya dalam perancangan tahunan disebutkan bahawa mesyuarat agung juga dirancang dalam mesyuarat antara guru dan pelajar untuk melantik ahli jawatankuasa dan juga merangka aktiviti tahunan mereka dalam unit kokurikulum masing-masing. Dalam mesyuarat ini guru penasihat perlu menyenaraikan carta Gantt yang dirancang. Selain itu, dalam perancangan tahunan kokurikulum terdapat sukatan pelajaran yang dirancang untuk dilaksanakan oleh guru penasihat pada hari kokurikulum setiap minggu.

#### c) Perancangan Sumber

Perancangan sumber yang dibuat berdasarkan SMK harian ini melibatkan perancangan mengikut prasarana atau kemudahan yang ada di sekolah. Selain itu, perancangan sumber yang dibuat oleh KPP Kokurikulum adalah dengan mengikut jumlah guru dan kemahiran mereka untuk menjalankan aktiviti dan program-program kokurikulum di sekolah. Seterusnya perancangan sumber ini mengambil kira sumber kewangan untuk membeli peralatan sukan. Sekiranya mewujudkan sesuatu kelab sukan dan permainan sekolah tersebut perlu memastikan bahawa segala peralatan mencukupi dan lengkap. Jadi sumber kewangan sangat penting dalam membuat perancangan dalam kokurikulum. Ini selari dengan Jemaah Nazir Persekutuan (1993), Bompa (1999), James dan Charles (2005) yang menyatakan segala kemudahan adalah faktor sokongan yang perlu dipastikan cukup bagi meningkatkan prestasi murid di sekolah.

### Pengelolaan Kokurikulum di Sekolah

Dalam proses pengelolaan kokurikulum melibatkan pemilihan guru kokurikulum, menubuhkan jawatankuasa dan agihan tugas kokurikulum dan memberi penerangan kepada tugas-tugas kokurikulum yang telah diberikan.

**a) Pemilihan Guru**

Dalam pengelolaan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah adalah dengan membuat pemilihan guru kokurikulum. Berdasarkan kajian di SMK harian mendapati pemilihan guru kokurikulum bagi satu-satu unit kokurikulum dibuat oleh guru penolong kanan kokurikulum dengan cara meneliti latar belakang dan pengetahuan guru berkenaan dalam bidang kokurikulum seperti kelab dan persatuan kokurikulum; pemilihan adalah berdasarkan kepada mata pelajaran yang diajar oleh guru di sekolah. Manakala guru yang memegang jawatan sebagai panitia akan diberikan tugas sebagai ketua guru penasihat bagi kelab dan persatuan di sekolah. Begitu juga, guru yang telah mengikuti sesuatu kursus berkaitan kokurikulum akan diletakkan di bawah bidang kokurikulum yang telah diikutinya. Ini adalah selari dengan Jemaah Nazir Persekutuan (1993) dan SKPM (2010) yang menyatakan bahawa pemilihan guru-guru perlu berdasarkan kepada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki mereka. Guru-guru yang mempunyai latar belakang kokurikulum yang terbaik dipilih bagi membantu pihak sekolah untuk meningkatkan kualiti program kokurikulum yang dijalankan. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Elias, Graczyk, Weissberg, dan Zins (2003) mencadangkan pemilihan staf yang mempunyai kelayakan merupakan faktor yang dapat mengekalkan kejayaan pelaksanaan program kokurikulum di sekolah.

**b) Penubuhan Jawatankuasa dan Pengagihan Tugas Kokurikulum**

Setelah pemilihan guru dibuat seterusnya penubuhan Jawatankuasa dan pengagihan tugas akan dilaksanakan berdasarkan di kedua sekolah SMK harian ini. Di S1 setiap unit kokurikulum seperti badan beruniform, kelab dan persatuan dan sukan dan permainan mempunyai jawatankuasanya sendiri di sekolah. Guru-guru telah ditentukan menjadi ahli jawatankuasa bagi program-program yang dibuat. Tugas ketua panitia adalah memegang persatuan manakala guru selain panitia ini akan mengambil alih tugas sebagai guru penasihat kelab. Sebagai contoh sekiranya guru tersebut merupakan ketua panitia bahasa, dia perlu memegang jawatan sebagai ketua persatuan bahasa dan dalam masa yang sama dilantik menjadi ahli jawatankuasa dalam program-program yang dianjurkan oleh persatuan tersebut. Semasa melaksanakan tugas pengagihan ini, bebanan tugas guru akan dipaastikan terlebih dahulu bagi setiap guru-guru di sekolah sebelum meletakkan mereka dalam satu-satu jawatankuasa program kokurikulum. Setiap guru akan menerima sekurang-kurangnya tiga bidang tugas dalam kokurikulum di sekolah. Pengagihan jawatankuasa ini melibatkan semua guru dan berdasarkan kepada potensi mereka untuk menjalankan tugas yang diberikan. Ini selari dengan Jemaah Nazir Persekutuan (1993) dan Ab. Alim (1994) yang menyatakan bahawa setiap bidang dan spesifikasi tugas perlu ditentukan dengan jelas. Manakala James (2013) dalam melaksana aktiviti-aktiviti di luar sekolah pihak pengurusan perlu tahu untuk melantik jawatankuasa pelaksana dan mengagihkan tugas-tugas mereka. Begitu juga menurut Stoner, Freeman, dan Gilbert (1995) pengurus perlu membuat proses menyusun dan memperuntukkan kerja, autoriti dan sumber di dalam organisasi.

**c) Memberi penerangan**

Setelah penubuhan dan agihan tugas diberikan, guru-guru akan diberikan penerangan berkaitan dengan tugas-tugas mereka. KPP kokurikulum di kedua-dua SMK harian menyatakan penerangan diberikan kepada guru-guru dalam mesyuarat kokurikulum pada awal tahun berkaitan dengan peraturan, kewangan, laporan aktiviti, carta Gantt dan cara-cara melantik ahli jawatankuasa dalam kalangan pelajar. Selain dalam mesyuarat, mereka juga memberikan penerangan secara individu terutamanya kepada guru-guru baru dengan cara mendekati serta menerangkan tugas yang perlu dilaksanakan oleh mereka. Selain itu, guru-guru diminta untuk merujuk kepada buku tugas guru yang telah disediakan setiap tahun supaya mereka dapat bersedia untuk melaksanakan tugas-tugas yang ditentukan untuk mereka. Ini selari dengan Ab. Alim (1994) yang telah menyenaraikan langkah-langkah dalam pengelolaan dan salah satunya adalah memberi penerangan peranan individu dalam organisasi.

**Kepimpinan Dalam Kokurikulum**

Aspek kepimpinan yang dimaksudkan itu adalah mereka ada pemimpin yang boleh menjadi tempat rujukan. Selain itu mereka menyentuh berkaitan dengan pemimpin yang diperlukan untuk menguruskan kokurikulum adalah pemimpin yang boleh memberikan motivasi dan sokongan, yang dapat menunjukkan kerja melalui tauladan, seorang yang kreatif dan dapat berkomunikasi secara dua hala dengan guru-guru lain.

**a) Pakar Rujuk Kokurikulum**

Ciri kepimpinan yang pertama dinyatakan oleh KPP kokurikulum di SMK harian adalah seorang pemimpin dalam kokurikulum perlulah terdiri daripada seorang pakar yang boleh dirujuk sebagai pemimpin, mereka ini perlu mengetahui dan faham dari segi peraturan seperti SPI, peraturan-peraturan dan panduan yang telah ditetapkan oleh

KPM dan JPN berkaitan dengan kokurikulum dengan itu dapat membantu dalam pelaksanaan sesuatu program kokurikulum di sekolah seperti dapat berkongsi ilmu pengetahuan yang ada dengan guru-guru yang lain dan dapat mengajar guru-guru yang lain berkaitan dengan pengurusan sistem fail kokurikulum seterusnya dapat memperbaiki kelemahan yang ada.

Dengan adanya ketua yang boleh dirujuk dapat memberikan pandangan serta penambahbaikan dalam sesuatu program kokurikulum. Dalam masa yang sama juga guru dapat meminta pendapat bagi menangani sesuatu masalah yang dihadapi dalam melaksanakan pengurusan dan pengendalian program kokurikulum di sekolah. Ini selari dengan Ab. Rahim, Kamarolzman, Hazrimah, Hazrita (2012) menyatakan alat atau kuasa kepimpinan mereka ialah kepakaran iaitu kelulusan dan pengalaman dalam bidang kokurikulum dan aspek ini perlu dibangunkan dengan segera dan semua yang terlibat mempunyai latihan formal dalam kepimpinan sukan atau permainan atau pasukan beruniform atau persatuan akademik.

#### **b) Memberi motivasi dan sokongan**

Pemimpin dalam kokurikulum perlu memberi motivasi dan sokongan semasa melaksanakan pengurusan kokurikulum di sekolah. Dapatan kajian di kedua-dua SMK harian yang terlibat mendapati KPP kokurikulum terutamanya pengetua sekolah selalu berjumpa dengan pelajar-pelajar yang akan menyertai pertandingan kokurikulum di luar sekolah dengan memberikan kata-kata semangat. Selain itu, KPP kokurikulum sekolah juga mengadakan perlawanan persahabatan dengan sekolah-sekolah berhampiran untuk menunjukkan sokongan yang diberikan bagi memajukan sesuatu program terutamanya dalam sukan sekolah.

Sekiranya pelajar memenangi sesuatu pertandingan, KPP kokurikulum sekolah akan mengumumkan kejayaan pelajar tersebut di perhimpunan untuk menaikkan semangat mereka dan memberikan semula hadiah yang dimenangi di hadapan pelajar yang lain. Bukan sahaja pelajar yang diberikan motivasi dan sokongan daripada pihak pengurusan tertinggi sekolah malah guru-guru juga diberikan anugerah sebagai motivasi kepada guru-guru yang lain sekiranya mereka telah berjaya membawa pelajar sehingga ke peringkat negeri dan kebangsaan. Ia akan disampaikan pada hari anugerah kecemerlangan kokurikulum di peringkat sekolah yang mana dalam majlis ini guru-guru dan juga pelajar-pelajar yang telah menunjukkan kecemerlangan kokurikulum di sekolah menerima anugerah dalam kecemerlangan mereka.

Pihak pengurusan tertinggi di sekolah yang mempunyai minat dalam bidang kokurikulum dan sokongan yang diberikan terhadap pelaksanaan aktiviti dan program kokurikulum di sekolah dengan cara menyediakan peluang-peluang untuk pelajar menyertai aktiviti dan program kokurikulum daripada peringkat sekolah sehinggalah peringkat antarabangsa. Pihak pengurusan tertinggi sekolah juga sangat prihatin mengenai kursus-kursus dan mesyuarat-mesyuarat kokurikulum yang mana pihak pengurusan membenarkan guru-guru untuk menyertainya. Dapatan ini selari dengan Jemaah Nazir (1993), Bempa (1999), James dan Charles (2005), dan KPM (2009) yang menyatakan pihak pengurusan kokurikulum sokongan perlu memberikan sokongan dan motivasi kepada guru-guru dan juga murid-murid di sekolah. Menurut Jamalullail dan Azhar (2008) dalam kajian mereka, faktor sokongan oleh pengurus kokurikulum sekolah sangat mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah.

#### **c) Kerja Melalui Teladan**

Kerja melalui teladan juga perlu diamalkan semasa proses pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah. Dapatan kajian di kedua-dua SMK harian mendapati pihak pengurusan sekolah seperti pengetua dan KPP kokurikulum akan turun padang dan menjadi ahli jawatankuasa bersama-sama guru yang lain. Mereka bukan sahaja memberikan arahan tetapi bersama-sama tindakan yang perlu diambil semasa menguruskan kokurikulum di sekolah dengan menunjukkan nilai-nilai yang positif seperti menghormati mereka dan bekerja bersama-sama mereka untuk menjaga hubungan yang baik di antara pihak pengurusan tertinggi di sekolah dan guru-guru yang lain. Ini menyebabkan guru-guru akan terus menyokong aktiviti dan program kokurikulum di sekolah.

Selain itu sebagai pemimpin kokurikulum perlu menunjukkan sikap yang positif seperti bertanggungjawab dan menepati masa. Selain itu terdapat guru-guru yang menjadi pemimpin kokurikulum di sekolah ini rajin melaksanakan tugas mereka seperti membuat latihan yang melebihi daripada apa yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Bukan itu sahaja, malah guru-guru pemimpin kokurikulum di sekolah ini telah mengorbankan masa, tenaga dan juga wang ringgit bagi membantu pelaksanaan dan menyokong aktiviti dan program kokurikulum di sekolah. Ini selari dengan

saranan Jemaah Nazir Persekutuan (1993) yang menyatakan pengurus kokurikulum perlu membina pendekatan yang berteraskan kerjasama berpasukan dalam pengurusan kokurikulum.

#### d) Kreatif

Seseorang pemimpin kokurikulum di sekolah mestilah kreatif dalam melaksanakan pengurusan dan program kokurikulum di sekolah. Kajian mendapati SMK harian ada menekankan kreativiti dalam pengurusan kokurikulum. Pemimpin kokurikulum di sekolah perlu ada kreativiti dalam mencipta sesuatu program untuk kokurikulum. Sebagai contoh, mencipta program kokurikulum yang mana dalam program tersebut telah diselitkan pelbagai program kokurikulum. Jadi itu sudah membantu untuk mengurangkan masa dari segi melaksanakan program-program yang lain.

Selain itu, pemimpin juga perlu kreatif terutamanya pemimpin-pemimpin dalam kalangan guru kokurikulum untuk mencipta program-program yang membolehkan pelajar mendapat markah untuk peringkat antarabangsa. Jadi tugas pemimpin kokurikulum sekolah adalah dengan mendorong guru-guru untuk lebih kreatif dengan mencipta program kokurikulum supaya murid lebih berminat untuk menyertai program tersebut dan juga dapat dilaksanakan di peringkat antarabangsa. Dengan itu, KPP kokurikulum di sekolah juga kreatif dalam berkongsi idea-idea dan boleh berbincang untuk mencipta sesuatu aktiviti yang menarik dengan menggalakkan guru-guru penasihat kokurikulum membuat aktiviti sendiri mengikut kreativiti mereka. Ini bermakna KPP kokurikulum memberikan kebebasan kepada guru-guru untuk melaksanakan aktiviti dan program kokurikulum mereka sendiri bagi menggalakkan kreativiti diamalkan di sekolah. Dapatan ini selari dengan Marshall (1998), staf atau guru-guru sesuatu program kokurikulum mestilah bekerja keras untuk membangunkan budaya inkuiri yang kritis; mereka juga haruslah memastikan bahawa proses kualiti dan hasil adalah penting kepada visi, matlamat dan keutamaan semua kakitangan serta tempat program yang dijalankan.

#### e) Komunikasi Berkesan

Ciri yang seterusnya adalah komunikasi berkesan di antara pihak pengurusan kokurikulum dan guru-guru kokurikulum yang lain. Dapatan kajian kualitatif di SMK harian mendapati bahawa komunikasi yang baik telah menjadi faktor kejayaan dalam pencapaian kokurikulum di sekolah. Dengan adanya komunikasi yang baik ini, KPP kokurikulum dan jawatankuasanya dapat bertukar-tukar pandangan sehingga dapat persetujuan bersama berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu aktiviti dan program kokurikulum.

Komunikasi yang baik dapat memudahkan lagi orang yang mempunyai pengetahuan seperti pihak pengurusan kokurikulum untuk membimbing guru-guru dibawahnya seterusnya guru-guru dapat bekerja dalam keadaan yang menyeronokkan. Guru juga diberikan peluang untuk menyuarakan pandangan masing-masing seperti memilih kelab atau persatuan yang diminati oleh mereka. Sebagai contoh, komunikasi yang berkesan dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara KPP kokurikulum dan guru-guru dan dapat mempermudah perbincangan sekiranya guru-guru mempunyai masalah dan kekangan dalam melaksanakan aktiviti dan program kokurikulum di sekolah. Ini disokong dengan kajian Abd Halim (1994) yang menyatakan bahawa komunikasi adalah aspek penting dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru besar kerana tanggungjawab seorang guru besar melibatkan tugas memimpin dan mengurus pelajar, guru dan kakitangan. Kecekapan dan keberkesanan sesebuah sekolah itu bergantung secara langsung kepada kecekapan dan keberkesanan komunikasi. Bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian pendidikan kearah memertabatkan profesion keguruan, tanpa pengurusan dan sistem komunikasi yang berkesan dari seorang guru besar sebuah sekolah itu tidak mungkin dapat bergerak dan segala aktiviti tidak dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

#### Pengawalan dalam Kokurikulum

Proses pengawalan dalam kokurikulum melibatkan aktiviti pemantauan terhadap guru, pelajar dan juga segala aktiviti dan program kokurikulum. Selain itu juga pihak pengurusan kokurikulum sekolah perlu menjaga keselamatan dalam menguruskan aktiviti dan program kokurikulum sekolah mahupun di dalam ataupun di luar sekolah. Proses pengawalan ini juga termasuklah dari segi membuat penilaian terhadap pencapaian pelajar dan juga menjaga segala kemudahan dan stok inventori berkaitan kokurikulum.

#### a) Membuat Pemantauan

Dapatan kajian kualitatif mendapati KPP kokurikulum di SMK harian akan memantau latihan yang dijalankan oleh unit-unit kokurikulum di sekolah. Ini selari dengan KPM (2009) bahawa pemantauan boleh dilakukan oleh Penolong

Kanan Kokurikulum, Jawatankuasa Kokurikulum dan pihak pengurusan sekolah dari semasa ke semasa. Pemantauan dibuat terutamanya pada hari kokurikulum. Terdapat borang pemantauan khusus yang perlu diisi dengan kehadiran pelajar, aktiviti yang dijalankan, nama guru yang terlibat dan memastikan perjalanan aktiviti selari dengan unit kokurikulum yang dilaksanakan.

Pemantauan aktiviti dan program kokurikulum membolehkan penambahbaikan sesuatu aktiviti dan dapat memantau kehadiran guru-guru dan juga kehadiran pelajar di sekolah dalam kegiatan kokurikulum. Pemantauan tidak terhad kepada kehadiran guru, pelajar dan aktiviti yang dijalankan tetapi ia melibatkan pemantauan dari segi markah kokurikulum pelajar supaya tiada berlaku kesilapan semasa mengisinya. Pemantauan juga dibuat ke atas kekerapan hari aktiviti kokurikulum dijalankan sebagai contoh, badan beruniform sekurang-kurangnya 18 kali setahun manakala bagi kelab dan persatuan mesti ada 12 kali perjumpaan dalam setahun. Dapatan ini selari dengan Jemaah Nazir Persekutuan (1993), KPM (2009), SKPM (2010) yang menyatakan dalam pengawalan perlu ada pemantauan yang dibuat dalam kalangan pemimpin kokurikulum.

#### **b) Keselamatan**

Dari segi pengawalan keselamatan di SMK harian, dapatan kajian kualitatif mendapati surat kebenaran ibu bapa perlu disimpan di dalam fail sekolah. Demi menjaga keselamatan pelajar, pihak pengurusan menegaskan supaya guru perlu sentiasa berada bersama pelajar untuk memastikan keselamatan pelajar dan aktiviti itu juga mestilah tidak berisiko tinggi seperti menjalankan aktiviti kokurikulum yang melibatkan penggunaan barang yang merbahaya seperti api. Lokasi dan tempat semasa menjalankan aktiviti kokurikulum dipastikan selamat untuk digunakan.

Dalam masa yang sama juga, pihak pengurusan sekolah mengingatkan guru-guru penasihat dan jurulatih luar yang dilantik oleh pihak sekolah agar mengutamakan keselamatan semasa menjalankan aktiviti kokurikulum memandangkan aktiviti kokurikulum ini dijalankan di luar bilik darjah. Bagi pelajar-pelajar yang melakukan aktiviti kokurikulum di luar sekolah seperti aktiviti yang melibatkan berenang, guru-guru yang berpengalaman, terlatih dan mempunyai sijil tertentu mesti memantau mereka. Semasa menjalankan aktiviti kokurikulum peralatan asas seperti bantu mula (first aid) perlu disediakan sama ada aktiviti dijalankan di dalam mahupun di luar sekolah. Selain itu, surat pemberitahuan dihantar kepada pihak hospital, pihak polis dan bomba sekiranya sesuatu program dijalankan di sekolah supaya mereka boleh bersiap sedia sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini semasa program itu berlangsung. Sekiranya pelajar mendapat cedera ringan rawatan awal diberikan dan sekiranya kecederaan yang serius pelajar akan dibawa ke klinik ataupun hospital berhampiran dengan menghubungi ibu bapa pelajar yang terlibat. Dapatan ini selari dengan Jemaah Nazir Persekutuan (1993), Ramlan (2004), KPM (2009) dan SKPM (2010) yang menyatakan dalam kawalan keselamatan perlu dijaga semasa melaksanakan sesuatu aktiviti dan program kokurikulum.

#### **c) Penilaian**

Dapatan kajian kualitatif mendapati di SMK harian, terdapat dua aspek penilaian iaitu yang tersirat dan tersurat. Penilaian tersirat adalah kemenjadian murid manakala tersurat melihat kepada markah yang dicatatkan dalam buku kokurikulum pelajar. Ini dapat dilihat di sekolah setelah satu program sekolahku warisanku yang mana pelajar perlu membuat mural di dinding-dinding sekolah. Selepas itu tiada lagi contengan-contengan dilakukan pelajar pada dinding sekolah seperti sebelum ini. Penilaian tersurat pula adalah dari aspek kehadiran, penyertaan, pencapaian dan jawatan yang dipegang. Ini selari dengan Ramlan (2004) yang menyatakan aspek penilaian murid berdasarkan kepada empat aspek iaitu: kehadiran, pencapaian, penglibatan dan juga jawatan yang disandang. Dan setiap satu itu mempunyai markah yang telah diperuntukkan. Penilaian juga dibuat kepada guru-guru dengan melihat pencapaian pasukan yang mereka pimpin serta sentiasa mempunyai aktiviti untuk pasukannya.

Dapatan kajian kualitatif ini selari dengan Jemaah Nazir Persekutuan (1993), Ramlan (2004), KPM (2009) dan SKPM (2010) yang menyatakan dalam pengawalan perlu membuat penilaian kepada murid di sekolah dari segi pencapaian mereka dalam kokurikulum.

#### **d) Kemudahan dan Stok Inventori**

KPP kokurikulum di SMK harian menyatakan segala peralatan dan kemudahan dijaga dengan baik oleh seorang kakitangan yang telah dilantik oleh pihak pengurusan untuk 'tagging' segala peralatan kokurikulum. Semua peralatan ini perlu dikawal dan perlu merekodkan penggunaannya di dalam buku log yang telah disediakan supaya segala peralatan dan barang-barang yang digunakan dapat dipastikan kerosakan dan kehilangannya. Ini selari dengan

kehendak KPM (2009) yang telah menyatakan keperluan untuk membuat laporan kedudukan stok dan inventori kokurikulum di sekolah.

### **Hubungan Dengan Komuniti dan Masyarakat Setempat**

Dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum di sekolah, hubungan dengan komuniti dan masyarakat setempat perlu dipertimbangkan oleh pihak pengurusan kokurikulum sekolah. Ini seperti yang telah disarankan oleh Jemaah Nazir Persekutuan (1993) dan *C.S. Mott Committee on After School Research & Practise* (2005) yang mana sumbangan perkhidmatan yang boleh diterokai oleh pihak masyarakat. Ini adalah selari dengan Reno dan Riley (2000) menyatakan bahawa kebanyakan kegiatan kokurikulum di Amerika Syarikat telah mengalu-alukan sukarelawan untuk membantu menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah dengan melibatkan ibu bapa, murid kolej khidmat negara dan sebagainya. Dalam hubungan luar bagi konteks kajian ini adalah melibatkan ibu bapa, masyarakat dan Agensi Luar dan juga bekas murid.

Dapatan kajian di S1 dan S2 mendapati penglibatan ibu bapa seperti PIBG sangat penting dalam usaha untuk memberikan sokongan moral kepada murid mahupun pihak sekolah. Penglibatan ibu bapa yang sangat baik adalah diperlukan dan mereka ini dapat bersama-sama untuk membantu guru membimbing murid sebelum menyertai sesuatu pertandingan. Terdapat bapa kepada seorang murid menawarkan dirinya untuk menjadi jurulatih sekolah tanpa dikenakan bayaran. Sokongan ibu bapa juga penting untuk membenarkan anak mereka menyertai pertandingan yang dianjurkan di peringkat sekolah dan diperingkat yang tertinggi.

KPP kokurikulum di S1 dan S2 menyatakan bahawa sekolah perlu menjalinkan hubungan yang erat bersama masyarakat dan agensi luar bagi mendapatkan kepakaran mereka; sebagai contoh, Ibu Pejabat Polis daerah telah mengadakan kursus dan latihan menembak untuk murid. Mereka dibawa ke Bentong untuk menjalani latihan menembak di sana. Selain itu, terdapat juga agensi luar seperti pihak bomba dan PKBM yang datang dan melatih murid di sekolah. Terdapat juga pembantu am pejabat di S1 menyumbang tenaga untuk melatih murid dalam permainan bola sepak. Usaha ini adalah untuk membantu meningkatkan pencapaian pasukan sekolah dalam perlawanan persahabatan yang dianjurkan oleh komuniti setempat.

KPP kokurikulum di S1 dan S2 juga telah mendapatkan bantuan daripada bekas murid sekolah yang telah menyertai pertandingan di sekolah sebelum ini untuk melatih dan memberikan bimbingan serta latihan kepada murid dalam kawad kaki, tarian dan juga dalam permainan bola.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Dapatan-dapatan kajian ini dapat memberikan impak yang positif dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum di sekolah.

Dari segi implikasi teoretis, terdapat penambahan terhadap fungsi-fungsi setiap elemen pengurusan kokurikulum sedia ada berdasarkan teori yang digunakan dalam kajian ini. Ciri-ciri kepimpinan telah dinyatakan dalam konteks pengurusan kokurikulum secara terperinci.

Pada perspektif implikasi dasar, pihak kementerian boleh memantapkan lagi garis panduan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah-sekolah menengah harian. Kementerian boleh membuat penambahbaikan terhadap buku panduan pengurusan kokurikulum berdasarkan hasil yang telah diperoleh daripada kajian yang dibuat ini.

Dari aspek implikasi amalan pula, pihak sekolah hendaklah memberikan pendedahan kepada kursus-kursus dan latihan untuk guru-guru memantapkan lagi ilmu pengetahuan serta pengalaman mereka dalam bidang kokurikulum yang boleh memberikan impak yang besar kepada sahsiah murid di sekolah.

Dapatan kajian ini memberikan gambaran secara menyeluruh berkaitan proses pengurusan kokurikulum di sekolah menengah. Pihak yang terlibat dalam pengurusan kokurikulum sekolah dapat mengambil langkah yang sewajarnya dalam menguruskan kokurikulum di sekolah-sekolah mereka.

Dapat memberikan gambaran dan pendedahan kepada guru-guru biasa yang kurang terlibat dengan pengurusan kurikulum di sekolah terhadap proses yang dilaksanakan dalam pengurusan kurikulum di sekolah menengah. Dari sudut kepimpinan kurikulum, pihak pengurusan perlu lebih bersikap terbuka dan cuba melihat semula ciri-ciri pemimpin kurikulum yang telah dihasilkan melalui dapatan kajian ini.

Hubungan luar, penglibatan masyarakat juga hendaklah dilibatkan oleh pihak pengurusan kurikulum di sekolah supaya dapat membantu pelaksanaan dan kecemerlangan kurikulum di sekolah.

## KESIMPULAN

Kajian mengenai proses pengurusan kurikulum ini bermakna kepada pengurus-pengurus kurikulum di sekolah menengah untuk menjadi rujukan dan boleh diamalkan di sekolah masing-masing. Namun begitu ia masih boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian di sekolah masing-masing. Guru-guru yang kurang terlibat juga dapat didedahkan dengan proses yang terlibat di dalam pengurusan kurikulum di sekolah menengah melalui hasil kajian ini.

Selain itu, kajian ini boleh diperluaskan agar lebih memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu secara lebih khusus dan menyeluruh. Dicalonkan agar pengkaji yang akan datang menjalankan kajian ke atas pentadbir-pentadbir kurikulum sekolah rendah dengan melihat proses yang diamalkan di sekolah mereka; pengkaji akan datang dapat menggunakan sampel yang lebih besar untuk mengkaji proses yang diamalkan di sekolah-sekolah menengah dan juga mengkaji pelaksanaan pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah swasta.

## RUJUKAN

- Ab. Alim Abd.Rahim, (1994). *Pengurusan kurikulum*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti.
- Ab. Alim Abdul Rahim (1999). *Pengurusan kurikulum dan badan beruniform*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- Ab. Alim Abd.Rahim.(2004). *Pengurusan gerak kerja kurikulum*. Kuala Lumpur :Penerbit Oxford.
- Abdul Halim Hassan (1994). *Komunikasi dalam pengurusan pendidikan*. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa.
- Ab. Rahim, Kamarolzman, Hazrimah & Hazrita (2012). *Sekolah berprestasi tinggi: Satu transformasi*. Batu Pahat, Malaysia: Penerbit UTHM.
- Abu Bakar Nordin, (1991). *Kurikulum: Perspektif dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Pustaka Antara.
- Akta Pendidikan 1996.
- Anderson, G. (1998). *Fundamental of Education Research*. Pennsylvania: Routledge Falmer.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM (2008). *Kajian pengurusan gerak kerja badan beruniform di sekolah di Malaysia*.
- Bahagian Sukan, Seni dan Kurikulum (BSSK), KPM (2009). *Buku panduan pengurusan kurikulum*. Kuala Lumpur, Malaysia: A.G Grafik.
- Beckett, M., Hawken, A., & Jackowitz, A. (2001). *Accountability for after school care: devising standards and measuring adherence to them*. Rand Corporation.
- Bompa, T.O. (1999). *Periodization: theory and methodology of training* (4th ed.). York University.

- Brown-Liburd, H. L., & Porco, B. M. (2011). It's what's outside that counts: Do extracurricular experiences affect the cognitive moral development of undergraduate accounting students? *Issues in Accounting Education*, 26(2), 439-454.
- Bryman, A. (2001). *Social research method*. New York: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson.
- Elias, M.J., Graczyk, P.A., Weissberg, R.P., & Zins, J.E. (2003). Implementation, sustainability, and scaling up of social-economic and academic innovation in public schools. *School Psychology Review*, (32) 303-319.
- German, Raechel. (1995). *Co-curricular involvement characteristics of bowling green state university honors students*. ERIC Document Reproduction Service. No. ED386138.
- Hamidah Yusof, & Rahman Ahmad. (2012). Analisis kepentingan-kejayaan pengurusan kokurikulum. *Management Research Journal*, (2) 75-85.
- Hammond, C., & Reimer, M.S. (2006). *Essential elements of quality after-school programs*. Clemson, SC: National Dropout Prevention Center/Network. Retrieved from [http://www.portlandchildrenslevy.com/rfi\\_archives/National-Drop-Out-Prevention-Study.Best-Practices-for-Quality-After-School-Programs.pdf](http://www.portlandchildrenslevy.com/rfi_archives/National-Drop-Out-Prevention-Study.Best-Practices-for-Quality-After-School-Programs.pdf)
- Jamalullail Abdul Wahab, & Azhar A. Kadir (2008). Kajian faktor-faktor keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum daripada persepsi guru penolong kanan kokurikulum sekolah-sekolah menengah Daerah Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 18(1), 21-36.
- James Ang Jit Eng. (2013). *Pengurusan aktiviti luar sekolah: Panduan pengurusan aktiviti di luar sekolah*. Bentong, Malaysia: PTS.
- James, J., & Charles, E. (2005). Enhancing the quality of after-school programs through effective program management. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, 76(8), 5-15.
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. (1993). *Buku panduan pengurusan profesional sekolah menengah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jemaah Nazir Sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). *Standard kualiti pendidikan malaysia-sekolah, instrumen pemastin standard*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1997). *Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan)*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006-2010). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1991). *Laporan Bahagian Sekolah*.
- Kenneth, G.T; Edward, F. V.; Authur, A. E; Betty Foster McCue (1996). *The Administration of Physical Education, Sport, and Leisure Programs (6<sup>th</sup>) Edition*. Massachusetts: A Simon & Schuster Company.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet. (1979). *Mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Little, Priscilla M.D., Wimer, C., & Weiss, Heather B. (2007). After school programs in the 21st century: Their potential and what it takes to achieve it. An issues and opportunities in out-of school time evaluation research brief From Harvard Family Research Project. Harvard Graduate School of Education.

- Luther Gulick (1954). *The Theory of Organization*. Papers of Science Of Administration. Polygraphic Company of America: New York.
- Mahoney, R.W.; Larson, R.w., Eccles, J.S. & Lord, H. (2005). *Organized activities as contexts of development: Extracurricular activities, after-school and community programs*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Marshall, S. J. (1998). Professional development and quality in higher education institutions of the 21st century. *Australian Journal of Education*, 42, 321.
- McHale, S.M., Crouter, A. C., & Tucker, J. (2001). Free-time activities in middle childhood: Links with adjustment in early adolescence. *Child Development*, 72, 1764-1778.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Bass- Jossey.
- Omardin Ashaari.(2002). *Pengurusan kokurikulum*.Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan.
- Ramlan Abd Wahab. (2004).*Panduan pengurusan kokurikulum di sekolah*.Kuala Lumpur: Banter.
- Razali Mat Zin. (1999). Organizational climate and communication climate as predictors of commitment to the organization: A case study. *Malaysia Management Review*, 31(4), 24-35.
- Siti Hajar.(2000). *Satu kajian mengenai hubungan pengurusan dengan pencapaian bidang kokurikulum*.(Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia).
- Stoner, J.A., Freeman, R.E., & Gilbert, D.R. (1995).*Pengurusan* (Edisi ke-6). Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Stoner, J.A., & Wankel, C. (1989).*Pengurusan* (Edisi ke-3).Petaling Jaya, Malaysia: Amiza.
- Tam, Y. K. (2010).*Pengurusan kokurikulum*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kumpulan Budiman.
- Tuan Ismail Tuan Soh. (1999). Kokurikulum daripada perspektif falsafah pendidikan Negara. *Prosiding isu-isu pendidikan negara: Isu dasar, falsafah dan matlamat*.Jilid 1. Fakulti Pendidikan UKM.
- Wee Eng Hoe.(1997). *Organisasi dan pentadbiran sukan dan pendidikan jasmani*.Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbitan Fajar Bakti.
- Wong Huey Ling. (2007).*Tahap penglibatan pelajar di Sekolah Menengah dalam aktiviti kokurikulum dan hubungannya dengan pembentukan daya kepimpinan*.(Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia).
- Yin, R.K. (1994).*Case study research: Design and methods*. Beverly Hills, CA: Sage.

**ANALISIS KANDUNGAN TERHADAP AKTIVITI SENI BAGI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK  
DALAM JURNAL TERPILIH DARI TAHUN 2010-2016****Idayu Binti Abdul Said, Mohd Nazri Abdul Rahman (Ph.D)****& Mariani Md Nor (Ph.D)**

Jabatan Psikologi Pendidikan Dan Kaunseling

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya

**Abstract:** *This article provides an analysis of the content of the journal article in arts activities in early childhood education as published in Science Direct Journals from 2010 to 2016. Content analysis was conducted for a more detailed view on the topic of research, research methodology, sample size and location of the study, and the findings. The findings of content analysis of journal articles found that the activity of art in early childhood education had a major impact on child development in cognitive, language, socioemotional and physical. The findings also show that artistic activity in early childhood education enhanced the creativity and imagination of children. In addition, the results from content analysis of artistic activity in early childhood education also give educators and researchers clues on how to apply the arts in teaching.*

**Keywords:** *Art and Craft, Content Analysis, Early Childhood Education*

**PENGENALAN**

Seni merupakan proses pemikiran yang melibatkan kognitif, sosioemosi, sosial dan fizikal. Dalam pendidikan awal kanak-kanak, seni merupakan salah satu aktiviti yang mempengaruhi perkembangan positif kanak-kanak. Ini kerana proses pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni melibatkan dua asas penting, iaitu mengajar tentang pendidikan seni, dan mengajar tentang cara kanak-kanak meluahkan perasaan atau menerangkan sesuatu perkara melalui aktiviti seni (Cakir Ilhan, 2003; Walkerdine, 2007), Pengembangan idea seni pada kanak-kanak melalui gabungan aktiviti seni dan main sebagai satu bentuk pedagogi dalam bilik darjah mampu memperkembangkan daya kognitif kanak-kanak mahupun orang dewasa. Ini kerana seni adalah fenomena dalam persekitaran sosial dan budaya yang melangkaui batasan, atau had sempadan. Tambahan aktiviti seni dapat membantu ke arah perpaduan dan penyatuan dan membawa kepada keprihatinan isu-isu sosial, secara langsung atau tidak langsung. Seni boleh menerangkan tentang agama, politik, ekonomi dan teknologi dalam sesuatu bentuk kebudayaan. Maka, pengenalan seni dalam kehidupan seseorang individu akan membantu untuk melengkapkan kehidupannya dan menyumbang kepada kebebasan dan semangat dalam kehidupan (Erden, 2004).

**Pernyataan Masalah**

Dalam pendidikan awal kanak-kanak, pengintegrasian aktiviti seni dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuklah mengajar mengenai seni, mengajar dengan seni, dan pembelajaran melalui seni (Fox & Schirmacher, 2009) dapat membantu perkembangan kognitif, bahasa dan sosioemosi kanak-kanak. Selain itu, ia juga membantu kanak-kanak menjadi kreatif, dan membolehkan mereka meneroka sebanyak mungkin perkara tanpa had atau batasan bermula seawal usia lagi (Hardy, 2011). Justeru, penggunaan aktiviti seni dapat membangunkan kreativiti kanak-kanak (Brown, Benedett, & Armistead, 2010). Oleh itu, sebelum memulakan apa-apa jenis tugas seni, kanak-kanak sebaiknya diberikan peluang untuk meluahkan perasaan, idea dan pengalaman sedia ada mereka. Kekurangan pengalaman akan membuatkan kanak-kanak hanya akan melukis objek sama yang biasa dilihatnya seperti kartun yang sudah dikomersialkan. Guru perlu membantu menyediakan pembelajaran dalam persekitaran yang semula jadi pada kanak-kanak. Setiap institusi pendidikan harus mempunyai matlamat untuk memberi kanak-kanak peluang untuk berkembang, dan untuk menyediakan mereka ciri-ciri yang boleh memberi kesan kepada persekitaran mereka (Kocer, 2012). Oleh itu, program pendidikan yang tidak menerapkan elemen berkaitan seni (Bae, 2009) tidak boleh mencapai matlamat ini. Pada masa kini, seni tidak dianggap sebagai sebahagian daripada asas Pendidikan Awal Kanak-kanak,

maka ia perlu diberi keutamaan (Isenberg & Jalongo, 2001). Oleh itu, artikel ini adalah untuk memberi gambaran kepada pengkaji mahupun pendidik dalam mengaplikasikan seni dalam pengajaran bagi pendidikan awal kanak-kanak.

### Tinjauan Literatur

Pendidikan seni merangkumi beberapa bidang pengajian iaitu muzik, tarian, seni teater, seni kinestetik (pergerakan kreatif) dan seni visual. Seni muzik bukan sahaja meliputi nyanyian atau bermain alat muzik, tetapi merangkumi lebih daripada itu. Seni muzik melibatkan mendengar muzik, kandungan muzik, mengurus muzik, membaca nota muzik, dan aktiviti atau kajian sejarah awal muzik (Honig, 2005; Jensen, 2001). Kategori kedua melibatkan seni visual. Seni visual menggambarkan ciptaan lukisan, lukisan, ilustrasi, pembuatan tembikar atau arca, fotografi, membuat filem dan set-reka bentuk (Jensen, 2001).

Seni kinestetik merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang menggunakan pergerakan badan. Istilah kinestetik berpunca daripada Gardner (1983, 1999) dalam kajiannya terhadap kecerdasan pelbagai. Subkategori seni kinestetik termasuk aktiviti dramatik, perindustrian dan rekreasi seni seperti tarian, drama, 'mime', logam atau kayu, permainan bilik darjah, sukan atau pendidikan jasmani (Jensen, 2001). Penggabungan aktiviti seni ini dalam pendidikan awal kanak-kanak dilihat sebagai elemen penting untuk memberi peluang kepada kanak-kanak meningkatkan kemahiran kognitif, sosioemosi dan sosial (Brown et al., 2010).

Kanak-kanak yang mengikuti pendidikan awal kanak-kanak memerlukan seni dalam kurikulum harian mereka. Pendidikan seni ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan dalam perkembangan kognitif kanak-kanak, tetapi juga memberi kesan kepada bidang sosioemosi seperti kesedaran masyarakat dan empati (Bresler & Latta, 2009). Walau bagaimanapun, seni memerlukan sumber yang sesuai dan guru yang mempunyai sikap yang efektif. Hal ini kerana, sebahagian besar pandangan kanak-kanak dipengaruhi oleh persepsi guru atau orang dewasa terhadap seni itu sendiri (Eckhoff, 2008).

Pendidikan seni memberi kesan kepada semua bidang perkembangan. Kanak-kanak belajar bagaimana untuk meluahkan idea-idea mereka dan menukarkan konsep yang mereka pelajari ke dalam bentuk seni mengikut tahap perkembangan mereka. Dengan menyertai pelbagai aktiviti seni, mudah bagi kanak-kanak untuk mengekspresikan diri, membina kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah, mengembangkan kemahiran sosial mereka, rasa hormat pada diri mereka sendiri dan meningkatkan sifat sendiri mereka (Schirrmacher, 2002). Dengan aktiviti seni, kanak-kanak belajar untuk menyelesaikan kerja-kerja yang telah mereka mulakan, mereka dapat merasai kerjasama dalam kumpulan, dan menghormati idea-idea dan kerja orang lain (Öztürk, 2001). Selain itu, kanak-kanak menggunakan seni untuk memindahkan fikiran dan perasaan mereka lebih awal dan dengan lebih berkesan daripada bahasa pertuturan (Bae, 2009).

Seni amat penting dalam mempengaruhi keseluruhan pembelajaran sepanjang hayat seseorang kanak-kanak (Nikoltsos, 2000). Seni juga adalah amat penting untuk membantu dalam meningkatkan pembelajaran dalam beberapa bidang kurikulum dan memberi kesan kepada aspek-aspek lain dalam kehidupan setiap kanak-kanak (Gregoire & Lupinetti, 2005). Di samping itu, seni dapat membantu ke arah peningkatan pencapaian akademik pelajar, menyumbang kepada pembangunan peribadi, perwatakan, dan kemahiran bahasa (Nikoltsos, 2000).

### Objektif Kajian

Artikel ini adalah untuk memberi tumpuan dan mengkaji trend kajian yang berkaitan pendidikan seni dalam pendidikan awal kanak-kanak bermula dari tahun 2010 hingga 2016. Artikel yang dipilih adalah daripada *Science Direct Journals* yang dapat diakses melalui *Data Base* Perpustakaan Universiti Malaya secara dalam talian. Artikel ini hanya menganalisis tiga jurnal terpilih yang menjadi rujukan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak iaitu *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *The Arts in Psychotherapy* dan *Early Childhood Research Quarterly*.

Berdasarkan kajian analisis kandungan, berikut merupakan objektif kajian ini secara khusus:

1. Apakah topik pilihan utama bidang seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak?
2. Apakah trend bidang seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam jurnal terpilih?

## Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap jurnal-jurnal yang telah diterbitkan dalam *Science Direct Journals* bermula dari tahun 2010 hingga 2016. Artikel ini hanya menganalisis tiga jurnal terpilih yang menjadi rujukan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak iaitu *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *The Arts in Psychotherapy* dan *Early Childhood Research Quarterly*. Daripada jurnal yang dipilih ini, hanya terdapat sebanyak tujuh artikel telah diterbitkan yang memberi fokus kepada bidang seni dalam pendidikan awal kanak-kanak dari tahun 2010 sehingga 2016. Berdasarkan tujuh artikel yang dipilih tersebut, pengkaji telah menyenaraikan analisis berkenaan topik kajian, saiz sampel dan lokasi kajian, metodologi kajian, dan dapatan kajian berkenaan seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. Kajian dilakukan secara kualitatif, dan data analisis secara analisis kandungan seterusnya diuraikan dalam bentuk jadual dan naratif.

## Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Analisis kandungan terhadap tujuh artikel yang telah dipilih daripada empat jurnal terpilih yang menjadi rujukan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak iaitu *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *The Arts in Psychotherapy* dan *Early Childhood Research Quarterly*, bagi menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah topik pilihan utama bidang seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak?
2. Apakah trend bidang seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam jurnal terpilih?

Berikut merupakan dapatan analisis kandungan artikel tersebut berdasarkan persoalan kajian:

### *Topik pilihan utama bidang seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak*

Analisis kandungan terhadap tujuh artikel yang telah dipilih daripada empat jurnal terpilih yang menjadi rujukan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak iaitu *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *The Arts in Psychotherapy* dan *Early Childhood Research Quarterly* ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

*Topik Pendidikan Seni Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak 2010-2016*

Jurnal	Topik	Bilangan Artikel Berkaitan Pendidikan Awal Kanak-Kanak 2010-2016	Bilangan Artikel Seni Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak 2010-2016
<i>Procedia-Social and Behavioral Sciences</i>	1. <i>The evaluation of the art activities applied in preschool education programmes in terms of self-expression opportunity given to child</i> (Kocer, 2012)	241	4
	2. <i>The views of teachers and managers about art, music and drama activities carried out by in-field-teachers in early childhood education institutions</i> (Altinkaynaka, Aydos, & Arman, 2012)		
	3. <i>A study into the effects of art education on children at the socialisation process</i> (Arslan, 2013).		
	4. <i>Opinion of the Slovenian preschool teachers about arts and cultural education in kindergarten</i> (Kafol, Denac, & Znidarsic, 2015)		
<i>The Arts in Psychotherapy</i>	5. <i>Gender typicality in children's art development: A cross-cultural study</i> (Alter-Muri & Vazzano, 2014)	64	1
<i>Early Childhood Research Quarterly</i>	6. <i>Arts enrichment and school readiness for children at risk</i> (Brown, Benedett & Armistead, 2010)	445	2
	7. <i>Arts enrichment and preschool emotions for</i>		

---

*low-income children at risk* (Brown & Sax, 2013)

---

**Jumlah**

**750**

**7**

---

Dapatan menunjukkan hanya 0.93% (7 artikel) daripada keseluruhan artikel jurnal (750 artikel Jurnal) yang diterbitkan berkaitan dengan bidang seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. Jurnal *Procedia-Social and Behavioral Sciences* telah menerbitkan sebanyak 4 artikel iaitu 1.6% berkaitan seni untuk pendidikan awal kanak-kanak daripada keseluruhan artikel (241 artikel) yang diterbitkan dalam jurnal tersebut bagi tempoh tahun 2010 sehingga 2016 berkaitan Pendidikan Awal Kanak-kanak. Manakala Jurnal *The Arts in Psychotherapy* pula bagi tempoh tahun 2010 sehingga 2016, sebanyak 64 berkaitan Pendidikan Awal Kanak-kanak, cuma 1 artikel sahaja berkaitan seni dalam Pendidikan Awal kanak-kanak yang mewakili 1.56%. Berbanding dengan Jurnal *Early Childhood Research Quarterly* pula, sebanyak 445 artikel telah diterbitkan dengan memberi fokus kepada Pendidikan Awal Kanak-kanak. Namun hanya 2 artikel berkaitan kajian terhadap seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak yang mewakili 0.45% daripada keseluruhan artikel yang diterbitkan.

Secara keseluruhan, pilihan topik seni dalam pendidikan awal kanak-kanak yang diterbitkan dalam ketiga-tiga jurnal terpilih bagi pangkalan data *Science Direct Journal* hanya 0.93% bagi tempoh 2010 sehingga 2016. Maka, didapati kajian-kajian berkaitan seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak kurang daripada 1% yang diterbitkan dalam ketiga-tiga jurnal yang terpilih. Manakala topik-topik pilihan yang diterbitkan pula lebih memberi tumpuan kepada aspek perkembangan kognitif dan sosioemosi kanak-kanak bermasalah pembelajaran atau kanak-kanak berisiko melalui aktiviti seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak.

#### ***Analisis Trend bidang seni Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam Jurnal Terpilih***

Analisis terhadap trend dan isi kandungan artikel terhadap tujuh artikel yang telah dipilih daripada tiga jurnal terpilih yang menjadi rujukan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak iaitu *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *The Arts in Psychotherapy* dan *Early Childhood Research Quarterly*. Analisis terhadap isi kandungan artikel jurnal ditunjukkan dalam Jadual 2:

Jadual 2

#### ***Analisis Kandungan Artikel Jurnal***

<b>Topik Kajian</b>	<b>Sumber</b>	<b>Metodologi Kajian</b>	<b>Saiz Sampel dan Lokasi Kajian</b>
<i>"The evaluation of art activities applied in preschool education programmes in terms of self-expression opportunity given to child"</i>	Science Direct (Procedia-Social and Behavioral Sciences): (Kocer, 2012)	Kajian Kualitatif: Temu bual Semi-struktur; temu bual secara langsung, dan tembual direkodkan dan dianalisis menggunakan kaedah analisis diskriptif. Kajian Memberi fokus kepada Seni dalam Perkembangan Motor halus kanak-kanak	10 orang guru wanita yang mempunyai pengalaman 5 hingga 27 tahun dalam pendidikan awal kanak-kanak. (Lokasi: Turki)
<i>"The views of teachers and managers about art, music and drama activities carried out by in-field-teachers in early childhood education institutions"</i>	Science Direct (Procedia-Social and Behavioral Sciences): (Altinkaynaka, Aydos, & Arman, 2012)	Kajian Kualitatif: Temu bual separa-struktur. Kajian ini berkaitan pandangan guru terhadap seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak	10 orang pengurus tadika, 10 orang guru tadika, 10 orang guru pakar (Seni, Muzik, dan Drama) Pengalaman profesional antara 0 hingga 10 tahun. (Lokasi: Turki)
<i>"A study into the effects of art education on children at the socialization process"</i>	Science Direct (Procedia-Social and Behavioral Sciences): 5th World Conference on Education Sciences – WCES 2013 (Arslan, 2013).	Kajian Pembacaan. Kajian ini berkaitan kesan Pendidikan Seni terhadap Proses Sosial Kanak-kanak	Tidak mempunyai sampel kerana kajian dibuat berdasarkan kaedah kajian melalui pembacaan (Lokasi: Turki)

Topik Kajian	Sumber	Metodologi Kajian	Saiz Sampel dan Lokasi Kajian
'Opinion of the Slovenian preschool teachers about arts and cultural education in kindergarten'	Science Direct (Procedia-Social and Behavioral Sciences):7th World Conference on Educational Sciences - WCES-2015, (Kafol, Denac, & Znidarsic, 2015)	Kajian Kuantitatif: Soal selidik diedarkan kepada 245 orang guru prasekolah di Slovenia. Analisis data dijalankan secara statistik Deskriptif dan Inferensi	245 guru prasekolah dari seluruh Slovenia
"Gender typicality in children's art development: A cross-cultural study"	The Arts in Psychotherapy (Alter-Muri, & Vazzano, 2014)	Kajian Kuantitatif: 700 lukisan kanak-kanak diambil mengikut Negara, dan data dianalisis menggunakan <i>2-way chi square tests</i> . Kajian ini berkaitan perkembangan seni kanak-kanak mengikut jantina	700 orang kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun ( 314 kanak-kanak lelaki, 386 perempuan) (Lokasi: Daripada 13 buah Negara daripada Afrika, Asia, Eropah, Amerika Utara, dan Amerika Tengah.)
"Arts enrichment and school readiness for children at risk",	Early Childhood Research Quarterly, 25, 1112-124. (Brown, Benedett, & Armistead, 2010)	Kaedah Kualitatif: Temubual bersama ibu bapa, guru dan menggunakan senarai semak penilaian terhadap kanak-kanak. (Senarai semak Kaleidoscope's Curriculum). Kajian inimengenal pasti kesediaan sekolah, dan aktiviti pengayaan seni terhadap kanak-kanak berisiko	Kajian Pertama dijalankan: 194 orang kanak-kanak dan guru mereka. Kajian kedua dijalankan: 164 orang kanak-kanak. (Lokasi: Amerika Syarikat)
"Arts enrichment and preschool emotions for low-income children at risk"	Early Childhood Research Quarterly, 28, 337-346. (Brown & Sax, 2013)	Temubual dengan pengasuh, penilaian menggunakan senarai semak kepada kanak-kanak, dan soal selidik kepada guru kanak-kanak. Kajian ini mengenal pasti tahap kesediaan kanak-kanak Prasekolah, dan aktiviti pengayaan emosi pada kanak-kanak dari kalangan keluarga berpendapatan rendah.	205 orang kanak-kanak yang telah mengikuti Kurikulum Kaleidoscope's selama 2 tahun. (Lokasi: Amerika Syarikat)

Berdasarkan Jadual 2, berikut adalah ringkasan dapatan analisis kandungan artikel jurnal yang terpilih:

Kajian oleh Kocer(2012) yang bertajuk "*The evaluation of art activities applied in preschool education programmes in terms of self-expression opportunity given to child*" mendapati bahawa pendidik dalam kumpulan kajian iaitu yang terdiri daripada 10 orang guru perempuan yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak lebih menumpukan kepada perkembangan motor halus kanak-kanak, dan tidak memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk melahirkan kreativiti mereka secara terbuka.

Artikel kedua iaitu "*The views of teachers and managers about art, music and drama activities carried out by in-field-teachers in early childhood education institutions*", yang ditulis oleh Altinkaynaka, Aydos, dan Arman (2012), mendapati pendidik biasa dan pendidik dalam bidang awal kanak-kanak mempunyai pendekatan yang berbeza iaitu masing-masing mempunyai pendekatan positif dan negatif dalam mengajar pendidikan seni yang merangkumi muzik, seni dan drama kepada kanak-kanak.

Artikel ketiga pula, yang ditulis dan dibentangkan oleh Arslan (2013) dalam 5th World Conference on Education Sciences – WCES 2013 bertajuk "*A study into the effects of art education on children at the socialisation process*" mendapati bahawa persekitaran sangat mempengaruhi seni yang ada dalam diri kanak-kanak; persekitaran termasuklah masyarakat sekeliling, pendidik dan keluarga kanak-kanak sendiri. Semakin luas pengalaman seseorang

kanak-kanak, atau semakin mendalam pengetahuan seseorang kanak-kanak terhadap sesuatu bidang, semakin banyak idea yang boleh dihasilkannya. Oleh itu, pendidik amat berperanan besar untuk mencungkil bakat seni yang terdapat dalam diri kanak-kanak, dan meluaskan lagi pendedahan mereka terhadap perkara yang mereka minati agar kanak-kanak boleh berkembang mengikut bakat masing-masing tanpa paksaan atau sekatan.

Artikel keempat pula membincangkan topik '*Opinion of the Slovenian preschool teachers about arts and cultural education in kindergarten*' oleh Kafol, Denac, dan Znidarsic (2015). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prasekolah menganggap nilai kerohanian, budaya, dan estetika dalam kurikulum seni sebagai tidak penting semasa pelaksanaan aktiviti seni dan budaya. Sebaliknya, guru prasekolah berpendapat seni persembahan dan muzik perlu diberi perhatian tanpa memikirkan penerapan nilai budaya dan tradisi warisan bangsa bagi membangunkan kesedaran identiti budaya dan warisan bangsa.

Artikel kelima yang ditulis oleh Alter-Muri dan Vazzano (2014) bertajuk "*Gender typicality in children's art development: A cross-cultural study*" menyimpulkan daripada kajian yang dijalankan menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara lukisan kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan yang merentasi budaya. Kanak-kanak lelaki amat cenderung untuk melibatkan objek dan aksi yang menunjukkan kelelakian seperti senjata, kenderaan dan sukan. Artikel keenam seterusnya oleh Brown, Benedett, dan Armistead (2010), yang bertajuk "*Arts enrichment and school readiness for children at risk*", membuat konklusi daripada dua kajian yang dijalankan dan dirangkumkan dalam satu artikel menunjukkan bahawa pengayaan seni membantu kanak-kanak yang berisiko untuk lebih maju dalam pembelajaran.

Artikel kelima yang bertajuk "*Arts enrichment and preschool emotions for low-income children at risk*" juga telah ditulis oleh Brown dan Kacey (2012), yang mendapati bahawa implikasi daripada pengayaan seni akan membantu kanak-kanak yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah kepada kesediaan sosioemosi kanak-kanak untuk belajar.

Berdasarkan Jadual 2, analisis terhadap trend bagi artikel yang telah diterbitkan dalam *Science Direct Journals* bermula dari tahun 2010 hingga 2016 berkaitan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam 3 jurnal pilihan iaitu *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *The Arts in Psychotherapy* dan *Early Childhood Research Quarterly* telah dijalankan. Bagi tempoh 2010 sehingga 2016, ke tiga-tiga jurnal ini telah menerbitkan sebanyak 750 artikel berkaitan Pendidikan Awal Kanak-kanak. Daripada jumlah tersebut hanya 7 artikel memberi fokus secara langsung kepada aktiviti seni dalam pendidikan awal kanak-kanak. Ini hanya mewakili 0.93% daripada keseluruhan artikel jurnal yang diterbitkan. Analisis trend bagi tempoh 2010 sehingga 2016 ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

*Analisis Trend Artikel Pendidikan Awal Kanak-kanak bagi Jurnal Terpilih Bagi Tempoh 2010 – 2016*

Tahun	Artikel Berkaitan Pendidikan Awal Kanak-kanak			Artikel Berkaitan Seni Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak		
	<i>Procedia-Social and Behavioral Sciences</i>	<i>Early Childhood Research Quarterly</i>	<i>The Arts in Psychotherapy</i>	<i>Procedia-Social and Behavioral Sciences</i>	<i>Early Childhood Research Quarterly</i>	<i>The Arts in Psychotherapy</i>
2016	36	88	7	0	0	0
2015	45	71	9	1	0	0
2014	60	63	15	0	0	1
2013	20	80	10	1	0	0
2012	40	60	9	2	1	0
2011	15	43	3	0	0	0
2010	25	40	9	0	1	0
<b>Jumlah</b>	<b>241</b>	<b>445</b>	<b>64</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>1</b>

Secara keseluruhan, analisis trend mendapati fokus aktiviti seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak kurang mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik berdasarkan artikel yang diterbitkan bagi ke tiga-tiga jurnal. Analisis juga mendapati artikel seni yang diterbitkan berkaitan Pendidikan Awal Kanak-kanak lebih memberi fokus kepada

kanak-kanak bermasalah pembelajaran dan berisiko. Di samping itu, kajian oleh Kafol et al. (2015) yang dijalankan terhadap persepsi guru prasekolah pula mendapati bahawa aktiviti seni dalam pendidikan awal kanak-kanak merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang hanya terbatas kepada hasil pembelajaran dalam kurikulum. Ianya tidak secara menyeluruh untuk pembangunan kesedaran pengekal budaya dan tradisi masyarakat.

### Kesimpulan dan Cadangan

Analisis terhadap beberapa artikel berkaitan aktiviti seni dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak yang telah diterbitkan dalam *Science Direct Journals* bermula dari tahun 2010 hingga 2016 bagi *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *The Arts in Psychotherapy* dan *Early Childhood Research Quarterly* secara keseluruhannya mendapati bahawa aktiviti seni adalah perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan Pendidikan Awal Kanak-kanak. Menerusi aktiviti seni, perkembangan dalam diri seseorang kanak-kanak dapat dipertingkatkan khususnya perkembangan fizikal dan psikomotor halus kanak-kanak, kreativiti, emosi, sosial, kognitif, dan juga perkembangan bahasa mereka. Kajian Brown et al. (2010) menunjukkan bahawa melalui aktiviti seni, kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran kognitif, sosioemosi dan sosial mereka. Selain itu, melalui seni juga, kanak-kanak belajar untuk meluahkan emosi dan perasaan mereka yang seterusnya secara tidak langsung menjadi terapi pada diri mereka. Artikel oleh Brown et al. (2010) menunjukkan kanak-kanak berisiko dapat memajukan diri melalui aktiviti seni yang bertindak sebagai terapi untuk meluahkan emosi mereka dalam keadaan tertekan.

Berdasarkan analisis kandungan ini juga, dapat disimpulkan bahawa peranan pendidik, pengurus dan pelaksana program Pendidikan Awal kanak-kanak perlu diberi keutamaan dalam membantu perkembangan kanak-kanak secara holistik. Kajian oleh Altinkaynaka, Aydos, dan Arman (2012) mendapati bahawa pendidik haruslah memberikan peluang dan kebebasan kepada kanak-kanak untuk meneroka tentang seni, di samping bertindak sebagai pencungkil bakat kanak-kanak.

Keseluruhannya, analisis kandungan ini menunjukkan masih terdapat banyak topik-topik kajian berkaitan dengan seni dalam pendidikan awal kanak-kanak yang boleh dikaji pada masa depan. Walau bagaimanapun analisis trend terhadap aktiviti seni dalam pendidikan awal kanak-kanak mendapati bahawa fokus kajian perlu lebih menjurus kepada kanak-kanak berisiko dan bermasalah pembelajaran berbanding dengan kanak-kanak normal. Ini kerana kajian-kajian terdahulu telah membuktikan bahawa aktiviti seni sangat mempengaruhi perkembangan kognitif, bahasa, sosioemosi dan fizikal kanak-kanak. Maka, berdasarkan analisis trend tersebut, didapati dalam tempoh 2010 sehingga 2016, kajian yang dijalankan lebih kepada keupayaan aktiviti seni membantu meningkatkan perkembangan kanak-kanak berisiko dan bermasalah pembelajaran. Analisis mendapati kurang penerbitan artikel seni dalam pendidikan awal kanak-kanak yang menyentuh tentang penilaian dan pentaksiran. Menerusi analisis trend ini, dicadangkan kajian-kajian dijalankan terhadap bentuk pentaksiran dan penilaian perkembangan kanak-kanak menerusi aktiviti seni dalam pendidikan awal kanak-kanak.

### RUJUKAN

- Alter-Muri, Simone B., & Vazzano, Stephanie. (2014). Gender typicality in children's art development: A cross-cultural study. *The Arts in Psychotherapy*, 41, 155-162.
- Altinkaynaka, S. O., Aydos, E. H., & Arman, B. (2012). The views of teachers and managers about art, music and drama activities carried out by in-field-teachers in early childhood education institutions. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 46, 2040-2045.
- Arslan, A. A. (2013). A study into the effects of art education on children at the socialization process. *5th World Conference on Education Sciences – WCES 2013*.
- Bae, B. (2004). The arts in early childhood: Learning to teach visual arts in an early childhood classroom: The teacher's role as a guide. *Early Childhood Education*, 31(4), 247-254.
- Bae, B. (2009). Children's right to participate: Challenges in everyday interactions. *European Early Childhood Education Research Journal*, 17(3), 391 – 406.

- Bresler, L., & Latta, M. M. (2009). On empathy: The mirror neuron system and art education. *International Journal of Education & the Arts*.(ERIC No. EJ859046)
- Brown, E. D., Benedett, B., & Armistead, M. E. (2010).Arts enrichment and school readiness for children at risk. *Early Childhood Research Quarterly*, 25,1112-124
- Brown, E. D., & Sax, K. L. (2013).Arts enrichment and preschool emotions for low-income children at risk.*Early Childhood Research Quarterly*, 28, 337-346. doi: 10.1016/j.ecresq.2012.08.002
- Cakir Ilhan, A. (2003). Sınıf Öğretmeni Yetiştirme Programları ve Sanat Eğitimi. [Classroom Teachers Training Program and Arts Education]*Ankara University Journal of the Faculty of Education*, 36, 13-25.
- Eckhoff, A. (2008). The importance of art viewing experiences in early childhood visual arts: The exploration of a master art teacher's strategies for meaningful early arts experiences. *Early Childhood Education Journal*, 35(1), 463-472. doi: 10078/s10643-007-0216-1
- Fox, J. E., & Schirmacher, R. (2009).*Art & the creative development for young children*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences*. New York, NY: Basic Books.
- Gardner, H. (1999). *Intelligence reframed: Multiple intelligences for the 21st century*. New York, NY: Basic Books.
- Gregoire, M. A., & Lupinetti, J. (2005).Supporting diversity through the arts.*Kappa Delta Pi Record*, 41, 159–162.
- Hardy, W. L. (2011). *Arts in Early Childhood Education and the enhancement of learning*. (Unpublished Ed.D thesis, Walden University, Minneapolis).
- Honig, A. S. (2005, September). The language of lullabies.*Young Children*, 60(5), 30-37. Retrieved from <http://www.naeyc.org>
- Isenberg, J. P., & Jalongo, M. R. (2001).*Creative expression and play in early childhood* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall..
- Jalongo, M. R., & Stamp, L. N. (1997).*The arts in children's lives: Aesthetic experiences in early childhood education*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Jensen, E. (2001). *Arts with the brain in mind*. Alexandria, VA: ASCD.
- Kafol, B. S., Denac, O., & Znidarsic, J. (2015). Opinion of the Slovenian preschool teachers about arts and cultural education in kindergarten.*Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 197, 1317 – 1325
- Kindler, A. (1991).Integrated curriculum and the visual arts.*BCATA Journal for Art Teachers*, 31(1).(ERIC No. ED395845).
- Kocer, H. (2012). The evaluation of art activities applied in preschool education programmes in terms of self-expression opportunity given to child. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 51, 289-295.
- Mikow-Porto, V. A. (1998). Improving basic education for all learners: The role of arts education. *SERVE policy brief*. Washington, DC: Office of Educational Research and Improvement. (ERIC No. ED429917)
- Nikoltsos, C. (2000). *The art of teaching art in early childhood education*.(ERIC No. ED443575).
- Ozturk, I. (2001): The role of education in economic development: A theoretical perspective.*Journal of Rural Development and Administration*,33(1), 39-47.

Schirmacher, R. (2002). *Art and creative development for young children*. Albany, NY: Delmar Thomson Learning.

Walkerdine, Valerie. (2007). *Children, gender, video games*. Basingstoke, UK: Palgrave Macmillan.